Jabatan ORL Hospital Melaka telah menganjurkan *Kursus ORL Update 2018* pada 29 Oktober 2018 bertempat di Dewan Sport Compleks, Kolej Perubatan Manipal Melaka. Kursus ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Professor Dr Jaspal Singh Sahota, Chief Executive Officer,Kolej Perubatan Manipal Melaka. Seramai 110 orang peserta dari Hospital dan Klinik Kesihatan di negeri Melaka,Johor dan Negeri Sembilan yang mengikuti kursus kali ini dan mereka terdiri daripada pelbagai kategori jawatan seperti Pegawai Perubatan,Pegawai Perubatan Pelatih,Penolong Pegawai Perubatan,Jururawat dan juga Pelajar-pelajar Kolej Perubatan Manipal.



Peserta diberi pendedahan tentang rawatan dan pengurusan terkini penyakit-penyakit di bahagian telinga,hidung dan tekak serta kepala & leher.Ceramah telah disampaikan oleh Pakar – pakar ORL dari Hospital Melaka, Hospital Kem Terendak dan Kolej Perubatan Manipal. .Di samping itu juga peserta-peserta diberi latihan dan tatacara melakukan penukaran tiub trakeostomi ke atas pesakit. Kursus berakhir pada jam 5.00 petang dengan upacara penutup kursus dan pemberian sijil kepada semua peserta dan penceramah.



Penerangan dan latihan penukaran tiub trakeostomi oleh Dr Mohamed Iliyas –Pegawai Perubatan Jabatan ORL Hospital Melaka.

JABATAN BEDAH MULUT (PERGIGIAN)

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan ini pada mulanya dikenali sebagai Klinik Aneka Pergigian sejak ia mula beroperasi seawal tahun 1930-an di Blok Lama Hospital Melaka. Klinik ini telah berpindah ke Tingkat 2, Kompleks Pakar, Blok Baru Hospital Melaka pada bulan Julai 1999 dan berfungsi sebagai pusat rujukan kes-kes pergigian dan pembedahan mulut.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Perkhidmatan kepakaran pembedahan mulut dan maksilofasial
- Patologi dan perubatan mulut
- Prostetik maksilofasial
- Pergigian untuk pesakit "*medically compromised*"
- Pergigian am
- Perkhidmatan kecemasan dan trauma 24 jam

3.0 SUMBER MANUSIA

Jawatan	Gred	Jumlah sedia ada
Pakar Perunding Bedah Mulut	Khas C	1
Pakar Bedah Mulut	U54	1
Pegawai pergigian	U54	1
Pegawai Pergigian	U48	1
Pegawai Pergigian	U44	7
Juruteknologi Pergigian	U36	1
Ketua Jururawat Pergigian	U32	1
Juruteknologi Pergigian	U29	1
Pembantu Tadbir	N22 (KUP)	1
Pembantu Pembedahan Pergigian	U26	1
Pembantu Pembedahan Pergigian	U24	2
Pembantu Pembedahan Pergigian	U24(KUP)	4
Pembantu Pembedahan Pergigian	U19	9
Pembantu Perawatan Kesihatan	U12	2
Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	1
		34

4.0 BEBAN KERJA

➢ Jumlah kedatangan pesakit luar (baru)	3334
➢ Jumlah kedatangan pesakit luar (ulangan)	8266
Pembedahan bius am : bilangan pesakit	
➢ Elektif	260
➢ Daycare	38
➢ Kecemasan	10

➢ Rawatan pergigian am	5106
➢ Jumlah pembedahan bius setempat	1267
➢ Jumlah pesakit dalam	1873

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

- Melaksanakan kajian kepuasan pelanggan
- Menjalankan kajian masa menunggu setiap bulan.
- Menjalankan audit klinikal dan memantau KPI jabatan
- Menjalankan kajian QA





Aktiviti Peningkatan Kualiti Membentangkan kajian QA

5.2 Aktiviti Jabatan

- Memberi latihan kepada Pegawai Pergigian Tahun Pertama yang menjalanilatihan sandaran di Jabatan ini.
- Terlibat dalam latihan Pembantu Pembedahan Pergigian dan Juruteknologi Pergigian yang menjalani latihan sandaran di jabatan ini.
- Menyelaras *Joint Clinic* untuk kes-kes "*surgical orthodontic*"

5.3 Aktiviti lain sepanjang 2018

5.3.1 Aktiviti Bersama Jabatan Anjuran Hospital Melaka

i. Program Bubur Lambuk Perdana









ii. Sambutan Hari Raya







iii. Pertandingan Sambutan Hari Kemerdekaan







iv. Gotong-royong Taman Al-Famun





5.3.2 Aktiviti yang dianjukan oleh Jabatan *Family Day* di Port Dickson









5.3.3 Coretan Majlis persaraan & perpisahan kakitangan Jab Bedah Mulut & Maksilofasial















6.0 PENCAPAIAN

Seorang kakitangan Jab Bedah Mulut & Maksilofasial telah dianugerahkan khidmat cemerlang iaitu:

Lokman Haidzir Bin Lokmanulhakim
Pembantu Pembedahan Pergigian U19

JABATAN PEMBEDAHAN PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF

1.0 PENGENALAN

Jabatan Pembedahan Plastik Dan Rekonstruktif Hospital Melaka sudah tujuh tahun beroperasi sejak bulan Julai 2012. Jabatan ini memberikan perkhidmatan pembedahan (di ketiga-tiga Hospital Kuster Melaka) dan klinik pakar berjadual (rujukan dan susulan) di Hospital Melaka.

Unit Rawatan Kebakaran yang terletak di ICU Mawar adalah juga di bawah jagaan jabatan ini. Pesakit-pesakit kelecuran serius ditempatkan di sini di mana fasiliti dua katil dilengkapi dengan peralatan ventilasi dan bilik hidroterapi ada disediakan. Manakala, pesakit-pesakit lain ditempatkan di wad-wad 1-2 (pediatrik surgikal) dan 1-3 (wad multidisiplin)

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

i. Memberi perkhidmatan rawatan kepakaran pesakit dalam berdasarkan Piagam Pelanggan Wad.
ii. Memberi perkhidmatan rawatan kepakaran pesakit luar berdasarkan Piagam Pelanggan Klinik.
iii. Menjalankan aktiviti pembedahan kepakaran ke atas pesakit di dewan bedah utama dan harian di ketiga-tiga hospital kluster .
iv. Menjalankan perkhidmatan kepakaran Plastik Dan Rekonstruktif di Hospital Kluster Melaka *(Non Lead)* iaitu Hospital Jasin dan Alor Gajah.
v. Memberi perkhidmatan atas panggilan aktif /kecemasan 24 jam.
vi. Menjadi pusat rujukan rawatan kebakaran dan kelecuran dari Hospital Kluster Melaka (*non lead)*, selatan Negeri Sembilan dan di bahagian utara Johor.
vii. Menjadi pusat latihan pembedahan plastik untuk pegawai perubatan yang menjalani Program Sarjana Pembedahan, Orthopedik dan Otorhinolaryngologi.
viii. Fungsi-fungsi lain termasuk menjalankan program pendidikan berterusan kepada anggota jabatan, hospital dan negeri, menjalankan aktiviti-aktiviti kualiti (ISO900, akreditasi dan sebagainya), menjalankan aktiviti penyelidikan dan menjalankan aktviti pendidikan kesihatan pesakit.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BIL	ISI	KOSONG	KEPERLUAN SEBENAR
Pakar Pembedahan Plastik Gred Jusa C	0	0	0	1
Pakar Pembedahan Plastik Gred UD56	1	1	0	2
Pakar Pembedahan Plastik Gred UD54	1	1	0	2
Pakar Pembedahan Plastik Gred UD52	1	1	1	2
Peg. Perubatan Gred Ud44/48/52/54	5	5	0	10
Pen. Peg. Perubatan Gred U32	1	0	-1	1
Pen. Peg. Perubatan Gred Kup32/U29	2	2	-1	6
Jururawat Terlatih Gred U32	0	0	0	1
Jururawat Terlatih Gred Kup32/U29	8	6	-2	12

Jururawat Masyarakat U19	1	0	-1	2
Pem. Perawatan Kesihatan Gred U11				
JUMLAH	21	17	-4	41

NOTA :


Penolong Pegawai Perubatan Gred U32 hakiki dan U29 disandang dari Bahagian Pengurusan. Manakala Jururawat Terlatih Gred KUP32/U29 dan Jururawat Masyarakat U19 disandang dari Jabatan Pembedahan Am.

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Jumlah kedatangan pesakit ke klinik yang meningkat dari tahun 2015 hingga tahun 2018

BULAN	ULANGAN	KES BARU	JUMLAH
JUMLAH	5836	1146	6982

Jadual 5.7.1 : Jumlah kedatangan pesakit ke klinik 2018




Rajah 5.7.1 : Statistik Kedatangan Pesakit Berdasarkan Kes di Klinik PRS Dari Tahun 2015 Hingga 2018

4.2 Purata kedatangan pesakit ESRF /CKD antara 50% - 60% ke klinik bagi Arteriovenous Creation berbanding jumlah keseluruhan

TAHUN	JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT CKD / ESRF	JUMLAH PESAKIT KESELURUHAN
2014	1843 (60%)	3087
2015	2298 (59%)	3902
2016	2950 (55%)	5340
2017	3310 (54%)	6110
2018	3517 (50%)	6982

Jadual 5.7.2 : Statistik perbezaan kedatangan pesakit ESRF /CKD dengan jumlah keseluruhan dari tahun 2014 hingga 2018

4.3 Penambahan kedatangan pesakit ESRF ke klnik sehingga tahun 2018




Rajah 5.7.2 : Statistik Kedatangan Pesakit ESRF ke Klinik Pembedahan Plastik, Hospital Melaka Antara tahun 2014 hingga 2018

4.4 Pengurangan tempoh masa pesakit ESRF/CKD yang memerlukan pembedahan Arteriovenous Fistula Creation yang mampu dicapai dari 24 minggu hingga ke 48 minggu kepada 6 hingga 7 minggu sahaja.

TAHUN	PURATA WAKTU MENUNGGU PEMBEDAHAN AVF (MINGGU) (TARGET < 8 MINGGU)
<2012	24 - 48
2014	11
2015	10
2016	-
2017	6
2018	7

Jadual 5.7.3 : Statistik pencapaian KPI Cluster Melaka : Avf Waiting Time Dari Tahun 2013 Hingga 2018


4.5 Jumlah Penggunaan Ultrasound Dalam Arteriovenous Fistula



Rajah 5.7.4: Beban penggunaan ultrasound bagi pesakit sebelum dan selepas pembedahan *arteriovenous fistula creation* dari tahun 2016 hingga 2018.

Kelaziman penggunaan ultrasound dibuat ke atas pesakit sebagai salah satu proses penyaringan sebelum pembedahan, pemeriksaan kematangan fistula sebelum digunakan serta pemantauan dan diagnosis komplikasi yang terjadi setelah AVF (*Arteriovenous Fistula*) digunakan untuk hemodialisis.

Berikut adalah purata pembedahan arteriovenous fistula cretaion yang dilakukan kepada pesakit sekitar negeri Melaka yang dilaksanakan secara daycare mengikut program Kluster Hospital.




Namun, bagi tahun 2018 terdapat sedikit penurunan akibat penutupan Dewan Bedah Hospital Jasin pada 20/4 - 23/10/2018 yang melibatkan kedua-dua OR atau salah satu OR yang memberi impak jumlah kes AVF dan meningkatkan waktu menunggu pembedahan AVF.

4.6 Jumlah pesakit dimasukkan ke Unit Kebakaran dan Kelecuran

BULAN	2013	2014	2015	2016	2017	2018
JUMLAH	66	112	56	74	70	88

Jadual 5.7.3 : Jumlah pesakit dimasukkan ke Unit Kebakaran dan Kelecuran 2013 – 2018

Peningkatan jumlah pesakit dimasukkan ke Unit Kebakaran Dan Kelecuran meningkat dari tahun sebelumnya




Rajah 5.7.5 : Data kemasukkan pesakit Unit Pembedahan Plastik & Rekonstruktif ke Unit Rawatan Kebakaran dan Kelecuran Hospital Melaka

4.7 Jumlah Pembedahan Pilihan dan Kecemasan yang menunjukkan

BULAN	JUMLAH BILANGAN PEMBEDAHAN PILIHAN DAN KECEMASAN
JANUARI-JUN (SEMESTER PERTAMA)	156
JULAI-DISEMBER (SEMESTER KEDUA)	253
JANUARI-DISEMBER	409

Jadual 5.7.4 : Jumlah Bilangan Pembedahan Pilihan dan Kecemasan

Peningkatan jumlah pembedahan dari semester pertama dan semester kedua di Hospital Melaka tahun 2018.



4.8 Pembedahan Kluster di Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah

Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif turut terlibat melaksanakan perkhidmatan pembedahan di Hospital (Kluster) yang melibatkan pembedahan secara rawatan harian (bius setempat dan bius am) dan rawata pesakit dalam. Berikut dilampirkan

BULAN	G.A	LA	SPINAL	ELEKTIF	KECEMASAN
JANUARI – JUN	35	352	9	396	0
JULAI – DISEMBER	44	421	14	479	0
JANUARI - DISEMBER	79	773	23	875	0


Jadual 5.7.5: Laporan pembedahan Elektif Jabatan Pembedahan Plastik & Rekontruktif di Hospital Jasin Bagi Tahun 2018 (Jan – Dis)

BULAN	G.A	ELEKTIF	LA	KECEMASAN
FEBUARI - JUN	6	125	119	0
JULAI - DISEMBER	2	61	59	0
JANUARI - DISEMBER	8	186	178	0

Jadual 5.7.6: Laporan pembedahan Elektif Jabatan Pembedahan Plastik & Rekontruktif di Hospital Alor Gajah Bagi Tahun 2018 (Feb – Dis)

4.9 Perkhidmatan Rawatan Harian sepanjang tahun 2018.

Jabatan juga ada mengendalikan beberapa perkhidmatan rawatan harian kepada pesakit bagi memberi kemudahan kepada mereka dan membantu pihak hospital mengoptimumkan penggunaan katil bagi kes-kes lain yang lebih memerlukan.



Rajah 5.7.6 : Perbezaan kes Rawatan Harian Bagi Jabatan Pembedahan Plastik & Rekontruktif Bagi Tahun 2018 (Jan – Dis)

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

a) Pemantauan KPI dan NIA
b) Pemantauan Objektif Kualiti setiap bulan untuk pesakit luar dan dalam
c) Pembelajaran berterusan (CME) untuk Pegawai Perubatan dan Paramedik.
d) Lawatan Pakar Ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar pada pada Selasa dan Rabu minggu pertama pada setiap bulan telah ditamatkan pada bulan 9 tahun 2018.
e) Latihan sangkutan di Burn Unit Hospital Sg Buloh selama sebulan untuk 6 orang jururawat terlatih ICU Mawar.

5.2 Jadual Waktu Bertugas

Waktu bertugas Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif adalah seperti berikut: Hari isnin hingga Jumaat jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

5.3 Aktiviti Jabatan

TARIKH	AKTIVITI	ANJURAN
13 MAC 2018	VASCULAR ULTRASOUND USER TRAINING	JABATAN PEMBEDAHAN PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF HOSPITAL MELAKA.
12 APRIL 2018	PAMERAN POSTER DI SAMBUTAN WORLD KIDNEY DAY 2018	JABATAN NEFROLOGI, HOSPITAL MELAKA/ PERSATUAN JURURAWAT MALAYSIA(MELAKA)/MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
21 APRIL 2018	PAMERAN POSTER DI SAMBUTAN HARI KESIHATAN DAN HARI TIBI SEDUNIA 2018 PERINGKAT NEGERI MELAKA	ABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA
7 MEI 2018	SEMINAR 'PLASTIC & RECONSTRUCTIVE SURGERY'	JABATAN PEMBEDAHAN PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF HOSPITAL MELAKA
11 OKTOBER 2018	PAMERAN POSTER @ TALK DI SAMBUTAN BREAST CANCER AWARENESS 2018	JABATAN PEMBEDAHAN
28-30 NOV 2018	1ST MELAKA CLEFT LIP AND CLEFT PALATE CONFERENCE 2018	JABATAN PEMBEDAHAN PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF HOSPITAL MELAKA.

Jadual 5.7.7 : Aktiviti Jabatan Tahun 2018

5.4 A) CME Peringkat Jabatan

TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH	KEHADIRAN
19 JANUARI 2018	"SKIN AND COMPOSITE GRAFTING"	DR. MOHD TARMIZI MOHD SAID	25 orang
2 FEBUARI 2018	"SKIN AND COMPOSITE GRAFTING" ADVANCED	DR. MOHD TARMIZI MOHD SAID	25 orang
3 MAC 2018	"DRESSING MATERIAL AND THE EFFECTIVENESS IN WOUND MANAGEMENT - POLYMERIC MEMBRANE"	MRS CANDY	18 orang
3 MAC 2018	"SKIN AND COMPOSITE GRAFTING & BURN PATHOPHYSIOLOGY AND ACUTE RESUSCITATION"	DR. MOHD TARMIZI MOHD SAID	16 orang


27 APRIL 2018	"PRESSURE SORE"	DR. AZIRA MAT YASSIR	18 orang
25 MEI 2018	'UPDATE ON WOUND & VENOUS ULCER MANAGEMENT OF PRESSURE SORE'	MR JEFFERSON SMITH& NEPHEW/	20 orang
8 JUN 2018	"MANAGEMENT OF PRESSURE SORE PART 2"	DR. AZIRA MAT YASSIR	14 orang
22 JUN 2018	"BURN PATHOPHYSIOLOGY AND ACUTE RESUSCITATION & CLEFT PALATE"	DR. KHOO NGEH POH	17 orang
17 OGOS 2018	ACUTE BURN RESUSCITATION AND BURN SURGERY	DR. KHOO NGEH POH	13 orang
21 SEPTEMBER 2018	" PAIN MANAGEMENT"	DR. NURUL ASYIKIN	14 orang
28 SEPTEMBER 2018	" MEDICATION ERROR"	FARMASI	14 orang
28 SEPTEMBER 2018	ION-NARCOTIC POST OP PAIN MANAGEMENT"	MS IRENE M&S MEDICA SUPPLIES SDN BHD	14 orang

Jadual 5.7.8 : CME Peringkat Jabatan Tahun 2018

6.0 PENCAPAIAN

PERKARA	STANDARD	PENCAPAIAN
Masa menunggu pesakit dalam tempoh 90 minit	Standard <90 %	Januari – Jun : 87.73 % Julai – Disember : 88.17 % Januari – Disember : 87.95%
Pembatalan kes elektif dewan bedah Hospital Melaka	Standard <10 %	Januari – Jun : 4.35% Julai – Disember : 3.68%

Jadual 5.7.9 : Pencapaian % KEY PERFORMANCE INDEX (KPI) pada tahun 2018



Rajah 5.7.7 : Laporan Bulanan Pencapaian Objektif Kualiti Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Bagi Tahun 2018

6.1 Key Performance Indicator (KPI) Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif 2018 seperti berikut :-

IND	INDICATOR	STANDARD	JAN - MAC			APR - JUN			JULY - SEP			OCT - DEC		
		(3MONTHLY)	N.	D.	P. A	N.	D.	P. A	N.	D.	P. A	N.	D.	P. A
1	Percentage of cleft lip / palate patient consultation within (≤)6 weeks at plastic surgery clinic	≥ 85 %	12	12	**100%**	5	5	**100%**	9	9	**100%**	7	7	**100%**
2	Percentage of Basal Cell Carcinoma (BCC) patients with waiting time of (≤) 4 weeks for definitive surgery	≥ 85 %	9	9	**100%**	2	2	**100%**	2	2	**100%**	1	1	**100%**
4	Percentage of full thickness skin graft (FTSG) with ≥80% graft take following elective surgery	≥ 85 %	6	6	**100%**	9	9	**100%**	3	3	**100%**	10	10	**100%**

5	Percentage of post-palatoplasty patients with haemorrhage returned to operating theatre within (≤) 24 hours of primary palate repair	≤ 5 %	0	4	**0%**	0	7	**0%**	0	7	**0%**	0	5	**0%**
6	Rate of complex excision of Basal Cell Carcinoma (BCC)	≥ 90 %	7	9	**77.78 %**	2	2	**100%**	2	2	**100%**	1	1	**100%**
7	Severe burn mortality rate	< 30 %	0	0	**0%**	0	1	**0%**	0	1	**0%**	1	1	**100%**
8	Percentage of dialysis-access induced limb ischemia following native arterior-venous fistula creation	< 2 %	1	77	**1.29%**	0	55	**0%**	0	52	**0%**	0	69	**0%**

Jadual 5.7.10 : KPI (Tempoh Pemantauan : Januari - Disember)

N. – NUMERATOR *D. – DENOMINATOR *P.A – PERFORMANCE ACHIEVED
Nota :- Pemantauan ini dilakukan pada setiap 3 bulan.

7.0 ISU DAN CABARAN

7.1 Kekurangan kakitangan yang merangkumi pegawai perubatan dan kumpulan sokongan yang terpaksa dijadualkan setiap tugasan, cuti dan kursus secara lebih berkesan dan teliti bagi tujuan mengurangkan aduan yang diterima dan sedikit sebanyak akan menjejaskan kualiti perkhidmatan dalam penerimaan kes rujukan dan rawatan awal kepada pesakit.

7.2 Kekurangan slot pembedahan yang disediakan memberi kekangan bagi pihak jabatan mengenalpasti keutamaan kes apabila kes elektif yang dijadualkan terpaksa dibatal akibat masalah perubatan yang dihadapi oleh pesakit.

7.3 Kekangan Peralatan dan fasiliti yang selama ini kebanyakkannya diguna sama dengan jabatan lain telah menjangkaui tempoh melebihi 19 tahun. Hal ini, menimbulkan beberapa isu apabila penggunaan peralatan tersebut untuk tempoh masa yang sama serta tempoh lusuh yang mampu meningkat dengan lebih cepat dari jangkaan sebenar. Di samping itu, terdapat fasiliti *V.A.C Negative Pressure Wound System Therapy* yang terpaksa diubah suai oleh pihak jabatan akibat kekangan pembelian dengan penggunaan wall suction yang berada di wad bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat disediakan kepada pesakit.

7.4 Kekangan infrastruktur ruang di klinik terpaksa berkongsi dengan klnik lain menyebabkan lambakan pesakit yang kian bertambah terutama ketika menunggu mendapatkan rawatan. Di samping itu, ruang bilik prosedur yang terhad mengganggu susun atur prosedur terhadap pesakit yang adakala terpaksa berkongsi ruang yang sama ketika

proses konsultasi dliakukan.Dalam pada itu, insfrastruktur unit kebakaran dan kelecuran yang diambil alih oleh pihak jabatan dalam jangka masa yang terdekat menjelaskan suasana persekitaran unit kebakaran dan kelecuran yang sebenar. Namun demikian, demi kepentingan pesakit beberapa tindakan seperti mengoptimakan kembali ruangan mandian pesakit telah dimulakan bagi memastikan proses kebakaran dan kelecuran yang dialami pesakit dalam jangka masa yang seminima yang mungkin.

LAMPIRAN AKTIVITI JABATAN














1ST MELAKA CLEFT LIP AND CLEFT PALATE CONFERENCE 2018














PAMERAN POSTER DI SAMBUTAN HARI KESIHATAN DAN HARI TIBI SEDUNIA 2018 PERINGKAT NEGERI MELAKA









SEMINAR 'PLASTIC & RECONSTRUCTIVE SURGERY'

DIREKTORAT DIAGNOSA KLINIKAL

JABATAN RADIOLOGI

1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2018, Jabatan Radiologi telah melaksanakan beberapa aktiviti yang bertepatan dengan perkhidmatan yang diberi. Jabatan ini juga telah berusaha untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah yang berkualiti dan memenuhi kehendak semua lapisan pelanggan.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Fungsi utama Jabatan ini adalah untuk memberi perkhidmatan diagnostik dan terapeutik melalui pengimejan dan kepakaran radiologi. Perkhidmatan-perkhidmatan ini diberi melalui beberapa modaliti yang merangkumi:

2.1 Perkhidmatan Pemeriksaan Radiografi Am (Jabatan Utama dan Jabatan Ortopedik).
2.2 Perkhidmatan Mudah Gerak
2.3 Perkhidmatan Pergigian – OPG (Orthopantomogram) & Lateral Cephalometric Radiograph
2.4 Perkhidmatan *Ultrasound*
2.5 Perkhidmatan *Computerized Tomography* (*CT Scan*)
2.6 Perkhidmatan *Magnetic Resonance Imaging* (MRI)
2.7 Perkhidmatan Fluroskopi
2.8 Perkhidmatan *Intravenous Urography*
2.9 Perkhidmatan *Bone Densitometer*
2.10 Perkhidmatan Mamografi
2.11 Perkhidmatan Fluroskopi di Dewan Bedah
2.12 Perkhidmatan Laporan Radiologi
2.13 Perkhidmatan *Intervensional* Radiologi

3.0 SUMBER MANUSIA


JAWATAN/ GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pakar Perunding Radiologi JUSA C VK6	1	1	0	100.0%
Pakar Perunding Radiologi JUSA C VK6 (KUP)	1	1	0	100.0%
Pakar Perubatan Radiologi UD56	3	3	0	100.0%
Pakar Perubatan Radiologi UD52/53/54/	5	4	0	80.0%
Pegawai Perubatan UD44/48/52/54	11	11	0	100.0%
Pegawai Sains (Fizik) C41/44	1	1	0	100.0%
Juru X-ray U44	1	0	1	0.0 %
Juru X-ray U41/42/44	3	3	0	100.0 %
Juru X-ray U36	4	4	0	100.0 %
Juru X-ray U32	5	3		60.0 %
Juru X-ray U29	35	34	1	97.14%

Jururawat U29/32 (KUP)	5	5	0	100.0%
Jururawat Masyarakat U19/24	2	2	0	100.0 %
Pembantu Tadbir N19/22	1	2	-1	200.0 %
Pembantu Perawatan Kesihatan U11	7	9	-2	128.6 %
JUMLAH	**85**	**82**	**5**	**96.47%**

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Jumlah Kes Pemeriksaan

Graf dibawah menunjukkan jumlah kes dari tahun 2014 sehingga 2018.



Rajah 6.1.1 :Jumlah Kes Pemeriksaan Dari Tahun 2014 – 2018

4.2 Perbandingan Perkhidmatan Radiologi Tahun 2014 – 2018

MODALITI	2014	2015	2016	2017	2018
General Radiography	134,839	137,631	138,033	140,657	144,602
Fluoroscopy	681	554	770	745	759
Intravenous Urography	11	10	4	11	11
Ultrasound	14,003	16,125	16,404	19,174	21,006
CT Scan	13,956	13,798	15,159	14,751	16,730
MRI	1,707	1596	1,652	1,599	1,741
Mammography	1,431	1567	1,729	1,703	1,787
Bone Densitometry	2,178	1722	2,056	1,974	1,774
Dewan Bedah	2,579	2110	2,032	1,798	1,362
JUMLAH	**171,374**	**175,113**	**177,839**	**182,412**	**189,772**

Jadual 6.1.1 :Perbandingan Perkhidmatan Radiologi 2014 – 2018

4.3 Perbandingan Terperinci Pemeriksaan Radiologi Tahun 2014 – 2018

PEMERIKSAAN	2014	2015	2016	2017	2018
Mobile Radiography	16,395	13,640	12,748	13,531	13,482
Mobile Radiography (ED)	5,883	4,876	4,221	9,025	7,720
Pergigian (OPG & Lat Ceph)	1,985	3,610	2,971	3,244	3,746
Hysterosalpingiography	132	153	162	173	176
Barium Studies	78	125	33	24	45
Micturating Cystography	26	11	17	16	17
TRUS	118	90	88	85	82
Biopsy (USG)	315	200	99	135	258
Stereotactic Biopsy (Mammogram)	24	19	18	18	22
Ductogram	6	4	1	9	3
Hook-wire Localization	2	1	3	3	10
Aspiration (USG)	17	10	10	11	13
Biopsy & FNAC (CT Scan)	35	11	20	32	31
Drainage (CT Scan)	12	16	7	22	25
CT Colonoscopy	19	14	15	16	15
Reporting – General Radiography	32,634	37,402	39,815	34,473	35,533

Jadual 6.1.2 :Pemeriksaan Radiologi Tahun 2014 – 2018

5.0 AKTIVITI

5.1 *Continous Medical Education* (CME)

Continous Medical Education (CME) diadakan setiap bulan untuk semua anggota di Jabatan ini. CME ini dikategorikan mengikut keperluan setiap golongan anggota seperti dibawah:-

5.1.1 CME untuk semua kategori anggota Jabatan Radiologi Hospital Melaka diadakan sekali setiap bulan. Modul ceramah yang diadakan adalah mengenai tatacara dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh kakitangan. Setiap anggota akan memberi ceramah mengikut giliran seperti yang ditetapkan oleh Jabatan ini. Selain itu, ceramah oleh Unit Kawalan Infeksi dan *Clinical Research Center* Hospital Melaka turut diadakan untuk memberi pendedahan kepada semua anggota.

5.1.2 CME khas mengenai teknik-teknik radiografi turut diadakan sebulan sekali untuk Juru X-ray. Tujuan utama CME ini adalah untuk mengurangkan peratusan penolakan filem dan juga untuk mengurangkan dos radiasi kepada pesakit. Selain itu, ia juga dapat menambah pengetahuan Juru X-ray tentang teknik-teknik radiografi supaya dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit.

5.1.3 CME (klinikal) untuk Pakar dan Pegawai Perubatan Jabatan diadakan sebulan sekali supaya dapat menambah pengetahuan.

5.1.4 *Journal Club* untuk Pakar dan Pegawai Perubatan Jabatan diadakan sebulan sekali. Tujuannya adalah untuk memberi pendedahan serta menyalurkan maklumat-maklumat dan teknik-teknik yang terkini. Ceramah ini disampaikan oleh setiap Pakar dan Pegawai Perubatan Jabatan mengikut giliran.

Konferens Radiologi dengan Jabatan Pediatrik, Ortopedik, ORL dan Anestesiologi diadakan sekali dalam sebulan serta Konferens Radiologi dengan Jabatan dan Perubatan dan Jabatan Pembedahan diadakan selang sebulan di antara kedua-dua Jabatan ini.

Konferens Radiologi dengan Jabatan Pediatrik, Ortopedik, ORL dan Anestesiologi diadakan sekali dalam sebulan serta Konferens Radiologi dengan Jabatan dan Perubatan dan Jabatan Pembedahan diadakan selang sebulan di antara kedua-dua Jabatan ini.

5.2 Latihan Klinikal

Jabatan ini dipilih oleh beberapa institusi yang menjalankan Program Pengimejan untuk memberi latihan klinikal kepada pelatih-pelatih Juru X-ray.

Institusi-institusi tersebut adalah seperti berikut:

5.2.1 Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sungai Buloh
5.2.2 Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Johor Bahru
5.2.3 Kolej Vision
5.2.4 UNISEL
5.2.5 Universiti Kebangsaan Malaysia

Jabatan ini telah mengadakan Tutorial Pediatrik Radiologi dan beberapa ceramah untuk pelajar Perubatan (tahun akhir) dari *Melaka Manipal Medical College*. Tutorial dan ceramah ini dijalankan selepas waktu pejabat dari semasa ke semasa.

Jabatan ini juga telah menerima beberapa pelajar sarjana perubatan keluarga dari UKM dan UPM untuk menjalani latihan sangkutan dalam bidang Radiologi

5.3 Penganjuran Kursus

Pada tahun 2018, Jabatan ini telah menganjurkan 1 kursus peringkat kebangsaan dan 2 kursus peringkat hospital.

Kursus- kursus yang telah dijalankan adalah seperti berikut :-

5.3.1 Kursus ***'BODY IMAGING REFRESHER COURSE FOR RAIOGRAPHERS'*** diadakan pada 28 April 2018 untuk Juru X-ray yang bertugas di Jabatan/Unit Radiologi di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan hospital swasta.

5.3.2 Kursus ***'POLISI KESELAMATAN SEMASA BEKERJA'*** pada 11 Mei 2018 untuk semua staf yang bekerja di Jabatan Radiologi Hospital Melaka.

5.3.3 Kursus ***'RADIATION PROTECTION 2018'*** pada 7 September 2018 untuk Pegawai Perubatan yang bertugas di Hospital Melaka.

5.4 Motivasi Pagi

Motivasi Pagi diadakan setiap hari Jumaat dua kali sebulan. Anggota Jabatan dijadualkan secara bergilir-gilir untuk menyampaikan satu topik yang bertujuan untuk memberi motivasi dan renungan untuk meningkatkan semangat kerja dan juga panduan untuk menjalani kehidupan yang lebih sempurna dan bahagia.

5.5 Aktiviti-Aktiviti Lain

Sambutan perayaan untuk semua kaum anggota telah diadakan di mana semua anggota dapat bersama-sama menjamu selera di Jabatan.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Objektif Kualiti

Objektif Kualiti Jabatan ini adalah untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya 90% pesakit tidak menunggu lebih dari 45 minit untuk pemeriksaan radiografi am. Kajian ini telah dijalankan di Jabatan Utama Radiologi dan juga di Unit *X-ray*, OOPD.

Keputusan untuk tahun 2018 adalah seperti berikut :-

BULAN	KEPUTUSAN	
	OOPD	JABATAN UTAMA
Purata Keseluruhan	**94.36 %**	**99.94%**

Jadual 6.1.3 :Peratus Masa Menunggu Untuk Pemeriksaan Radiografi Am 2018

Beberapa sasaran telah ditetapkan untuk memastikan perkhidmatan radiologi dapat dijalankan dengan cepat, efektif dan berkesan.

6.2 *National Indicator, Key Performance Indicator* Dan *Hospital Performance Indicator For Accountability*

KPI INDICATOR	MORBIDITY – PNEMOTHORAX / HAEMORRHAGE	WAITING TIME OF ≤ 60 MINS FOR COMENCEMENT OF USG EXAMINATION (3monthly)	RETAKE X RAY	TURN AROUND TIME FOR INPATIENT REPORTING WITHIN 2 WORKING DAYS	TURN AROUND TIME FOR OUTPATIENT REPORTING WITHIN 14 WORKING DAYS	CONTRAST MEDIA EXTRAVASATION FOLLOWING CT EXAMINATION
Standard	**≤ 10.0%**	**≥ 80.0%**	**< 2.5%**	**≥ 97%**	**≥ 90.0%**	**< 1.0%**
Januari	0.0 %	94.5%	1.88%	99.3 %	99.3%	0%
Februari	0.0 %		1.62%	100 %	99.2%	
Mac	0.0 %		1.31%	99.2%	99.8 %	
April	0.0 %	93.9%	1.02%	99.5%	99.4%	
Mei	0.0 %		1.21%	99.8 %	99.4 %	
Jun	0.0 %		2.03%	99.8 %	99.1 %	
Julai	0.0 %	98%	1.62%	100 %	99.6 %	0%
Ogos	0.0 %		1.48%	100%	98.9%	
September	0.0 %		1.37%	100%	99.0 %	
Oktober	0.0 %	93.97%	1.43%	100 %	99.9 %	
November	0.0 %		1.31%	99.4%	99.2%	
Disember	0.0 %		1.55%	99.6%	99.7 %	
Purata Keseluruhan	**0%**	**95 %**	**1.48 %**	**99.7 %**	**99.4 %**	**0 %**

Jadual 6.1.4 : Key Performance Indikator untuk Tahun 2018

Berikut adalah laporan keseluruhan KPI dan HPIA untuk bulan Januari hingga Disember 2018 :

HPIA INDICATOR	URGENT PLAIN RADIOGRAPHIC EXAMINATION BY EMERGENCY DEPARTMENT WITHIN 45 MINUTES
Januari	95.52 %
Februari	98.57%
Mac	96.12 %
April	95.5 %
Mei	97.48 %
Jun	96.81 %
Julai	100 %
Ogos	94.58 %
September	95.6 %
Oktober	96.26 %
November	97.33 %
Disember	95.88%
Purata Keseluruhan	**97 %**

Jadual 6.1.5 :Pencapaian HPIA untuk Tahun 2018

Seperti yang dipaparkan di atas, indikator-indikator yang ditetapkan telah tercapai. Jabatan ini berharap sasaran KPI dan HPIA ini dapat berterusan bagi memastikan perkhidmatan yang diberi kepada pesakit adalah berkesan dan berkualiti.

6.3 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan telah dijalankan selama sebulan dari 30 Julai sehingga 3 Ogos 2018.

018. Kajian ini merangkumi perkhidmatan di Unit X Ray Jabatan Ortopedik. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan.

7.0 ISU DAN CABARAN

Pada tahun 2018, antara cabaran yang dihadapi oleh Jabatan in ialah kekurangan Pakar Radiologi pada masa-masa tertentu dan permintaan perkhidmatan radiologi semakin meningkat. Mesin *Mobile X ray*, *Mesin CR di Ortopedik X Ray*, Mesin Radiography Am, Bone Densitometry, Multipurpose C – arm fluoroscopy, *Ultrasound* dan *MRI* pula telah berusia melebihi 10 tahun ke atas di mana keupayaan mesin-mesin ini adalah terhad dan kerap mengalami kerosakan. Jabatan berharap penggantian mesin-mesin ini dapat dilakukan dalam masa yang terdekat agar perkhidmatan yang lebih efektif dapat diberikan kepada pelanggan.

Jabatan ini juga berharap dapat melengkapkan Hospital Kluster (Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah) dengan mesin-mesin seperti Ultrasound, Mesin CR (computer Radiography), Fluoroscopy dan Mammografi agar perkhidmatan radiologi dapat diperkembangkan dan diteruskan untuk penduduk-penduduk Melaka sekiranya peralatan radiologi di Hospital Melaka mengalami kerosakan ataupun dalam proses penggantian.

Satu lagi cabaran yang dihadapi oleh jabatan adalah peningkatan permintaan perkhidmatan pemeriksaan x-ray am oleh Jabatan Kecemasan. Permintaan-permintaan ini memerlukan tindakan segera. Pada masa ini pesakit-pesakit dari Jabatan Kecemasan diberi keutamaan di jabatan ini. Perkara ini menimbulkan ketidakpuasan hati dikalangan pesakit-pesakit luar atau daripada wad yang sedang menunggu. Jabatan tidak dapat menyediakan satu bilik pemeriksaan x-ray khas untuk pesakit daripada Jabatan Kecemasan kerana kekurangan tempat di jabatan kami. Kami berharap cadangan mengadakan satu unit x-ray dapat di Jabatan Kecemasan dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Namun begitu, jabatan ini masih dapat mencapai misi jabatan iaitu menyediakan satu perkhidmatan radiologi yang efektif.

Disamping perkhidmatan di jabatan, beberapa pakar radiologi dari jabatan ini telah membuat lawatan ke hospital-hospital kluster mengikut jadual yang ditetapkan pada setiap bulan.

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat kekangan isu-isu tersebut di atas, Jabatan Radiologi Hospital Melaka sentiasa memberi perkhidmatan yang terbaik dalam usaha memperbaiki kualiti perkhidmatan melalui sasaran yang dirancang setiap tahun. Peningkatan beban kerja dari semasa ke semasa mampu dihadapi dengan komitmen yang diberi oleh setiap kategori staf di jabatan ini. Semoga segala usaha dan kerjasama yang telah terjalin sepanjang tahun 2018 akan diteruskan dan dipertingkatkan bagi mencapai satu kejayaan yang lebih cemerlang.

JABATAN PATOLOGI

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Patologi merupakan salah satu Direktorat Diagnostik Klinikal Hospital Melaka. Jabatan ini berperanan penting dalam rawatan pesakit dan kesihatan awam melalui perkhidmatan makmal *diagnostic*. Jabatan ini menitikberatkan perkhidmatan yang segera, tepat dan menyeluruh.

Perkhidmatan yang diberikan merangkumi makmal kesihatan, hospital daerah, hospital swasta dan Hospital Kem Terendak di negeri Melaka serta hospital Kementerian Kesihatan di negeri yang berhampiran.

2.0 FUNGSI JABATAN/SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Makmal Patologi dilaksanakan secara profesional, berinovasi, berkualiti dengan mengutamakan pelanggan melalui:

2.1 Kaunter Utama (Preanalitikal) - penerimaan permohonan ujian dan pengurusan keputusan ujian yang diterima dari makmal diagnostik.

2.2 Makmal Pendiagnosan

i. Makmal Patologi Kimia
ii. Makmal Hematologi
iii. Makmal Mikrobiologi
iv. Makmal Serologi
v. Makmal Histopatologi
vi. Makmal Sitologi

2.3 Mengurus program latihan Master in Pathology dan Perkhidmatan Patologi bagi pelatih dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta mengikut program/modul latihan.

2.4 Menggalakkan penglibatan dalam kajian serta penyelidikan dalam bidang Patologi mengikut keperluan demi peningkatan perkhidmatan.

2.5 Memberi perkhidmatan nasihat kualiti dan teknikal patologi ke makmal kesihatan, hospital daerah Negeri Melaka melalui lawatan pakar dan penyeliaan makmal.

3.0 SUMBER MANUSIA

BIL	NAMA JAWATAN DAN GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
1	Pakar Perubatan Kaji Penyakit, Gred Khas B	1	1	0	100
2	Pakar Perubatan Kaji Penyakit, Gred Khas C	2	2	0	100
3	Pakar Perubatan Kaji Penyakit, Gred UD56 /UD54	8	10	+2	125
4	Pentadbir / Klinikal, Pegawai Perubatan Gred UD52/UD54	1	1	0	100
5	Pegawai Perubatan, Gred UD48	2	7	+5	350

6	Pegawai Perubatan, Gred UD44	10	3	-7	30
7	Pegawai Sains Kimia Hayat, Pegawai Sains Gred C52	1	1	0	100
8	Pegawai Sains Mikrobiologi, Pegawai Sains Gred C52	1	1	0	100
9	Pegawai Sains Kimia Hayat, Pegawai Sains Gred C48	1	1	0	100
10	Pegawai Sains Mikrobiologi, Pegawai Sains Gred C48	2	1	1	50
11	Pegawai Sains Kimia Hayat, Pegawai Sains Gred C41/C44	5	6	0	120
12	Pegawai Sains Mikrobiologi, Pegawai Sains Gred C41/C44	6	7	+1	116
13	Pegawai Sains Biomedikal, Pegawai Sains, Gred C41/C44	2	2	0	100
14	Juruteknologi Makmal Perubatan, Gred U29/U32	70	60	10	85.7
15	Juruteknologi Makmal Perubatan, Gred U32	9	9	0	100
16	Juruteknologi Makmal Perubatan, Gred U36	5	2	3	40
17	Juruteknologi Makmal Perubatan, Gred U38	3	2	1	66.7
18	Juruteknologi Makmal Perubatan, Gred U40	1	1	0	100
19	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19/N22	1	3	+2	300
20	Pembantu Perawatan Kesihatan, Gred U14	2	0	2	0
21	Pembantu Perawatan Kesihatan, Gred U11	18	15	3	83.3
JUMLAH BESAR		**153**	**135**		**88.2**

Jadual 6.2.1: Sumber Manusia Jabatan Patologi kod aktiviti 3.21


4.0 BEBAN KERJA

4.1 Beban Kerja Jabatan Patologi

Berikut adalah merupakan pengiraan bilangan ujian setiap unit di Jabatan Patologi, Hospital Melaka.

BIL	UNIT / BAHAGIAN	2014	2015	2016	2017	2018
1	Patologi Kimia	5,127,685	5,073,697	3,526,462	2,577,432	2,704,581.00
3	Mikrobiologi	222,947	236,707	251,793	253,860	249,685.00
4	Serologi	161,628	165,064	148,887	62,202	69,810.00
2	Haematologi	427,666	429,458	411,882	328,671	353,467.00
5	Histopatologi	100,564	44,333	64,443	71,472	76,578.00
6	Saitologi	35,178	31,945	32,468	37,471	39,120.00
JABATAN PATOLOGI		**6,075,668**	**5,981,204**	**4,435,935**	**3,331,108**	**3,493,241.00**

Jadual 6.2.2: Bilangan Ujian di Setiap Unit, Jabatan Patologi



Rajah 6.2.1: Beban kerja Jabatan Patologi

Ulasan Beban Kerja Bagi Bilangan Ujian Patologi:

Terdapat **peningkatan beban kerja Jabatan Patologi pada tahun 2018** berbanding tahun 2017 sebanyak 4.9%.

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Kualiti

- Audit MS ISO 15189 Versi 2014 oleh Standard Malaysia pada 17-18 April 2018.
- Audit Kualiti Dalaman MS ISO 15189 yang dijalankan di semua unit pada 3-7 September 2018.
- Aktiviti kawalan mutu unit-unit di Jabatan Patologi yang terbahagi kepada kawalan mutu dalaman, kawalan mutu luaran (RCPA, IMR, MKAK, RIQAS, EQAS), KPI dan *NIA Indicator.* Pencapaian aktiviti kualiti sentiasa dipantau secara berkala dan segala permasalahan atau SIQ (*Shortfall in Quality*) diambil tindakan serta-merta supaya kualiti proses kerja dan perkhidmatan terjamin. Laporan pencapaian aktiviti kawalan mutu ini dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Kualiti Perkhidmatan Patologi Negeri Melaka pada 16 Januari 2018.
- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Jabatan Patologi telah diadakan pada 14 November 2018.

5.2 Aktiviti Kluster Perkhidmatan Patologi:

Lawatan berkala (Mentor-Mantee) 2018 oleh Unit-unit dilaksanakan di kedua-dua Hospital bagi memantau persediaan dokumen untuk pensijilan akreditasi MS ISO 15189:

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TAJUK
1	Kursus yang dijalankan pada 2018 bagi kakitangan Hospital Kluster	3-4/07/2018	Safety & Health
2		23 & 30/10/2019	Soft skill
3		14-15/08/2018	Bengkel Perkhidmatan Patologi Bersepadu (Cluster)
4	Mesyuarat Hospital Kluster	23/05/2018	Mesyuarat Kluster Integrated Service
5	Audit Dalaman MS ISO 15189 di Hospital Alor Gajah & Hospital Jasin	10-11 Oktober 2018	Hospital Jasin
6		23-24 Oktober 2018	Hospital Alor Gajah

Jadual 6.2.3: Aktiviti Kluster Patologi

5.3 **Aktiviti Jawatan Kuasa Verifikasi Peralatan :**

- Verifikasi termometer Bil 1/2018: Tarikh: 26 Mac 2018
- Verifikasi termometer Bil 2/2018: Tarikh: 1 Oktober 2018
- Verifikasi micropipet, balance dan timer:Dijalankan oleh unit mengikut jadual verifikasi masing-masing.
- Kemaskini Dokumen: Dokumen HM/JP/cal/WI-01 telah dikemaskini pada 7 Mac 2018.

5.4 **Projek Kualiti Jabatan Patologi**

Pasukan QA Jabatan Patologi (Unit Patologi Anatomi)

Tajuk QA: To reduce the Laboratory Turn Around Time for routine health site Pap Smear request.

29 Jun 2018: Dr Lim Sin Siew membentangkan poster presentation di ICPALM Kuala Lumpur.

5.5 **Aktiviti Eksa**

BIL	TARIKH	AKTIVITI/PENCAPAIAN
1.	19/02/18	Mesyuarat Jawatankuasa EKSA (Bilangan 1)
2.	05/04/18	Mesyuarat Jawatankuasa EKSA (Bilangan 2)
3.	17/07/18	Taklimat Pelaksaan EKSA
4.	10/08/18	CME EKSA (Dr Lim Sin Siuew)
5.	19/10/18	Mesyuarat Jawatankuasa EKSA (Bilangan 3)
6.	17/11/18	Pertandingan Pantun EKSA

Jadual 6.2.4: Aktiviti EKSA

5.6 POCT (Point of care Testing)

BIL	PENCAPAIAN	TARIKH
1	i. Mesyuarat POCT Negeri ii. Mesyuarat Pengurusan Perolehan Reagen/Konsumabel Blood Gas Analyser Jabatan Patologi HM,HJ dan HAG serta POCT iii. Taklimat Lawatan Pemantauan Pekhidmatan POCT 2018	i. 18 Januari 2018 ii. 25 Januari 2018 iii. 9 Oktober 2018
2	Lawatan Penyeliaan 2018: i. Jabatan Kecemasan dan Trauma ii. NICU iii. Dewan Bersalin iv. ICU Mawar v. ICU Orkid vi. HDW vii. CCU viii. Klinik Pakar Perubatan ix. Jabatan Psikiatri. Antara peralatan/ujian yang terlibat adalah: i. Patologi Kimia : Blood Gas Analyzer, FBC Analyser, a. Troponin T/I testing b. Urine Dipstick dan Coagulometer ii. Hematologi : FBC Analyser -Coagulometer iii. Serologi : HIV Rapid Test Kit -Dengue Combo Test Kit iv. Skop yang dilihat semasa lawatan pemantauan termasuk aktiviti Internal QC, latihan dan kompetensi staf yang menjalankan ujian, aktiviti penyelenggaraan peralatan dan prosedur melaporkan keputusan ujian.	18-22 April 2018
3	**Bengkel / Seminar POCT** i. CME : Arterial Blood Gas Testing CME : ABG – preanalytical sample handling - Peserta terdiri daripada staf HDU, LR dan ICU Hospital Melaka ii. User Training : ABG Instrument training and pre-analytical sample handling iii. CME: Introduction to Gemprimier Blood Gas Analyser iv. HIV Rapid Test Kit User Training	i. 4 April 2018- Hospital Alor Gajah ii. Pada 12 April 2018 iii. – iv. 23 April dan 15 May 2018 23 May 2018 v. 2 Oktober 2018

Jadual 6.2.5: Aktiviti POCT


5.7 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian telah dibuat pada 20 Julai – 17 Ogos 2018. Kaji selidik dibuat secara online menggunakan aplikasi Google Forms dan pengisian boring kajian yang diedarkan ke semua wad-wad, jabatan dan unit klinikal. Jumlah responden adalah seramai 328 orang. Metodologi kajian adalah cross sectional dan analisa kajian secara SPSS. Keputusan menunjukkan peratus responden yang berpuashati adalah sebanyak 88.0%. Peratusan pada tahun ini menunujukkan sedikit penurunan sebanyak 1.8% berbanding tahun lepas.

Peratus kajian kepuasan pelanggan Patologi tahun 2015-2018.

PERATUS KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN	2015	2016	2017	2018
Berpuashati	79	82.6	89.6	88.0
Tidak Berpuashati	16	17.4	10.4	12.0

Jadual 6.2.6: Kajian Kepuasan pelanggan



5.8 Aktiviti Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.

BIL	PERKARA	AKTIVITI JKK	PERLAKSANAAN
1	**Mesyuarat**	4 kali setahun	Bil 01/18: 22 Januari 2018 Bil 02/18: 15 Mei 2018 Bil 03/18: 27 Jun 2018 Bil 04/18: 9 Nov 2018
2	**Kursus Anjuran JKKP**	i. On Site Training Demo – Biosafety Cabinet & Fume Hood	Tarikh : 03 Apr 2018 Tempat : ESCO Sdn Bhd, Melaka Raya, Melaka Peserta : 04 orang
		ii. Latihan Pengguna Biosafety Cabinet dan	Tarikh : 30 Mei 2018 Peserta : 17 orang

		Fume Hood di Jab Patologi HM	
		iii. Bengkel Pengurusan dan Pengendalian Selamat Bahan Kimia di Tempat Kerja	Tarikh : 3 - 4 Julai 2018 Tempat : Klinik Kesihatan Ayer Molek Peserta : 35 orang
		iv. Lawatan Sambil Belajar ke NIOSH, Bangi, Selangor	Tarikh : 31 Julai 2018 Tempat : NIOSH, Bangi, Selangor Peserta : 24 orang
		v. Your Health is Your Wealth	Tarikh : 12-13 Nov 2018 Tempat : Klinik Kesihatan Ayer Molek Peserta : 40 orang
3	**Audit**	i. Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan oleh Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kesihatan Hospital Melaka ke atas Unit : a. Hematologi pada 2 April 2018. b. Laluan kecemasan Dental/ Mikrobiologi pada 16 Julai 2018. ii. Audit Peti Kecemasan oleh Jabatan Farmasi akan diadakan pada akhir 11 Nov 2018 iii. Audit Peti Kecemasan (Internal) dilakukan pada 11 Nov 2018.	
4	**KOSPEN**	Saringan diadakan pada 16 Mei 2018 di Bilik Seminar, Jabatan Patologi, Hospital Melaka Jumlah anggota : 134 orang Jumlah anggota yang telah melakukan saringan kesihatan : 101 orang Peratus anggota yang telah melakukan saringan kesihatan : **75.4%**	
5	**Pemantauan saringan Hepatitis B**	Peratus Saringan Anggota yang telah disaring : 137 / 141 = **97.2%**	
6	**Pemantauan Ujian Mantoux**	Jumlah Staf yang belum menjalankan Ujian Mantoux = 17 orang Peratus yang telah disaring TIBI : 124 / 141 = **87.9%**	

Jadual 6.2.7: Aktiviti JKKP

5.9 Aktiviti Inovasi dan KIK

Projek e-Outsource masih dalam proses penyediaan.

5.10 Aktiviti JK Latihan dan Penyelidikan

Terdapat sebanyak 13 **kursus/bengkel anjuran jabatan** yang telah dilaksanakan pada tahun 2018. Jumlah keseluruhan CME anjuran jabatan dan unit pada tahun 2018 adalah sebanyak 80 CME berbanding 73 CME pada tahun 2017.

BIL	KURSUS /BENGKEL JABATAN TAHUN 2018	ANJURAN PATOLOGI	TARIKH
1	Bengkel Pengendalian Bahan Kimia	JKKP	3-4 Julai 2018
2	Kursus Pengurusan Kawalan Kualiti	Biochem	27-Sep
3	Bengkel Cluster Perkhidmatan Integrasi	Jk Kluster	14 & 15 Ogos
4	Kursus Pengurusan Aset	Jk Latihan & Pengurusan	30 Ogos
5	Kursus My Cpd	Jk Latihan	8 & 9 Ogos
6	Kursus Soft Skill	Jk Latihan	23 Okt & 30 Okt
7	Kursus Orientasi Jabatan Sesi 1/2018	Jk Latihan & Pengurusan	9-Apr
8	Kursus Orientasi Jabatan Sesi 2/2018	Jk Latihan & Pengurusan	3 Oktober
9	Your Health Is Your Wealth	Jkkp & Latihan	12-13 Nov
10	Bengkel Pendaftaran Item Sps	Jk Latihan & Pengurusan	9-Feb
11	Amatur Patho Hikers	Jk Latihan	10 Mac
12	Kursus Hidup Bersyariat	Jk Surau	2 Ogos
13	Seminar Transformasi Keluarga: Jalan Menuju Jannah	Jk Surau	23-Jan

Jadual 6.2.8: Senarai kursus anjuran Patologi 2018

Secara keseluruhannya BILANGAN STAF yang menghadiri kursus dan CME pada tahun 2018 adalah seperti di jadual:

UNIT	<3 HARI	3-6 HARI	≥7 HARI	JUMLAH
HEMA	0	6	13	19
HISTO	2	6	6	14
SITO	0	6	3	9
BIOCHEM	2	16	6	24
SERO	0	1	13	14
MIKRO	1	11	16	28
KAUNTER	3	6	2	11
MO	0	3	7	10
PENGURUSAN	0	0	5	5
JUMLAH	8	55	71	134
PERATUS	**6.0**	**41.0**	**53.0**	**100**

Jadual 6.2.9: Bilangan dan peratus staf yang menghadiri kursus dan CME

6.0 PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN JABATAN PATOLOGI TAHUN 2018

6.1 **Perkhidmatan Patologi**: Ujian baru yang ditawarkan pada tahun 2018.

BIL	UNIT	UJIAN BARU	TARIKH DIMULAKAN
1	Mikrobiologi	Identifikasi organisma menggunakan teknologi MALDI-TOF	September 2018
2	Mikrobiologi	Ujian sensitiviti fungi : i. Etest Amphotericin B ii. Etest Anidulafungin iii. Etest Caspofungin iv. Etest Fluconazole v. Etest Micafungin vi. Etest Voriconazole	Oktober 2018
3	Patologi Kimia	Cardiac Troponin I	Mula ditawarkan pada September 2018
4	Serologi	Anti TPO Dan Anti TG	Berubah kaedah dari ImmunoCAP/ EliA ke **CMIA**
2	Hematologi	Immature Platelet Fraction	Nov 2018

Jadual 6.2.10: Ujian baru yang ditawarkan pada tahun 2018

6.2 **Perkhidmatan Patologi**: Ujian yang di tamatkan pada tahun 2018.

Ujian ditamatkan di Unit Hematologi kerana bebankerja ujian adalah dibawah unit Patologi Kimia. Ujian tersebut diserahkan kepada unit Patologi Kimia.

BIL	UNIT	UJIAN TAMAT	TARIKH DITAMATKAN
1	Hematologi	STOOL OCCULT BLOOD (ditamatkan di Unit hematologi tetapi diteruskan di Unit Patologi Kimia)	Ogos 2018

Jadual 6.2.11: Ujian yang ditamatkan pada tahun 2018

6.3 **Penerimaan Aset tahun 2018**

BIL	UNIT	JENIS/ NAMA ASET	TARIKH
1	Histopatologi	Tissue Embedder	Nov 2018
2	Hematologi	Fume Hood	28/09/2018

Jadual 6.2.12: Senarai Aset diterima tahun 2018

7.0 CABARAN

Kadar Penolakan (Rejection rate)

Kadar penolakan sampel adalah kurang dari 2.0. Namun begitu terdapat unit-unit di jabatan tidak dapat mencapai kadar ini kerana sampel dan borang permohonan ujian pesakit yang diterima masih tidak memenuhi kriteria penerimaan. Penolakan adalah dari proses PRE-ANALITIKAL di wad. Kadar penolakan ini amat bergantung kepada pelanggan Jabatan Patologi untuk mematuhi kaedah pengambilan darah, pengisian borang permohonan ujian dan penghantaran sampel ke makmal.

Tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Patologi adalah:

i. Houseman orientation – Sesi penerangan, tayangan video dan *hands-on* berkaitan pengurusan sampel pesakit
ii. Phlebotomy training dan lawatan
iii. Surat peringatan pengisian borang makmal.

Berikut adalah senarai penolakan permohonan ujian pesakit di Jabatan Patologi bagi Januari hingga Disember 2018.

BIL Turutan Penolakan	*Preanalytical error*	HEMATOLOGI	PATO KIMIA	MIKROBIOLOGI	SEROLOGI	HISTOPATOLOGI	SITOLOGI	KAUNTER UTAMA	JUMLAH PENOLAKAN	PERATUS PENOLAKAN
1	*Clotted sample*	4,191	1,246	0	0	0	0	0	5,437	33.31%
2	*Repeating test within inappropriate time*	716	282	48	1,283	0	0	0	2,329	14.27%
3	*Inappropriate sample volume (inadequate/overfilled)*	1,494	546	149	25	0	6	0	2,220	13.60%
4	*Hemolysed sample*	114	1,887	0	198	0	0	0	2,199	13.47%
5	*Wrong container / transport medium*	54	122	123	18	0	0	465	782	4.79%
6	*Unsuitable / unsatisfactory specimen / diluted*	14	101	477	118	0	7	7	724	4.44%

7	*No clinical indication*	31	27	7	528	0	0	0	593	3.63%
8	*Rejection (outsource)*	133	113	0	247	0	0	0	493	3.02%
9	*Incomplete request form*	56	9	23	278	0	5	75	446	2.73%
10	*Sample contaminated with additive / blood*	6	284	1	2	0	0	0	293	1.80%
11	*Sample leakage*	16	7	121	17	0	3	96	260	1.59%
12	*Information on form and specimen not tally*	42	5	46	13	0	17	39	162	0.99%
13	*Test not offered / wrong test*	1	17	41	22	0	0	30	111	0.68%
14	*Wrong request form*	0	0	10	61	0	0	6	77	0.47%
15	*Delayed sample received*	12	45	0	0	0	0	0	57	0.35%
16	*No specimen / form received*	0	11	27	5	0	6	0	49	0.30%
17	*Wrong patient identification*	7	25	4	8	0	1	0	45	0.28%
18	*ABG sample with needle*	0	19	0	0	0	0	0	19	0.12%
19	*ABG sample not capped*	0	13	0	0	0	0	0	13	0.08%
20	*Expired container*	3	6	0	0	0	0	0	9	0.06%
21	*Sharing form / sample*	0	0	1	2	0	0	0	3	0.02%
	Total Reject	6,890	4,765	1,078	2,825	0	45	718	16,321	100.00 %
			JUMLAH KESELURUHAN PENOLAKAN TAHUN 2018						**16,321**	

Jadual 6.2.13: Senarai penolakan permohonan ujian di wad

8.0 PENCAPAIAN

8.1 Jabatan Patologi telah menjalani pensijilan Surveillance Assessment MS ISO 15189 oleh Standard Malaysia pada 18 April 2019.

8.2 Perhimpunan bulanan Anjuran Jabatan Patologi pada Feb 2018 dengan tema Transformasi Budaya Kerja Cemerlang.

8.3 Pada 29 Jun 2018 Dr Lim Sin Siew telah terlibat dengan pembentangan poster presentation di ICPALM Kuala Lumpur.

8.4 Jumble sale Anjuran JK Surau An-Nur, Jabatan Patologi pada 7 Mei 2019. Hasil kutipan dari jualan jumble sale telah disalurkan kesemuanya untuk aktiviti JK Surau An-Nur (Jabatan Patologi dan Transfusi Perubatan).

8.5 Saringan kesihatan program KOSPEN telah dijalankan terhadap warga kerja Patologi pada 16 Mei 2018 dan seramai 75.4% staf telah disaring. Pada 2 Ogos 2018 Medical Surveillance telah dilaksanakan keatas staf Patologi yang terdedah kepada bahan kimia Xylene.



Surveillance audit MS ISO 15189



Jumble Sale Patho



Perhimpunan Bulanan HM: Hos Patologi

JABATAN PERUBATAN FORENSIK

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Perubatan Forensik Hospital Melaka merupakan satu jabatan yang diwujudkan pada 1.1.2003 setelah dipisahkan dari Jabatan Patologi. Jabatan ini diketuai oleh seorang Pakar Forensik bermula 01.03.2003.

Fungsi utama jabatan ini ialah menjalankan pemeriksaan dan bedahsiasat ke atas mayat untuk mengetahui sebab/punca sesuatu kematian dengan lebih tepat dan cepat serta memberikan perkhidmatan terbaik di dalam urusan penerimaan, penyimpanan, dan penyerahan mayat serta Permit Menguburkan kepada waris terutamanya kes-kes medikolegal.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Pengurusan Jenazah bagi kematian hospital dan kematian luar hospital yang dirujuk ke sini.
2.2 Bedah Siasat merangkumi Siasatan di tempat kejadian, penyediaan Laporan Bedahsiasat dan memberi keterangan di mahkamah.
2.3 Pengurusan Anggota Badan Dan Janin
2.4 Pengurusan Mayat Tanpa Waris/ Tak Dituntut
2.5 Penyediaan tempat untuk upacara yang berkaitan dengan keagamaan/ adat yang ringkas bergantung kepada permintaan pihak waris.

3.0 SUMBER MANUSIA (SEHINGGA DISEMBER 2018)

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH SEDIA ADA
1	Pakar Forensik/ Ketua Jabatan	UD 54	1
2	Pegawai Perubatan (Pentadbiran)	UD 54	1
3	Pegawai Perubatan	UD52	1
4	Pegawai Perubatan	UD48	1
5	Pegawai Sains (Forensik)	UD 44	3
6	Penolong Pegawai Perubatan	C 44	1
7	Penolong Pegawai Perubatan	U 36	1
8	Penolong Pegawai Perubatan	(KUP) U 32	2
9	Pembantu Perawatan Kesihatan	U 29	1
10	Pembantu Perawatan Kesihatan	U 11	4
	JUMLAH		**16**

Jadual 6.3.1: Sumber Manusia tahun 2018

4.0 BEBAN KERJA

	BULAN / BEBAN KERJA	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
a	Bedahsiasat Klinikal	-	-	-	-	*1*	-	-	-	-	*1*	-	-	***2***
b	Bedahsiasat Medikolegal	*36*	*27*	*34*	*37*	*26*	*32*	*34*	*20*	*21*	*25*	*46*	*30*	***368***
c	Kematian Keseluruhan (d+e+f+g)	*206*	*196*	*239*	*260*	*235*	*221*	*203*	*215*	*196*	*180*	*196*	*243*	***2590***
d	Kematian Di Wad	*145*	*147*	*180*	*197*	*183*	*159*	*150*	*172*	*154*	*122*	*127*	*170*	***1906***
e	Kematian Di Jabatan Kecemasan	*16*	*11*	*19*	*20*	*13*	*10*	*13*	*8*	*11*	*15*	*12*	*26*	***174***
f	Kematian ' Brought In Death' (BID)	*41*	*35*	*35*	*35*	*32*	*36*	*36*	*28*	*27*	*38*	*49*	*42*	***434***
g	Kematian 'Stillbirth'	*4*	*3*	*5*	*8*	*7*	*16*	*4*	*7*	*4*	*5*	*8*	*5*	***76***
h	Kematian HIV	*1*	*3*	*7*	*4*	*5*	*2*	*4*	*2*	*5*	*1*	*4*	*5*	***43***
i	Warganegara Asing	12	11	3	15	8	6	9	2	5	7	7	5	***90***

Jadual 6.3.2: Beban kerja Forensik 2018


4.1 Data Dan Statistik Berkaitan Forensik

4.1.1 Kematian Keseluruhan Tahun 2018

BANGSA / BULAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
JAN	117	70	7	12	**206**
FEB	114	57	12	13	**196**
MAC	153	59	21	6	**239**
APR	160	62	23	15	**260**
MEI	139	71	13	12	**235**
JUN	137	49	19	16	**221**
JUL	121	55	18	9	**203**
OGO	136	61	16	2	**215**
SEP	117	54	18	7	**196**
OKT	118	43	9	10	**180**
NOV	108	57	18	13	**196**

DIS	152	67	15	9	**243**
JUMLAH	**1572**	**705**	**189**	**124**	**2590**


Jadual 6.3.3: Bilangan Kematian Keseluruhan Tahun 2018



Bilangan Preskripsi	434,161	447,128	481,168
Bilangan Kesilapan	87	612	78
% Med Error	**0.020%**	**0.137%**	**0.016%**

Jadual 8.1.3: Pencapaian QAP Tahun 2018

Laporan QAP 1 merujuk kepada peratus preskripsi yang diisi salah dan dikenalpasti sebelum didispens kepada pesakit. Terdapat peningkatan dari bilangan kesilapan yang dilakukan pada tahun 2018. Terdapat penurunan sebanyak 0.121%, ini adalah kerana bermula tahun 2017, unit Farmasi Pesakit Luar telah menjalankan proses Semak Ulang (*counterchecking)* untuk semua preskripsi dan kesilapan pengubatan dapat dikenalpasti sebelum ubat diberi kepada pesakit.

- **Kajian Kepuasan Pelanggan**

Kajian Kepuasan Pelanggan dengan menggunakan kaedah SERVQUAL telah dijalankan di FKP dan Farmasi Satelit 5 pada 15 Oktober – 19 Oktober 2018. Sebanyak 300 borang kajian telah diedarkan kepada pelanggan di Jabatan Farmasi, dan 23460 borang kajian yang dapat dikumpulkan semula dengan lengkap. Hasil Kajian mendapati seramai 97.3% pesakit berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Walau bagaimanapun, Jabatan Farmasi dan Bekalan akan sentiasa menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dari masa ke semasa

4.1.5 Masalah yang dihadapi

- **Penurunan waktu menunggu di Farmasi Pesakit Luar (FPL)**

Waktu menunggu di Farmasi Pesakit Luar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan selama tujuh bulan bagi tahun 2018. Ini adalah kerana bermula pada tahun 2017, FPL telah menjalankan proses Semak Ulang bagi semua preskripsi yang diterima pada waktu pejabat. Selain ianya adalah satu

proses tambahan yang menambah waktu menunggu, ia juga melibatkan penggunaan 2 orang anggota bagi proses tersebut yang mengurangkan bilangan anggota pada proses-proses lain.
Selain itu, masalah stok yang tidak menentu menyebabkan sesetengah ubat terpaksa diberikan untuk tempoh 2 minggu. Ini menyebabkan bilangan pesakit yang datang ke farmasi meningkat dengan banyak.

- **Stor ubat-ubatan dan ruang kerja Farmasi Klinik Pakar**

Ruang penyimpanan ubat-ubatan kegunaan FKP terhad dan penyimpanan ubat-ubatan tidak dapat disusun sepenuhnya mengikut amalan penstoran yang baik.

Amalan EKSA dipupuk di kalangan kakitangan Jabatan Farmasi untuk memastikan ruangan sedia ada digunakan secara optimum dan kekemasan dan kebersihan ruangan kerja dijaga baik. Kerja naik taraf mengalihkan kaunter pendispensan ke hadapan telah dipohon untuk meluaskan ruang kerja pelabelan dan pengisian.

4.1.6 Cadangan Masa Hadapan

Mengadakan perjumpaan 2 kali setahun dengan Ketua Jururawat pihak wad dan klinik bagi memudahkan penyebaran maklumat/pekeliling/polisi berkaitan perkhidmatan Farmasi Klinik Pakar. Perjumpaan ini akan diadakan bersama pihak FBW.

4.2 Unit Farmasi Logistik

4.2.1 Nilai Perolehan yang dikendalikan

BIL	PERKARA	NILAI (RM)
1.	Nilai stok diterima	84,734,168
2.	Bilangan perkara diterima	16,589
3.	Nilai perkara dibekal	84,830,331
4.	Bilangan perkara dibekal	35,216
5.	Nilai stok pada akhir 2018	10,282,622

4.2.2 Stok dikendalikan oleh stor

BIL	BUTIRAN PEMBELIAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PEROLEHAN (RM)	PERATUS PEROLEHAN (%)
1.	Ubat-ubatan	48,165,141	48,114,539	**99.89%**
2.	Vaksin	79,000	79,00	**100.00%**

3.	Bahan pakai buang	21,543,293	21,543,196	**100.00%**
4.	Reagen	11,036,300	10,970,313	**99.40%**
5.	Gas Perubatan	1,225,100	1,071,985	**87.50%**
6.	Filem X-ray	83,825	83,825	**100.00%**
7.	**Alat perubatan pesara**	**3,211,985**	**3,070,997**	**95.61%**

4.2.3 e-Perolehan & Sistem PhIS

Keseluruhan perolehan di Hospital Melaka menggunakan sistem *e-perolehan* secara pembelian atas talian. Sistem PhIS bermula pada bulan Mei 2016. Melalui PhIS, semua rekod, penerimaan, pembekalan dan pemesanan diuruskan secara *online*.

4.2.4 Pemantauan Tarikh Luput dan Item Lambat Bergerak

Pegawai Farmasi yang menjaga ubat terlibat dalam mesyuarat Task Force Pelupusan setiap 2 bulan bagi pemantauan tarikh luput ubat di Jabatan Farmasi secara keseluruhan. Untuk tahun 2018, tiada ubat luput yang dilaporkan. Edaran surat ubat lambat/bergerak dan hampir tarikh luput ke fasiliti-fasiliti KKM yang lain dilakukan sebanyak enam kali pada tahun 2018. Untuk bukan ubat, edaran surat item lambat bergerak dan hampir tarikh luput dilakukan sebanyak enam kali pada 2018. Pemantauan tarikh luput ubat juga dilakukan di bahagian penerimaan. Selain itu, carta alir bagi mengendalikan ubat yang telah diberhentikan di Hospital Melaka juga telah diwujudkan sebagai salah satu prosedur kerja. Ini adalah bagi memastikan stok yang telah diberhentikan diuruskan dengan betul dan tiada lagi pembelian dilakukan pada masa akan datang.

4.2.5 Pemantauan tanggungan bagi ubat, bukan ubat, reagen dan aset perubatan

Pemantauan setiap Pesanan Tempatan yang dikeluarkan dengan meneliti status setiap pesanan yang dikeluarkan bagi memastikan bekalan yang berterusan. Mesyuarat tanggungan telah diadakan sebanyak 12 kali sepanjang tahun 2018, iaitu sekali sebulan.

4.3 Unit Farmasi Wad

4.3.1 Rondaan wad termasuk *Grand Ward Rounds*

Jadual di bawah menunjukkan rumusan rondaan Pegawai Farmasi Wad dari tahun 2013 sehingga tahun 2018. Sebanyak 3559 rondaan wad telah dilakukan oleh Pegawai Farmasi Wad pada tahun 2018 dengan peningkatan sebanyak 8.9% berbanding dengan tahun 2017. Rondaan farmakoterapi farmasi merupakan inisiatif unit di mana pegawai-pegawai farmasi wad berbincang berkenaan

progresi dan isu penjagaan farmaseutikal pesakit yang masih berada dalam wad bagi mengoptimakan penjagaan pesakit. *Pharmacist's Discussion Session* pula melibatkan pembentangan kes pesakit bagi tujuan perkongsian ilmu dan pengalaman.

BIL	AKTIVITI	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1	Rondaan wad (*ward rounds*) termasuk *grand rounds*	2497	2991	3101	2741	3269	**3559**
2	Rondaan farmakoterapi farmasi (Pegawai Farmasi)	24	25	17	21	24	**47**
3	***Pharmacists Discussion Session***	**24**	**22**	**12**	**24**	**23**	**22**

4.3.2 Permonitoran Pesakit

Sejarah pengubatan pesakit di wad diambil dengan menggunakan borang CP1 manakala progresi pesakit dimonitor dengan menggunakan borang CP2.Jadual di bawah menunjukkan aktiviti dan pencapaian bagi tahun 2013 sehingga tahun 2018.


Bilangan CP1 yang didokumentasi telah meningkat sebanyak 4.2% berbanding tahun 2017. Namun, pencapaian bilangan CP2 telah menurun sebanyak 0.2%. Ini adalah ekoran kekurangan seorang pegawai farmasi di wad perubatan semasa beliau sedang cuti bersalin.

BIL	AKTIVITI	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1	Bilangan CP1	8805	9751	11501	11504	11169	11643
2	Bilangan pesakit di 'clerk'	5795	5763	5040	5260	9363	9343
3	Latihan farmasi wad bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP)	27 orang	26 orang	30 orang	33 orang	27 orang	45 orang

Pada tahun 2018, seramai 45 orang PRP telah menjalani latihan sangkutan di unit ini.


4.3.3 Intervensi ubat

Graf di bawah menunjukkan perbandingan bilangan intervensi yang telah dilakukan di antara tahun 2013 sehingga 2018. Berbanding tahun 2017, jumlah intervensi yang dilakukan telah meningkat sebanyak 17.9% kepada sejumlah 13260 intervensi pada tahun 2018.




4.3.4 Pengendalian maklumat ubat-ubatan di wad

Rajah di bawah menunjukkan maklumat ubat-ubatan yang dikendali oleh Pegawai Farmasi Wad pada tahun 2018. Di antara maklumat ubat-ubatan yang diperlukan, dos ubat merupakan soalan yang paling banyak ditanya oleh doktor. Ia telah menyumbang sebanyak 52.7% daripada jumlah pertanyaan diikuti oleh maklumat produk umum (12.7%). Jumlah maklumat ubat-ubatan yang telah dikendalikan adalah sebanyak 1640 kes.



4.3.5 Kaunseling Pesakit

Perkhidmatan kaunseling pesakit juga ditawarkan oleh Pegawai Farmasi Wad. Pesakit dalam wad yang memerlukan perkhidmatan kaunseling akan dirujuk oleh Pegawai Perubatan dengan menggunakan borang kaunseling yang disediakan. Ini meliputi pesakit yang mengalami masalah komplian terhadap ubat-ubatan serta pesakit yang memerlukan peralatan perubatan tertentu seperti pen insulin dan *inhaler*. Rajah di bawah menunjukkan statistik perkhidmatan kaunseling pesakit dalam yang telah dijalankan oleh Pegawai Farmasi Wad.



Sebanyak 5768 kaunseling telah diberikan pada tahun ini dengan peningkatan sebanyak 5.7% berbanding tahun 2017.

4.3.6 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Pegawai Farmasi Wad telah dijalankan pada bulan Oktober 2018 untuk selama 2 minggu. Kajian ini menggunakan versi SERVQUAL dan telah melibatkan 159 responden. Secara keseluruhannya, peratusan responden yang berpuashati adalah baik iaitu sebanyak 96.6%.

4.3.7 Pemeriksaan Wad


Pemeriksaan wad oleh Pegawai Farmasi Wad telah dimulakan pada bulan Mac tahun 2016 di wad-wad yang mempunyai Pegawai Farmasi Wad sepenuh masa. Tujuan pemeriksaan diadakan adalah untuk memeriksa stok ubat secara rawak bagi memastikan tiada ubat yang luput dan kuantiti ubat adalah mencukupi serta tidak melebihi stok maksima. Sasaran tahunan adalah sebanyak sekali sebulan dengan pengecualian pada bulan di mana aktiviti pemeriksaan wad yang meliputi semua wad/klinik telah dijadualkan oleh pihak unit Farmasi Bekalan Wad. Pada tahun 2018, sebanyak 143 kali pemeriksaan wad telah dilakukan.

4.4 Unit Farmasi 'Medication Therapy Adherence Clinic' (MTAC)

Sehingga Disember 2018, terdapat 12 MTAC yang aktif di Hospital Melaka iaitu MTAC Diabetes, Respiratori (Dewasa), Respiratori (Pediatrik), Antikoagulan, *Retroviral Disease (RVD)* (Dewasa), RVD (Pediatrik), Neurologi, *Cardiac Rehabilitation Programme (CRP)*, Hepatitis, Nefrologi (Umum) and Hemofilia (Dewasa)

4.4.1 Bilangan kaunseling MTAC 2018

Rajah di bawah menunjukkan bilangan kaunseling pesakit MTAC tahun 2018.



4.5 Unit Farmasi Pengeluaran dan Makmal Steril


Farmasi Pengeluaran bertanggungjawab menyediakan sediaan ubat bukan steril dalam bentuk internal dan eksternal, ubat titis hidung dan ubat titis telinga yang tiada dalam pasaran untuk kegunaan Hospital Melaka, Hospital Jasin, Hospital Alor Gajah dan klinik kesihatan di Negeri Melaka. Semua persediaan yang dihasilkan adalah mengikut Garis Panduan Amalan Penyediaan Baik (*Good Preparation Practice)* bagi memastikan kestabilan dan keselamatan ubat tersebut.

4.5.1 Penyediaan *oral mixture*

Pada tahun 2018, jumlah *oral mixture* sebanyak **4,595.2 L** telah disediakan dan pembungkusan semula *oral mixture* adalah **10,808 unit**.

Perbandingan antara persediaan *oral mixture* dari tahun 2015 sehingga 2018 adalah seperti berikut:

Perkara	Jumlah Persediaan (L)			Jumlah Prabungkus (Unit)		
Tahun	2016	2017	2018	2016	2017	2018
Oral Mixture	20,400	13,731	4,595.2	31,065	23,231	10,808




4.5.2 Penyediaan *cream/ ointment*

Pada tahun 2018, jumlah *cream/ointment* sebanyak **6,377 kg** telah disediakan dan pembungkusan semula *cream/ointment* adalah **116,059 botol.**

Perbandingan antara persediaan *cream/ointment* dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH PERSEDIAAN (KG)			JUMLAH PRABUNGKUS (UNIT)		
TAHUN	2016	2017	2018	2016	2017	2018
Cream/ointment	5,334	7,101	6,377	103,245	102,458	116,059




4.5.3 Penyediaan *lotion*

Pada tahun 2018, sebanyak **13,539.19 L** *lotion* telah disediakan, manakala pembungkusan semula *lotion* adalah sebanyak **64,904 unit.**

Perbandingan antara persediaan *lotion* dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti berikut:


PERKARA	JUMLAH PERSEDIAAN (L)			JUMLAH PRABUNGKUS (BOTOL)		
TAHUN	2016	2017	2018	2016	2017	2018
Lotion	15,871	14,842	13,539	62,082	59,605	64,904



4.5.4 Penyediaan sediaan aseptik (ubat titis telinga/hidung/ dll)


Pada tahun 2018, jumlah persediaan aseptik (ubat titis telinga/ hidung/ dll) adalah sebanyak **16,740 unit**

Perbandingan antara persediaan aseptik dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti berikut:




4.5.5 Pembungkusan ubat garam

Pada tahun 2018, jumlah pembungkusan ubat garam (Sodium Chloride, Sodium bicarbonate, Sodium dihydrogen phosphate) yang telah diprabungkus dalam bentuk unit dos adalah **15,483 paket**. Perbandingan jumlah prabungkus dengan tahun yang sebelumnya adalah seperti berikut.




4.6 Sediaan Nutrisi Parenteral (TPN)


4.6.1 Penyediaan larutan nutrisi parenteral (TPN)




Graf di atas menunjukkan taburan persediaan kes TPN pada tahun 2018.




Graf di atas menunjukkan perbandingan jumlah kes yang disedia bagi tahun 2017 dan 2018.




Graf di atas menunjukkan taburan pesakit yang dimonitor pada tahun 2018.




Graf di atas pula menunjukkan perbandingan jumlah kes yang dimonitor bagi tahun 2017 & 2018.




Graf di atas menunjukkan taburan persediaan standard PN pada tahun 2018.




Graf di atas menunjukkan perbandingan jumlah persediaan standard PN yang dibuat bagi tahun 2017 & 2018.




Graf di atas menunjukkan taburan persediaan lipid emulsion pada tahun 2018.




Graf di atas menunjukkan taburan penyediaan IV Admixtur pada tahun 2018



Graf di atas menunjukkan perbandingan persediaan IV admixtur bagi tahun 2017 dan 2018.



Graf di atas menunjukkan taburan persediaan ubat titis mata pada tahun 2018.




Graf di atas menunjukkan perbandingan persediaan ubat titis mata bagi tahun 2017 dan 2018.

4.7 Unit Farmasi Onkologi

4.7.1 Rekonstitusi ubat sitotoksik

Sebanyak 582 kes onkologi/hematologi telah dirawat di Hospital Melaka berdasarkan rekod unit ini pada tahun 2018. Sebanyak 9,889 sediaan telah disediakan dan dibekalkan kepada pesakit samada di wad atau di pusat rawatan harian.

Graf di bawah menunjukkan bilangan sediaan ubat sitotoksik dan bilangan pesakit dari tahun 2014 sehingga tahun 2018.



Jadual di bawah menunjukkan jenis kes onkologi di Hospital Melaka pada tahun 2018

BIL.	JENIS KES	BILANGAN KES
1.	Breast cancer	180
2.	Non-hodgkin's lymphoma	70
3.	Ovarian cancer	41
4.	Nasopharyngeal cancer	29
5.	Colon cancer	27
6.	SLE	24
7.	Lung cancer	21
8.	Rectal cancer	21
9.	Cervical cancer	17
10.	Hodgkin's lymphoma	16
11.	Uterine / Endometrium cancer	16
12.	Acute Myeloid leukemia (AML)	15
13.	Chronic Myeloid Leukemia(CML)	10
14.	Head and neck cancer	9
15.	Multiple Myeloma	8
16.	Acute Lymphocytic leukemia (ALL)	8
17.	Gestational Trophoblastic Disease	5
18.	Periampullary Carcinoma	4
19.	Gastric cancer	3
20.	Urogenital cancer	2
21.	Miscellaneous	56
	JUMLAH	**582**


4.7.2 Kaunseling *pre-chemoterapy*

Unit CDR Farmasi juga menjalankan perkhidmatan kaunseling untuk pesakit kanser yang menerima rawatan kemoterapi di Hospital Melaka. Melalui perkhidmatan ini, pesakit kanser akan diberi kaunseling tentang rawatan kemoterapi dan kesan-kesan sampingan serta cara mengatasinya. Komplian pesakit juga dititikberatkan sewaktu sesi kaunseling diberikan. Jumlah kaunseling pre-kemoterapi yang dibuat pada tahun 2018 adalah sebanyak 565 kes.

4.8 Unit Farmasi Farmakokinetik Klinikal/*Therapeutic Drug Monitoring* (TDM)


4.8.1 Analisa sampel

Sampel dianalisa dengan menggunakan mesin Viva Pro-E, Siemens yang diperolehi secara kontrak *reagent-rental*. Memandangkan unit TDM telah beroperasi secara *laboratory-based* bermula Julai 2017, semua sampel dianalisa oleh Unit Biokimia. Jumlah sampel yang diterima untuk analisa TDM pada tahun 2018 adalah sebanyak 5137 sampel. Berbanding dengan tahun 2017 (4698 sampel), terdapat penambahan sampel sebanyak 9.3% sampel yang dianalisa pada tahun 2018 (Rujuk Graf 1 dan Graf 2). Oleh itu, hanya sampel dengan masa persampelan yang betul sahaja akan dianalisa dan hal ini dapat mengurangkan pengulangan sampel disebabkan masa persampelan yang salah. Sampel yang paling banyak dianalisa ialah Vancomycin (2189 sampel, 42.6%), manakala sampel yang paling sedikit diterima ialah Theophylline (37 sampel, 0.7%) (Rujuk Jadual 3). Secara puratanya, sampel yang dianalisa sehari ialah 14 sampel.



	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	Sep	Okt	Nov	Dis
2016	611	587	623	557	512	441	561	528	505	415	240	298
2017	298	296	389	404	404	333	421	429	338	418	485	483
2018	529	381	441	316	366	445	476	430	424	423	428	478

Graf di atas adalah bilangan *assay* yang dianalisa mengikut bulan untuk tahun 2016 hingga 2018.



Graf di atas adalah perbandingan sample yang diterima dari tahun 2007 hingga 2018.

Perbandingan jumlah sampel yang dimonitor mengikut jenis *assay* dari tahun 2016 hingga 2018.

BIL	JENIS *ASSAY*	2016	2017	2018
1	Vancomycin	1872	1751	2189
2	Amikacin	279	434	505
3	Gentamicin	324	185	267
4	Sodium valproate	1514	936	947
5	Phenytoin	712	479	399
6	Carbamazepine	278	184	189
7	Phenobarbitone	66	57	43
8	Digoxin	256	253	144
9	Theophylline	117	54	37
10	Acetaminophen	203	170	253
11	Salicylate	66	54	88
12	Methotrexate	191	141	82
Jumlah		5878	4698	5137

4.8.2 Pengiraan parameter farmakokinetik dan pengubahsuaian dos

Pengiraan melibatkan parameter farmakokinetik dan dos regimen. Parameter farmakokinetik ialah K_e (*rate of elimination*), $t_{½}$ (masa separuh hayat), V_d (*volume of distribution*), Cl (*clearance*), CrCl (*creatinine clearance*), C_{min} (*min concentration*) dan C_{max} (*max concentration*). Pengiraan dilakukan untuk kes yang melibatkan


antibiotik seperti amikacin, gentamicin dan vancomycin serta *anti-epilepsy* seperti sodium valproate, carbamazepine, phenobarbitone dan phenytoin. Ubat seperti digoxin dan theophylline juga memerlukan pengiraan parameter farmakokinetik.

4.8.3 Syor terapi ubat

Syor terapi ubat dilakukan berdasarkan paras serum, parameter farmakokinetik serta keadaan klinikal pesakit. Syor terapi ubat akan dibuat setelah keadaan klinikal pesakit seperti suhu badan atau frekuensi sawan serta bacaan makmal yang lain diketahui seperti serum creatinine, urea, *electrolytes* dan *white blood cell*. Saranan yang diberikan adalah seperti penambahan atau pengurangan dos, perubahan frekuensi ubat, pemberhentian sementara (*withhold*), mengekalkan regimen yang sama dan pemberhentian penggunaan sesuatu ubat. Di samping itu, saranan / syor untuk mengulang semula persampelan selepas sesuatu intervensi / ubahsuai dos dilakukan juga dititikberatkan untuk memastikan pesakit menerima terapi ubat yang selamat, berkesan dan tiada ketoksikan.

4.8.4 Pemantauan pesakit

Pemantauan pesakit dilakukan kepada semua pesakit di wad yang pernah membuat analisa TDM. Hal ini penting kerana pegawai farmasi TDM perlu mengetahui perkembangan klinikal pesakit dan memastikan sampel ulangan (sekiranya ada) yang akan dihantar mematuhi masa persampelan yang betul. Terdapat empat indikasi untuk analisa TDM iaitu permonitoran terapeutik, kes toksisiti, *poor response* dan *non-compliance*. Bagi tahun 2018, kebanyakan indikasi untuk pemantauan TDM ialah permonitoran terapeutik (4675 sampel, 91.0%), diikuti oleh kes-kes toksisiti yang dianalisa adalah sebanyak 411 sampel (8.0%). Indikasi TDM yang lain ialah *non-compliance* (51 sampel, 1.0%) dan tiada permintaan untuk pemonitoran *poor response* (Rujuk Carta 1).



	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec
2016	125	157	101	123	110	87	151	96	126	125	67	84
2017	75	66	77	134	94	86	79	130	137	139	169	137
2018	236	158	178	110	180	161	154	183	216	162	189	137

Rajah 8.1.1: Peratusan sampel yang dianalisa mengikut indikasi TDM bagi tahun 2017.


4.8.5 Sampel selepas waktu pejabat dan sampel bukan daripada Hospital Melaka

Unit TDM beroperasi 24 jam sehari untuk para pesakit di hospital. Namun begitu, hanya kes-kes tertentu yang akan diberi rekomendasi selepas waktu pejabat, iaitu kes-kes dari wad kritikal (i.e ICU Mawar, ICU Orkid, CCU, SCN/NICU, PICU dan wad 2-3), semua kes toksisiti (termasuk kes untuk permonitoran Methotrexate post-48 hours), kes yang memerlukan cadangan *loading dose*, para pesakit yang telah diberi loading dose (i.e *post-loading*) dan juga kes-kes dalam kalangan pesakit ESRF. Pada tahun 2018, sebanyak 2064 sampel diterima selepas waktu pejabat, berbanding 1323 sampel pada tahun 2017. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 56.0% berbanding dengan tahun 2017 (Rujuk Graf 3).

Peningkatan sampel selepas waktu pejabat disebabkan pegawai perubatan masih belum mengetahui kriteria TDM selepas waktu pejabat setelah unit TDM beroperasi secara *laboratory-based*. Pegawai farmasi TDM berusaha memberi penerangan kepada semua pegawai perubatan supaya mereka lebih tahu dengan sistem TDM di hospital ini.

Hospital Melaka turut menerima sampel daripada fasiliti luar Kementerian Kesihatan Malaysia atau Hospital Angkatan Tentera di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia dan juga hospital swasta di sekitar negeri Melaka (Rujuk Graf 4). Walaubagaimanapun, sampel daripada hospital swasta tidak akan melalui Jabatan Farmasi, mereka akan terus menghubungi Jabatan Patologi untuk mendapatkan keputusan TDM. Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah membuat rekomendasi sendiri bermula Februari 2018, manakala Klinik Kesihatan bermula dengan sistem ini dengan sepenuhnya pada September 2018. Hasil daripada pengubahsuaian sistem baru ini, bilangan sampel luar pada tahun 2018 ialah 121

sampel, penurunan sebanyak 65.7% berbanding dengan tahun 2017 terdapat 353 sampel luar Hospital Melaka. Untuk bulan Oktober hingga Disember 2018, sampel yang diterima hanya dari Hospital Angkatan Tentera Terendak, Melaka sahaja.



	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec
2016	88	98	68	65	59	47	49	48	58	54	23	24
2017	30	30	20	20	28	22	19	20	24	41	49	50
2018	40	16	9	3	7	13	7	9	14	1	1	1

Rajah 8.1.2: Bilangan assay yang diterima daripada fasiliti luar KKM mengikut bulan untuk tahun 2015 hingga 2017.

4.8.6 Pencapaian tahun 2018

- Pelaksanaan TDM secara *laboratory-based* sepenuhnya di seluruh negeri Melaka (Hospital Jasin, Hospital Alor Gajah dan semua klinik kesihatan) telah berjaya dijalankan pada Julai 2018
- Pembinaan *software* untuk keputusan TDM dan rekomendasi tidak dapat dilaksanakan kerana syarikat *Siemens* mempunyai komitmen di tempat lain.
- Penggunaan '*Vancomycin Protocol*' dengan persetujuan daripada pihak makmal untuk menjalankan ujian renal profile menggunakan borang TDM. *Vancomycin Protocol* digunapakai untuk semua pesakit yang menerima terapi vancomycin (kecuali pesakit ESRF) supaya pegawai perubatan/ pegawai farmasi boleh mengesan perubahan *renal function.*
- Sesi CPE TDM diadakan setiap bulan bagi membantu pegawai pegawai farmasi (FRP/ PRP) lebih berkeyakinan membuat interpretasi dan rekomendasi TDM.

4.8.7 Perancangan tahun 2019

- Kajian efikasi kiraan pengubahsuaian dose Vancomycin menggunakan '*Trough level*' dengan '*AUC*'.
- Latihan '*Clinical Pharmacokinetic Training Programme*' untuk pegawai farmasi hospital daerah supaya mereka lebih mahir untuk membuat interpretasi dan rekomendasi TDM.

- Penggunaan modul TDM dalam sistem *Pharmacy Information System* (PhIS).

4.9 Unit Farmasi Bekalan Wad

4.9.1 Bilangan preskripsi/Inden

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 369,772 preskripsi dan 1904085 item telah didispens melalui sistem Unit Dos berbanding 622,981 preskripsi dan 1,495,468 item pada tahun 2017. Ini menunjukkan terdapat peningkatan bilangan preskripsi sebanyak 12.8% dan peningkatan bilangan item sebanyak 26.1%.

Pembekalan ubat melalui sistem tradisional pula menunjukkan peningkatan bilangan inden sebanyak 18.8% dan peningkatan bilangan item sebanyak 17.9% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017.

PERKARA			2017	2018
Ubat	Preskripsi	Sistem Unit Dos	622,981	702,923
		Item	1,495,468	1,885,310
	Inden		19,563	23,240
	Item		139,857	164,875

4.9.2 Pemeriksaan wad

Pemeriksaan wad adalah salah satu daripada aktiviti yang dilakukan bagi memastikan bekalan ubat di wad/unit tersebut mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan masing-masing. Di samping itu, pemeriksaan wad juga memastikan bekalan ubat disimpan, diguna dan direkod dengan betul, khususnya untuk dadah berbahaya dan ubat yang tersenarai dalam senarai '*after office hours*' (AOH). Kekerapan pemeriksaan wad adalah bergantung kepada gred yang diberikan seperti berikut:

Pada tahun 2018, sebanyak 216 pemeriksaan wad telah dijalankan. Berikut adalah jadual yang menunjukan jumlah wad yang mendapat gred A, B, C dan D pada tahun 2017 dan 2018.

GRED	2017	2018
GRED A (90-100%) : setiap 3 bulan	190	191
GRED B (80-89%): setiap 3 bulan	18	22
GRED C (70-79%): setiap 2 bulan	2	2
GRED D (60-69%): setiap bulan	0	1
GRED E (<59%) : setiap bulan	0	0
JUMLAH	**210**	216

4.9.3 Pendispensan Discaj Pesakit Dalam (*Bedside Dispensing*)

Perkhidmatan ini telah dimulakan pada Mac 2007 bertujuan untuk memudahkan pesakit-pesakit yang keluar dari wad mendapat bekalan ubat dan khidmat kaunseling daripada Pegawai Farmasi. Ini juga bertujuan untuk mengurangkan masa menunggu di FKP. Berikut adalah pencapaian perkhidmatan ini sepanjang tahun 2017-2018.

Jumlah Pendispensan Discaj Pesakit Dalam *(Bedside Dispensing)* yang dicapai oleh Farmasi Bekalan Wad pada tahun 2017 hingga 2018.

TAHUN	2017	2018	% PENINGKATAN
Bilangan Pendispensan Discaj	3558	4173	17.28%

4.9.4 Kaunseling Pesakit

Khidmat Kaunseling Pesakit Farmasi Wad dilakukan khas untuk pesakit di dalam wad. Pesakit dirujuk kepada Pegawai Farmasi oleh Pegawai Perubatan dengan menggunakan borang kaunseling khas atau pesakit yang sesuai dipilih sendiri oleh Pegawai Farmasi semasa rondaan wad.

TAHUN	2017	2018	% PENINGKATAN
Bilangan Kaunseling	11256	11003	-2.2%

Sebanyak 11003 kaunseling telah diberikan pada tahun ini dengan penurunan sebanyak 2.2% berbanding tahun lepas. Jenis kaunseling terdiri dari kaunseling inhaler, terapi warfarin, menggunakan alat-alatan khas seperti *aerochamber*, pen insulin atau masalah komplian.

4.9.5 Penambahbaikan Perkhidmatan Farmasi Bekalan Wad

- **Pemeriksaan wad secara berkala**
  Pemeriksaan wad telah dijalankan secara berkala pada bulan Februari, Jun dan Oktober.

- **Pelaksanan Patient Own Medications (POMs) di wad perubatan**

  POMs telah dijalankan di 2 wad perubatan, iaitu 4-1 & 3-2 sepanjang tahun 2018. Sebanyak 249 pesakit telah direkrut dalam program ini.

TAHUN	2017	2018	% PENINGKATAN
Bilangan Pesakit POMS	55	249	352%

4.10 Unit Farmasi Rawatan Terapi Gantian Methadone

➢ Bilangan Klien Rawatan Methadone

Bilangan klien Rawatan Methadone yang aktif pada tahun 2018 adalah seramai 119 orang dengan peratus kadar retensi sebanyak 62.3%. Klien DOT (*Direct On Therapy*) adalah seramai 55 orang manakala klien DBB (*Dos Bawa Balik*) adalah seramai 64 orang. Kebenaran untuk pengambilan ubat secara DBB hanya boleh dimulakan oleh Ketua Jabatan Psikiatri dan diteruskan oleh Pakar Perubatan Psikiatri. Dalam kes-kes khas di mana klien tidak dapat hadir untuk mengambil ubat DBB , kebenaran akan diberikan kepada pengiring / wakil ahli keluarga terdekat untuk membawa pulang ubat bagi pihak klien.Ini juga akan ditentukan oleh Ketua Jabatan Psikiatri atau Pakar Perubatan Psikiatri selepas syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Pada tahun 2018, seramai 304 klien SPUB rujukan daripada hospital dan klinik kesihatan di Semenanjung Malaysia, di mana melibatkan 3215 dos Methadone telah didispens.

➢ Kaunseling Klien Rawatan Methadone

Bilangan kaunseling klien Rawatan Methadone yang dijalankan oleh Pegawai Farmasi sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak 167 kaunseling. Kaunseling yang diberikan merangkumi orientasi klien terhadap perkhidmatan rawatan terapi gantian, pengenalan kepada methadone, permulaan rawatan, cara pengambilan, dos tertinggal, dos termuntah, kesan-kesan yang tidak diingini, interaksi ubat, terlebih dos, simptom pengunduran, dos bawa balik, penyimpanan methadone, penjagaan diri klien dan kes-kes khas. Intervensi seperti maklumat ubat, kesan sampingan,interaksi ubat-ubatan dan pengubahsuaian dos juga dilaksanakan oleh Pegawai Farmasi.

➢ Ceramah Motivasi dan Kaunseling Berkumpulan

Pada tahun 2018, 2 ceramah motivasi (kaunseling berkumpulan) telah dianjurkan di Bilik Mesyuarat, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Melaka. Ceramah-ceramah tersebut diberi oleh Pakar Psikiatri dan kaunselor Hospital Melaka dan melibatkan peserta seramai 120 orang.

4.11 Pusat Informasi & Sumber Farmasi (PRIC)

4.11.1 Pertanyaan Mengenai Ubat dan Racun

Pertanyaan mengenai ubat dan racun adalah salah satu perkhidmatan utama di bawah unit PRIC. Pertanyaan diterima daripada pelbagai anggota termasuk daripada orang awam. Pertanyaan yang diterima dijawab secara lisan atau bertulis. 100% daripada pertanyaan yang diterima dapat dijawab pada hari yang

sama dan maklumat yang digunakan untuk menjawab pertanyaan adalah daripada *Micromedex*, *MIMS Gateway*, sisip bungkus produk (*Produk Insert*), buku rujukan (*Drug Information Handbook*, *British National Formulary* dan lain-lain), jurnal dan lain-lain.

Jenis dan bilangan pertanyaan yang diterima oleh Pusat Informasi & Sumber Farmasi pada tahun 2018 dan perbandingan dengan pencapaian tahun 2016-2018.

BIL	JENIS PERTANYAAN	2016		2017		2018	
		JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH	PERATUS (%)
1	Keracunan/Ketoksikan	13	0.79	38	1.55	24	
2	Dos/Administrasi	535	32.58	744	30.28	1051	
3	Kesan Samping	27	1.64	50	2.04	20	
4	Indikasi	52	3.17	88	3.58	90	
5	Interaksi	24	1.46	66	2.69	65	
6	Kontraindikasi	33	2.01	27	1.10	24	
7	Farmakokinetik	83	5.05	107	4.35	30	
8	TPN	541	32.95	861	35.04		
9	*Pharmaceutical Availability*	71	4.32	125	5.09	143	
10	*Pharmaceutical Compatibility*	28	1.71	30	1.22	59	
11	*Pharmaceutical Identification*	61	3.71	45	1.83	42	
12	Maklumat Am Produk	34	2.07	170	6.92	208	
13	Lain-lain	140	8.53	106	4.31	141	(1897)
	Jumlah	**1642**	**100**	**2457**	**100**		

4.11.2 Perkhidmatan Kenalpasti Ubat

Sebanyak 42 permohonan pengenalpastian ubat-ubatan telah diterima pada tahun 2018 berbanding 45 permohonan pada tahun 2017.

4.11.3 Program Pembelajaran Berterusan untuk anggota Farmasi

Sesi Pembelajaran Berterusan Farmasi (CPE) diadakan setiap minggu iaitu pada hari Rabu dan Khamis. CPE di Jabatan Farmasi melibatkan semua anggota termasuk anggoa sokongan. Mata kredit CPD sebanyak 2 mata diberikan kepada anggota yang menghadiri CPE.

2016		2017		2018	
BIL. SESI	BIL. PESERTA YANG HADIR	BIL. SESI	BIL. PESERTA YANG HADIR	BIL. SESI	BIL. PESERTA YANG HADIR
69	1397	84	1925	82	2242

4.11.4 Program Pendidikan Pesakit

Kelas pendidikan diabetes dan hipertensi dikendalikan oleh Unit Pendidikan Kesihatan manakala Program Kenali Ubat Anda dikendalikan oleh unit PRIC sepenuhnya dan diadakan 2 kali sebulan iaitu pada hari Rabu. Semua Pegawai Farmasi akan dilibatkan dalam setiap program pendidikan pesakit melalui jadual yang disediakan. Pecahan untuk jenis kelas, bilangan sesi, jumlah kehadiran pesakit adalah seperti berikut:

BIL.	KELAS	BIL. KELAS/SESI DILAKSANAKAN	JUMLAH PESAKIT
1	Insulin Antenatal	43	261
2	Kenali Ubat Anda	45	1380
3	Diabetes	13	129
4	Hipertension	13	68
Jumlah		**114**	**1838**

4.11.5 Penghasilan *Pharmacy Newsletter*

Sebanyak 4 keluaran *Pharmacy Newsletter* telah diterbitkan untuk tahun 2018. Tujuan *Pharmacy Newsletter* adalah untuk memberi informasi terkini kepada semua anggota Jabatan Farmasi. Ini secara tidak langsung dapat memastikan sesi pembelajaran adalah secara berterusan dan meningkatkan kualiti rawatan pesakit serta pengubatan secara *evidence-based* . Antara topik yang dimasukkan dalam Pharmacy Newsletter bagi tahun 2018 adalah *Anemia & Thalalassemia, Antibiotics, Rheumatoid Arthritis dan Drug Overdose & Acute Poisoning.*

4.11.6 Laporan kesan advers ubat (ADR)

Sebanyak 437 kes ADR telah dilaporkan sepanjang tahun 2017 berbanding 386 kes yang dilaporkan pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, sebanyak 174 kes (39.8%) telah dilaporkan oleh Pegawai Perubatan dan 263 kes (60.2%) oleh Pegawai Farmasi. **Laporan Kesan Advers Ubat** ini juga telah dibentangkan sebanyak empat kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ubat & Terapeutik Dan Keselamatan Pengubatan (JKUT) Hospital Melaka pada tahun 2018.

5.0 AKTIVITI UTAMA

5.1 Sesi *Clinical Management Update, Critical Appraisal, Case Discussion dan Pharmacist Round*

Melibatkan semua Pegawai Farmasi dan diadakan secara berkala. ***Clinical Management Update, Critical Appraisal, Case Discussion*** diadakan setiap 2 bulan manakala ***Pharmacist Round*** diadakan setiap minggu.

5.2 Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Farmasi

Sepanjang tahun 2018, sebanyak tujuh kursus telah dianjurkan oleh Jabatan Farmasi Hospital Melaka. Berikut adalah senarai kursus yang dianjurkan oleh jabatan ini:-

BIL	NAMA KURSUS/BENGKEL/SEMINAR	TEMPAT	TARIKH
1.	Bengkel Perancangan Strategik	MITC Summit Hotel, Ayer Keroh Melaka	13.1.2018
2.	Kursus JKKP	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	3.3.2018
3.	Kursus Berfikir Secara Kreatif & Inovatif	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	31.3.2018
4.	Kursus Aseptik	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	07.04.2018
5.	Kursus Komunikasi Berkesan	Bilik Berlian, Hospital Melaka	28 & 29.3.2018 (Sesi 1) 11 & 12.4.2018 (Sesi 2) 23 & 24.5.2018 (Sesi 3)
6.	Sambutan Hari Farmasi Sedunia	Pasar Raya KIP Mart, Bachang, Melaka	22.9.2018
7.	Kursus Retroviral Disease (RVD) Updates 2018	Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka	9.10.2017

5.3 Kajian Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Farmasi

Pada tahun 2018, sebanyak 2 kajian diterbitkan, 6 kajian telah dibentangkan (*oral* dan poster), dan 8 kajian dilanjutkan ke tahun 2019. Semua kajian yang telah tamat dibentangkan di peringkat jabatan.

BIL	TAJUK KAJIAN	MAKLUMAT KAJIAN
1.	Retrospective study on snake bite cases in Hospital Melaka	**Telah dibentangkan di Bengkel Pembentangan Efektif Projek R&D Farmasi Tahun 2018 Negeri Melaka (Oral)** 27.6.2018 Teo Yan Huey

		Participant
2.	The most effective reminder method to reduce the defaulter rate in the Drive-Through pharmacy service in Hospital Melaka	**Telah dibentangkan di Bengkel Pembentangan Efektif Projek R&D Farmasi Tahun 2018 Negeri Melaka (Oral)** 27.6.2019 **Telah dibentangkan di Konvensyen R&D Farmasi 2018 (Oral)** 9-11.7.2018 Tan Rui Ching **Participant**
3.	Role of pharmacist in patients on topical intraocular pressure lowering agent.	**Telah dibentangkan di Bengkel Pembentangan Efektif Projek R&D Farmasi Tahun 2018 Negeri Melaka (Oral)** 27.6.2018 **Telah dibentangkan di Konvensyen R&D Farmasi 2018(Oral)** 9-11.7.2018 Nazirah Ishak **Participant**

BIL	TAJUK KAJIAN	MAKLUMAT KAJIAN
4.	Incidence of Errors before Dispensing In Outpatient Pharmacy (Farmasi Klinik Pakar) Hospital Melaka	**Telah dibentangkan di Bengkel Pembentangan Efektif Projek R&D Farmasi Tahun 2018 Negeri Melaka (Poster)** 27.6.2018 **Telah dibentangkan di Konvensyen R&D Farmasi 2018 (Poster)** 9-11.7.2018 Rosdi Md Zin **Participant**
5.	Knowledge, Compliance, and The Effect Of Education Counseling On Hormonal Therapy	**Telah dibentangkan di Bengkel Pembentangan Efektif Projek R&D Farmasi Tahun 2018 Negeri Melaka (Oral)** 27.6.2018 **Telah dibentangkan di Konvensyen R&D Farmasi 2018(Oral)** 9-11.7.2018 Tan Wan Chin **Participant**
6.	Clinical Outcome of Dose-Adjusted R-EPOCH as Frontline Therapy for Primary Mediastinal B-Cell Lymphoma (PMBCL)	**Telah dibentangkan di 2018 The Japanese Society of Medical Oncology Annual Meeting (Poster)** 19-21.7.2018 Dang Chee Chean **Participant**
7.	Interventions and Strategies to Improve Oral Anticoagulant Use in Patients with Atrial Fibrillation: A Systematic Review of Systematic Reviews	**Clinical Drug Investigation. 2018 Mac.https:doi.org.10.1007.s40261-018-0641-5** Ng Siok Shen **Publication**
8.	Systematic Review of Cost-Effectiveness Studies of Human Papillomavirus (HPV) Vaccination : 9-Valent Vaccine, Gender-neutral and Multiple Age Cohort Vaccination	**Vaccine. 2018 April 3.** Ng Siok Shen **Publication**

5.4 Bengkel Pelan Tindakan 2018

Pada 13 Januari 2019, Jabatan Farmasi Hospital Melaka telah mengadakan Bengkel Pelan Tindakan Jabatan Farmasi di Hotel Bayview, Melaka. Bengkel ini telah dihadiri oleh 44 orang anggota yang terdiri daripada pelbagai kategori.

Bengkel ini adalah bengkel tetap bagi Jabatan Farmasi bertujuan untuk membincangkan pencapaian dan perancangan setiap unit agar dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pencapaian Jabatan.









5.5 Hari Farmasi Sedunia 2018



Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2018 telah diadakan pada 22 September 2018 bertempat di Pasar Raya KIP Mart, Bachang, Melaka, bermula 10.30 pagi hingga 4.30 petang. Pelbagai aktiviti bersama orang awam turut dijalankan.

Majlis ini dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Farmasi, Pn Normah Bt Talib, diiringi oleh Dr Azhar Mohd Sali (Timbalan Pengarah Perubatan III Hospital Melaka), Pn Saidatul Raihan Ibrahim (Ketua Pegawai Farmasi Hospital Melaka) dan En Mohd Izaham Syah Hamdan (wakil Pasar Raya Kipmart).

Objektif aktiviti ini, iaitu memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai peranan ahli farmasi, memberi kesedaran kepada orang ramai kepentingan mengenali ubat yang diambil dan kaunseling serta nasihat kepada orang ramai mengenai ubat-ubatan yang diambil, telah tercapai dengan kehadiran orang awam sebanyak 167 orang. Terdapat pelbagai hadiah disediakan untuk para peserta permainan dan bagi pengunjung yang pergi ke semua kaunter, mereka akan diberikan token penghargaan di kaunter pendaftaran.



5.6 Perhimpunan Bulanan Hospital Melaka anjuran Jabatan Farmasi



Pada 26 September 2018, Jabatan Farmasi diberi tanggungjawab untuk menganjurkan Perhimpunan Bulanan Hospital Melaka Bil.9/2018. Bertemakan Permuafakatan Membina Bangsa Berjaya, perhimpunan bulanan kali ini dilihat berjaya dengan kehadiran 200 orang anggota Hospital Melaka. Perhimpunan ini diadakan di Auditorium Seri Baiduri dan dihadiri juga oleh Timbalan Pengarah Perubatan I bagi mewakili Pengarah Hospital Melaka.

Pameran Keselamatan Pengubatan dan Kenali Ubat Anda juga diadakan semasa perhimpunan bulanan tersebut. Pameran ini diadakan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan dengan keselamatan pengubatan dan maklumat umum cara penggunaan ubat secara berkualiti kepada anggota kesihatan Hospital Melaka. Program ini berjalan dengan lancar dan melibatkan kos yang minima. Program ini dapat dimulakan pada waktu yang ditetapkan dan berakhir pada pukul 4.30 petang seperti dalam aturcara.





5.7 Lawatan Ke Sabah

Pada 11 Oktober 2018, Jabatan Farmasi Hospital Melaka telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Sabah selama 4 hari 3 malam. Lawatan ini disertai oleh 32 orang anggota. Objektif lawatan ini adalah menimba ilmu melalui lawatan tempat-tempat bersejarah/rekreasi dan merapatkan hubungan silaturahim antara anggota Jabatan Farmasi Hospital Melaka dengan aktiviti yang telah dirancang. Antara tempat yang dilawati adalah seperti di Kellybays, War Memorial Park, Kundasang, Desa Dairy Farm, Ranau Hot Spring dan Rumah Terbalik Tamparuli.










6.0 SENARAI ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN YANG DIPEROLEHI

Konvensyen Inovasi & Kreativiti Farmasi 2017 (KIKF)

Pada 9 hingga 11 Julai 2018, Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menganjurkan Persidangan R&D Farmasi Kebangsaan ke-10 di Hotel Royale Chulan, Seremban. Jabatan Farmasi Hospital Melaka telah menjadi finalis di dalam persidangan tersebut dimana 3 kajian dipertandingkan dalam kategori oral manakala 1 tajuk dalam kategori poster


10TH NATIONAL
PHARMACY R&D
CONFERENCE 2018
ENHANCING ACCESS TO MEDICINES
THROUGH VALUE-BASED APPROACHES
9 - 11 JULY 2018
ROYALE CHULAN SEREMBAN


Study of Error Before Dispensing at Outpatient Pharmacy
Hospital Melaka
Roshwini Enfys M, Siti Fatimah AK, Rosdi MZ, Tay SF, Amirtha R.
Jabatan Farmasi Hospital Melaka
NMRR ID: NMRR-16-2579-33106
INTRODUCTION
RESULTS
DISCUSSIONS
METHODS
CONCLUSION
REFERENCES
ACKNOWLEDGEMENT


10TH NATIONAL PHARMACY
R&D CONFERENCE 2018
9-11 JULY 2018

Hari Inovasi 2018 Peringkat Negeri Melaka

Pada 14 Mei 2018, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah mengadakan Hari Inovasi Peringkat Negeri Melaka di Dewan Merak Kayangan, Hospital Jasin. Jabatan Farmasi, Hospital Melaka telah memenangi Johan bagi Projek MyKPK (Kategori Proses) dan tempat Ketiga bagi Projek PharmC MeDInfo (Kategori Perkhidmatan).





JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN

1.0 PENGENALAN

Jabatan Dietetik & Sajian bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan perkhidmatan makanan kepada pesakit di wad, doktor bertugas atas panggilan serta anggota paramedik yang layak di Hospital Melaka.

Sistem pengagihan makanan kepada pesakit adalah menggunakan sistem pengagihan makanan secara berpusat *(centralised plating)* melalui *tray menu mobile*. Walau bagaimanapun disebabkan kapasiti tenaga sumber manusia dan prasarana sediada sistem ini dapat dijalankan di sebahagian besar wad serta terhad untuk hidangan makan tengahari dan makan malam sahaja.

Jabatan ini juga menjalankan perkhidmatan dietetik klinikal kepada pesakit dalam wad dan pesakit luar yang dirujuk oleh Pakar/Pegawai Perubatan. Rundingcara pemakanan juga diadakan secara individu atau berkumpulan.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Memastikan perkhidmatan makanan pesakit dan perkhidmatan dietetik klinikal dilaksanakan secara profesional, berkualiti dengan mengutamakan pelanggan

2.2 Membekalkan diet normal dan diet terapeutik secara Centralised Plating System mengikut pesanan wad bagi pesakit di wad

2.3 Membekalkan diet kepada doktor bertugas atas panggilan.

2.4 Membekalkan catuan makanan night ration bagi anggota paramedik yang bertugas di waktu malam.

2.5 Memberi perkhidmatan dietetik kepada pesakit yang dirujuk mengikut diagnosa dan masa yang ditetapkan.

2.6 Mengadakan ceramah pemakanan kepada anggota paramedik dan agensi-agensi lain mengikut permintaan.

2.7 Mengurus program latihan Katering dan Dietetik untuk pelatih dari Institusi Pengajian Tinggi apabila perlu.

2.8 Menggalakkan penglibatan kajian dan penyelidikan katering dan dietetik klinikal / dietetik komuniti mengikut keperluan demi meningkatkan mutu perkhidmatan.


3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Dietetik, Gred U52	1	1	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U48	1	1	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U44	2	2	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U41/44	1	1	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U41	3	3	0	100%
Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C41	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C38	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C32	2	2	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C29/C32	3	3	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C29 (KUP)	15	15	0	100%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N22	1	1	0	100%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N19/N22	39	36	3	92.31%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N1/N4	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19/N22	2	1	1	50%
JUMLAH	**73**	**69**	**4**	**94.52%**

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Sajian


Terdapat peningkatan dalam penyediaan makanan pesakit berbanding tahun sebelumnya. Bagi kelas 1, peningkatan sebanyak 5.13% dan kelas 2 sebanyak 0.07%. Manakala bagi kelas 3 pula penurunan peratusnya sebanyak 4.52%.



	2014	2015	2016	2017	2018
K1	20249	21596	22919	25162	26454
K2	15882	16022	17770	18426	18439
K3	331158	271610	330532	312077	297976


Rajah 8.2.1: Bilangan penyediaan makanan pesakit mengikut kelas bagi tahun 2014-2018

Terdapat peningkatan kos makanan pada kelas 1, 3 sebanyak 28.8% dan 11.9%, manakala kelas 2 menurun sebanyak 4.9% bagi tahun 2018. Penggunaan formula *Enteral* menurun sebanyak 31.5% dan formula bayi sebanyak 19.4%




	2014	2015	2016	2017	2018
K1	233,514.00	271,293.00	159,598.00	200,222.90	257,939.13
K2	181,326.00	195,260.00	123,274.00	143,838.00	136,791.29
K3	3,315,850.0	3,246,499.0	2,031,343.0	1,974,622.4	2,209,133.3
FORUMLA BAYI	56,457.00	51,316.00	84,673.00	85,500.00	68,880.64
FORMULA ENETERAL	356,717.00	371,704.00	415,390.00	475,629.32	325,785.25

Rajah 8.2.2: Kos makanan mengikut kategori bagi tahun 2014-2018



	2014	2015	2016	2017	2018
Catuan malam	80,067.00	82,335.00	42,790.00	0	0
Dr on call / OT / Paramedik	575,950.00	643,321.00	488,536.00	415,032.71	406,990.60

Bekalan makanan untuk pegawai perubatan bertugas atas panggilan serta anggota paramedik menurun sebanyak 1.94% berbanding tahun sebelumnya. Tiada bekalan catuan malam sejak tahun 2017 (pelaksanaan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan makanan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia).




	2014	2015	2016	2017	2018
PESAKIT DALAM	7546	8256	6575	8258	7912
PESAKIT LUAR	1712	1961	1472	1752	1833

Rajah 8.2.3: Kos Makanan Bagi Catuan Malam Dan Pegawai Perubatan Atas Panggilan Bagi Tahun 2014-2018

4.2 Dietetik Klinikal

Jumlah pesakit yang dirujuk untuk perkhidmatan dietetik klinikal bagi pesakit dalam telah menurun sebanyak 4.19% dan bagi pesakit luar juga meningkat sebanyak 4.62%.


Kenaikan beban kerja sebanyak 0.8% dalam perkhidmatan dietetik klinikal bagi kes kritikal juga 7.4% bagi kes tidak kritikal. Kes kritikal adalah kes pesakit yang memerlukan pemakanan enteral melalui tiub manakala kes tidak kritikal melibatkan pengurusan pemakanan pesakit melalui khidmat rundingcara atau nasihat pemakanan.



	2014	2015	2016	2017	2018
KRITIKAL	2559	2724	3204	3131	3157
TAK KRITIKAL	3563	3605	2884	2612	2806

Rajah 8.2.4: Perkhidmatan dietetik klinikal jenis kes yang dirujuk 2014-2018


Perkhidmatan dietetik bagi pesakit luar pula meningkat sebanyak 4.68% bagi kes baru dan menurun bagi kes baru 20.77% bagi kes susulan. Penurunan ini mungkin disebabkan oleh caj yang dikenakan kepada pesakit kes susulan ialah RM8.00.



	2014	2015	2016	2017	2018
KES BARU	758	980	723	1261	1320
KES SUSULAN	513	583	342	491	389

Rajah 8.2.5: Perkhidmatan dietetik klinikal pesakit luar 2014-2018

Perkhidmatan baru untuk dietetic klinikal ialah lawatan ke Klinik Kesihatan Umbai. Ia dimulakan pada bulan Mei 2018. Lawatan hanya dijalankan sekali sebulan pada hari Rabu minggu akhir dan waktu petang sahaja.



Rajah 8.2.6: Perkhidmatan dietetik klinikal Klinik Kesihatan Umbai 2018

5.0 AKTIVITI – AKTIVITI YANG DIJALANKAN

5.1 Program atau Kursus yang dianjurkan oleh Jabatan

5.1.1 Program *Trim and Fit* merupakan program penurunan berat badan bersama staf-staf Hospital Melaka. Antara aktiviti yang dijalankan :-

5.1.1.2 Kursus Pengurusan Berat Badan dan Majlis Perasmian program *Trim And Fit*.
5.1.1.3 *Diet Puasa / Sunnah*
5.1.1.4 *Treasure Hunt* Hospital Melaka
5.1.1.5 Rempuhan berhalangan dan *Healthy Shopping*
5.1.1.6 *Ekspedisi Tanjung Tuan, Bukit Batu Putih, Negeri Sembilan*
5.1.1.7 Penutup program ini diadakan pada 22 November 2018

5.1.2 Sambutan Hari Bulan Pemakanan Peringkat Negeri Melaka. Sambutan ini diraikan bersama sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia yang berlangsung pada 12 April 2018

i. Program ini melibatkan semua Pegawai Dietetik Negeri Melaka (Hospital Melaka, Alor Gajah, Jasin, Hospital Kem Terendak dan Klinik Kesihatan Tengkera, Ayer Keroh, Masjid Tanah dan Kuala Sungai Baru).
ii. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah pameran kalori pemakanan, bento sihat dan demo masakan.

5.1.3 Sambutan Hari Jantung Sedunia Sambutan acara tahunan yang dijalankan setiap tahun oleh Hospital Melaka pada 11 Oktober 2018 dan diadakan di Gunung

Tampin, Negeri Sembilan. Aktiviti yang dijalankan adalah pendakian Gunung Tampin.

5.1.4 Hari Kesihatan Sedunia adalah acara tahunan yang dijalankan setiap tahun oleh Hospital Melaka pada 7 April 2018. Aktiviti yang dijalankan adalah acara larian 10000 langkah.

5.1.5 Hari Dietitian Sedunia

Sambutan ini melibatkan semua Pegawai Dietetik Negeri Melaka KKM dan Hospital Swasta. Diadakan pada 27 Oktober bertempat di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka dengan **Tema *"Empowering Kids with Better Health"*.**

i. Objektif program ini ialah untuk memupuk golongan kanak-kanak dari segi pengambilan pemakanan yang sihat dan seimbang.
ii. Aktiviti-aktiviti pada hari sambutan tersebut adalah senamrobik, pertandingan mewarna, *musical chair*, pemilihan pemakanan yang sihat melalui konsep lampu isyarat trafik dan *food demo*.

5.1.6 Hari Kanser Hospital Melaka

Program diadakan secara bersama Unit Pendidikan Pesakit Hospital Melaka pada 10 Mac. Antara aktiviti yang dijalankan ialah :-

- Diet *Chit Chat*, pameran poster makanan tinggi garam, gula dan lemak
- *Food Display* : makanan tinggi serat

5.1.7 CDE / CCE (Continuous Dietetics/Catering Education)
Sesi CDE/CCE diadakan setiap bulan di Klinik Diet atau diruang trayline untuk meningkatkan pengetahuan.

i. CDE untuk semua Pegawai Dietetik Negeri Melaka
ii. CCE untuk semua Penolong Pegawai Penyediaan Makanan dan Pembantu Penyediaan Makanan

5.1.8 Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan :-

i. Kursus Keselamatan Makanan – Pen. Peg. Penyediaan Makanan / Pembantu Penyediaan Makanan / Pembantu Perawatan Kesihatan
ii. Kursus Pemantapan diet pesakit - Pen. Peg. Penyediaan Makanan / Pembantu Penyediaan Makanan / Pembantu Perawatan Kesihatan
iii. Kursus peningkatan Jati Diri staf JDS Melaka versi 1
iv. Kursus Halal peringkat hospital
v. Kursus Medical Nutritional Therapy Updates 2018 – semua Pegawai Dietetik Negeri Melaka

5.2 Table Top

Tahun ini merupakan giliran JDS untuk mengadakan *Table Top* peringkat hospital. Program ini diadakan pada 15 Mei 2018 di ruang legar antara Klinik Diet dan Klinik Kulit.

5.3 Aktiviti Kualiti Hospital dan Taman

Jabatan mengambil bahagian dalan KIK, QAP dan Taman Hospital

i. KIK – projek yang dijalankan adalah membuat jem dari kulit tembikai. Produk dinamakan sebagai Sweetie Rine Jem
ii. QAP – projek yang dijalankan adalah untuk menilai penurunan berat badan dikalangan staf yang mengalami masalah berat badan yang dirujuk ke Pegawai Dietetik
iii. Taman – aktiviti taman dimulakan pada tahun ini. Taman Jabatan diberi nama **Taman Jannatul Adnin**

6.0 PENCAPAIAN

6.1 **Pensijilan semula HACCP –** sijil diperolehi untuk 3 tahun bermula 17 Ogos 2018 sehingga 16 Ogos 2021

6.2 **Pensijilan HALAL** sijil diperolehi untuk 2 tahun bermula 16 September 2018 sehingga 15 September 2020

6.3 **Pensijilan semula MeSTI –** sijil diperolehi untuk 3 tahun bermula 19 September 2018 sehingga 16 September 2021

UNIT KESIHATAN AWAM

1.0 PENGENALAN

- Mengadakan sesi Majlis Bacaan Yaasin peringkat Bahagian Penyeliaan Hospital
- Bekerjasama dengan Unit Kesihatan Awam dalam program Bebas Denggi.
- Menganjurkan CME Penolong Pegawai Perubatan Hospital Melaka sebanyak 12 kali.
- Menganjurkan mesyuarat bersama Penyelia Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan Kanan
- Menganjurkan Program Khidmat Komuniti iaitu Program Berkhatan untuk golongan yang kurang bernasib baik dan juga untuk anak kakitangan Hospital Melaka.

6.0 PENCAPAIAN

- Seorang Penolong Pegawai Perubatan U36 dan Seorang Penolong Perawatan Kesihatan U12 telah diiktirafkan sebagai Pekerja Terbaik Peringkat Hospital Melaka.
- Seramai 19 Penolong Pegawai Perubatan dan 36 Pembantu Perawatan Kesihatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.
- Menganjurkan Khidmat Komuniti menerusi acara Program Khatan Beramai-ramai pada 03/12/2018
- Bersama menganjurkan Seminar Penolong Pegawai Perubatan Peringkat Negeri Melaka sempena sambutan Hari Pembantu Perubatan.
- Semua Penolong Pegawai Perubatan telah mencapai 100% *Credit Point (CPD)* melebihi 40 mata kredit dan 100% PPP telah memperoleh APC tahunan yang dimohon menerusi aplikasi BLESS.

UNIT KEJURURAWATAN

1.0 PENDAHULUAN

Unit Kejururawatan Hospital merupakan tulang belakang pengurusan Hospital Melaka. Dengan jumlah bilangannya yang terbesar sekali gus [1505/ 3466 (43.4%)] telah menjadikan anggota Kejururawatan asset sumber manusia yang terlibat secara langsung dalam meyalurkan perkhidmatan, berganding bahu membantu Pengarah dan Timbalan- timbalan Pengarah Hospital, pihak pengurusan dan semua unit sokongan di hospital ini dalam banyak aspek seperti memantapkan pemberian perkhidmatan khususnya pengurusan klinikal dan perkhidmatan penjagaan pesakit dalaman dan luaran di Hospital Melaka serta pengumpulan data untuk komponen kualiti di peringkat Hosptial mahupun Peringkat KKM.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Memberi perkhidmatan penjagaan dan perawatan kejururawatan secara holistic yang bermutu dengan mengamalkan etika kod profession kejururawatan dan amalan kejururawatan di pelbagai bidang seperti Perubatan, Pembedahan, Orthopedik, Peadiatrik, Kebidanan, Nefrologi, Onkologi, dan termasuk bidang kepakaran kritikal ICU, CCU, PICU, NICU, Dewan Bedah, Rawatan Harian, klinik pakar serta sub speciality seperti geriatric, neurology, oncology, cardiology dan sebagainya

2.2 Meningkatkan kualiti penjagaan dan perawatan kejururawatan mengikut piawaian menerusi pembangunan kerjaya kejururawatan yang professional, penyayang dan semangat kerja berpasukan seperti yang disarankan oleh Bahagian Kejururawatan KKM.

2.3 Penglibatan secara langsung dan tidak langsung dalam pengauditan dan pengumpulan data kualiti seperti NNA, NIA, HPIA, KPI, PFH, BFH, KIK, QA, research dan sebagainya yang melibatkan pencapaian ke arah pengsijilan ISO dan Akreditasi serta aktiviti *patient safety* dan kualiti yang ditetapkan oleh Pengarah Hospital, Pengarah Kejururawatan KKM yang selaras dengan saranan KKM.

2.4 Merancang dan melaksanakan latihan sama ada dalam bentuk kursus / bengkel / CNE untuk semua kategory jururawat di Hospital Melaka bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan kompetensi mengikut keperluan dan bidang masing masing. Latihan bukan sahaja dalam bidang klinikal tetapi termasuk aspek motivasi bagi memupuk pengamalan soft skill dan komunikasi serta kepimpinan supaya dapat meningkatkan mutu kualiti seseorang jururawat di Hospital Melaka agar dapat memberi perkhidmatan yang terbaik dan hoslitic kepada pesakit dan waris pesakit.

2.5 Merancang dan menghantar staf untuk post basic atau advance diploma subspeciality mengikut keperluan training analisa walaupun tidak mencukupi staf di wad wad atau klinik klinik Hospital Melaka

3.0 BEBANAN KERJA

Setiap tahun terdapat peningkatan kemasukan pesakit ke Hospital Melaka. Kadar penggunaan katil (BOR) meningkat dan kemasukan pesakit telah meningkat pesat dari 68,053 orang dalam tahun 2009 kepada 78,202 orang pada tahun 2016 dalam masa 8 tahun. Pengenalan kepada perkhidmatan baru di Hospital Melaka seperti sub-kepakaran dan lawatan pakar dari hospital lain seperti kardiologi, hematologi, urologi, neurologi dan onkologi telah menyumbang kepada peningkatan kedatangan dan kemasukan pesakit ke Hospital Melaka. Manakala juga terdapat tambahan perkhidmatan klinik dan day care di wad wad seperti di wad A1 (hematologi dan O&G serta nephrology), A2 (Gerontologi –geriatric clinic dan day care dan neurology) dan E2 (cardiology), dengan secara tidak langsung telah menambahkan beban kerja kejururawatan tetapi masih dengan bilangan anggota yang sama.

Namum demikian, pada tahun 2017 dan 2018 kemasukan pesakit didapat penurunan kemasukan ke wad wad Hospital Melaka, ini kemungkinan disebabkan perlaksanaan konsep Hospital klauster dan optimakan rawatan harian serta banyak kes telah rujuk kepada program domisiliali (PPD) ke Klinik Kesihatan Negeri Melaka.

TAHUN	JUMLAH KATIL	%(BOR)	JUMLAH KEMASUKAN
2009	901	80.68	68,053
2010	901	83.39	71,080
2011	901	92.40	71,943
2012	1041	81.58	75,381
2013	1041	84.50	74,839
2014	1091	82.60	73,476
2015	1091	80.60	76,651
2016	1091	82.94	78,202
2017	1091	81.50	75,130
2018	1091	82.30	75,034

Jadual 8.6.1: Jumlah katil, BOR dan jumlah kemasukan mengikut tahun

TAHUN	KATIL	JUMLAH JURURAWAT
2009	901	1143
2010	901	1210
2011	901	1217
2012	1041	1235
2013	1041	1336

2014	1091	1455
2015	1091	1499
2016	1091	1512
2017	1091	1520
2018	1091	1505

Jadual 8.6.2: Jumlah pertambahan katil dan jururawat mengikut tahun

Unit kejururawatan mengalami kekurangan jururawat terlatih yang amat ketara di kawasan klinikal. Penambahan operasi jabatan sub-speciality yang telah operasi tetapi masih belum mendapat perjawatan kejururawatan contohnya Jabatan Plastik, Jabatan Rehabilitasi dan Jabatan Nephrologi dan sebagainya. Pada bulan Oktober 2017 dan 22 April 2019, Unit Kejururawatan telah memohon penambahan perjawatan dengan Bahagian Kejururawatan melalui Ketua Penyelia Jururawat Negeri dengan mengguna format permohonan yang disarankan oleh pihak Bahagian Kejururawatan KKM. Kekurangan staf ini telah mendatangkan banyak insiden (insiden pesakit jatuh) dan aduan (tidak puas hati dengan *pressure ulcer* dan sebagainya). Kajian DASS-21 telah dilaksanakan pada Disember 2018 didapati tahap *anxiety* staf adalah 5.93%, Tahap Depression adalah 2.2% dan tahap stress adalah 0.89%, majoriti dari Jabatan Medikal. Namun demikian kami amat berharap pihak Bahagian Kejururawatan KKM dapat menunaikan kelulusan penambahan perjawatan di kawasan klinikal Hopsital Melaka khasnya dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

4.0 AKTIVITI KEJURURAWATAN

4.1 Aktiviti Peningkatan kompetensi staf

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	YANG HADIR	SUMBER KEWANGAN	
		MULA	JUMLAH KEHADIRAN	LDP	LAIN-LAIN
1	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN 1/2018	4.1.2018	**100**		1
2	KURSUS SOFT SKILL	5.1.2018	**118**		1
3	KURSUS MANAGEMENT & LEADERSHIP	1.2.2018 - 2.2.2018	**80**		1
4	KURSUS MOTIVASI UNTUK JURURAWAT LELAKI	8.2.2018	**40**		1
5	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN 2/2018	26.2.2018	**100**		1
6	KURSUS BLS	22.2.2018 - 23.2.2018	**42**	1	

7	KURSUS DOKUMENTASI	7.3.2018	**80**	1	
8	IN PATIENT FALL PREVENTION COURSE	21.4.218	**200**	1	
9	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN BIL 3/2018	23.4.2018	**100**	1	
10	KURSUS ICU AWARENESS	13.3.3018 - 14.3.2018	**82**	1	
11	PEADIATRIC UPDATE	24.4.2018	**102**	1	
12	SEMINAR & SAMBUTAN HARI JURURAWAT	14.5.2018	**200**	1	
13	KURSUS MENTORING	30.4.2018	**75**	1	
14	KURSUS PENSTERILAN	13.7.2018	**84**	1	
15	1ST MELAKA NURSING CONFERENCE	27.7.2018 - 28.7.2018	**228**		1
16	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN BIL 4/2018	10.7.2018	**100**	1	
17	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN BIL 5/2018	3.9.2018	**100**	1	
18	KURSUS BLS	2.7.2018	**15**		1
19	KURSUS BLS	9.7.2018	**14**		1
20	KURSUS KETERAMPILAN DIRI	20.8.2018	**80**	1	
BIL	**NAMA KURSUS**	**TARIKH**	**YANG HADIR**	**SUMBER KEWANGAN**	
		MULA	**JUMLAH KEHADIRAN**	**LDP**	**LAIN-LAIN**
21	KURSUS PENJAGAAN STOMA	14.9.2018	**72**	1	
22	KURSUS MINDA SIHAT	30.8.2018	**60**		1
23	CANNULATION WORKSHOP	21.9.2018 - 22.9.2018	**86**		1
24	TOT DOKUMENTASI	2.7.2018	**25**		1
25	TOT PREVENTION FALL	20.7.2018	**80**		1
26	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN BIL 6/2018	26.10.2018	**100**		1
27	KURSUS SOFT SKILL	22.10.2018	**78**		1
28	BENGKEL LINK NURSE - KJ	27.8.2018	**100**		1
29	KURSUS TRANSFUSI DARAH	29.10.2018	**80**		1
30	BENGKEL MYPORTFOLIO	13.11.2018 - 14.11.2018	**43**		1

31	KURSUS SOFT SKILL	2.11.2018	**70**	1	
32	KURSUS MS ACCESS	26-27.9.2018	**16**		1
33	KURSUS MS ACCESS	16-17.10.2019	**16**		1
34	BENGKEL TEKNIKAL KEJURURAWATAN BIL 7/2018	6.12.2018	**87**	1	
	JUMLAH KESELURUHAN		**2853**	**15**	**19**

Unit Kejururawat juga telah menjalani 34 sesi kursus kepada semua jururawat dari tiap elemen. Ada 19 sesi kursus yang dilaksanakan adalah dibayar oleh staf sendiri secara ikhlas tanpa ada sebarang rungutan. Penyelia Jururawat di tiap Jabatan juga ada buat CNE mengikut keperluan kepada staf -staf bawah jagaan di sepanjang tahun 2018. Penganjuran Kursus dan CNE amat penting untuk memantapkan peningkatan kompetensi staf dalam perlaksanaan penjagaan pesakit yang berkualiti dan holistic. Unit Kejururawatan juga tidak lupa mengadakan kursus / bengkel motivasi untuk memupuk keseronokan dan semangat bekerja di wad wad dan klinik klinik Hospital Melaka.

4.2 Aktiviti Unit Kejururawatan

4.2.1 Bagai tuan rumah menganjur Seminar sempena Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Peringkat Kebangsaan 23.3.2018 hingga 25.3.2018 di Ramada Hotel dengan jayanya – seramai 1000 peserta yang hadir.

4.2.2 Sambutan Hari Jururawat Sedunia oleh jururawat masing masing di setiap Jabatan pada 12 Mei 2018

4.2.3 Sambutan Hari Jururawat Sedunia di PICC pada 12.5.2018 yang bertema *Nurses: A voice to lead - Health is a Human right* - 38 orang jururawat dari Hospital Melaka yang hadir ke Majlis ini.

4.2.4 Sambutan Hari Jururawat di peringkat Hopsital Melaka - 13/5/18

4.2.5 Sambutan Hari Jururawat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) di Avillion Legacy Hotel - **18/5/18**

4.2.6 Pelbagai aktiviti telah dijalankan iaitu seperti : Lawatan rumah orang tua di Paya Ikan; Aktiviti sukan seperti pertandingan netball, bowling antara jururawat dari pelbagai elemen; Lawatan jalinan kasih mesra ke rumah bagi melawat jururawat yang sakit diadakan pada 10.5.2018 dan lawatan ke wad pula dilakukan pada 12.5.2018; Majlis Makan Malam sempena Nurses Day Celebration 2018 telah diadakan pada 13.5.2018 bertempat di Hotel Ramada Plaza dengan seramai 370 jururawat yang hadir.

4.2.7 Pada 27 – 28 Julai 2018 dengan kerjasama semua jawatan kuasa kejururawatan telah menjayakan penganjuran 1st Nursing Conference Melaka 2018 dengan

tema Health Is A Human Right: Challenges For Nurses di Bangunan CREaTE JKR, Simpang Ampat, Alor Gajah, Melaka.

4.2.8 Unit Kejururawatan HM juga menjadi tuan rumah untuk bantu dalam anjuran The 23rd Joint Malaysia-Singapore Nursing Conference 2018 yang diadakan pada 4-7 September 2018 di Equitorial Hotel dengan jayanya.

4.2.9 24 November 2018, Unit Kejururawatan Hospital Melaka bekerjasama dengan Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) Cawangan Melaka ada anjurkan Nursing Seminar, yang bertema: ' The Way Forward ' at Temasek, Ujong Pasir Melaka
Penglibatan Jururawat telah menjayakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Jabatan dan Hospital Melaka mahupun Jabatan Kesihatan Negeri serta Peringkat KKM atau antara bangsa merupakan sumbangan dan komitmen yang tinggi dan tidak berbelah bahagi serta sikap permuafakatan yang menjadi tonggak amalan semua jururawat di Hospital Melaka. Hasil dari semangat kerja berpasukan dari jururawat dan warga kerja Hospital Melaka, majlis-majlis rasmi, anjuran *conference* dan sebagainya yang dijalankan pada tahun 2018 dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya.

5.0 PENCAPAIAN

5.1 Terdapat beberapa jururawat kenaikan pangkat melibatkan anggota kejururawatan antaranya adalah seperti berikut:-

5.1.1 Kenaikan pangkat Jururawat Gred U36 ke Gred U42 seorang.
5.1.2 Kenaikan pangkat Jururawat Gred U32 ke U42 seramai seorang
5.1.3 Kenaikan pangkat Jururawat Gred U29 ke U32 seramai 11 orang
5.1.4 Kenaikan Pangkat Jururawat KUP Gred U32 ke Ketua Jururawat Hakiki U32 seramai 2 orang
5.1.5 Kenaikan Pangkat Jururawat Gred U29 ke KUP U32 seramai 33 orang
5.1.6 Kenaikan Pangkat Jururawat Gred U19 ke KUP U24 seramai 15 orang

5.2 Seramai 125 orang anggota kejururawatan telah menerime Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2018, berikut adalah jumlah staf yang mendapat APC dari tahun 2014 hingga 2018 mengikut kategori jururawat, ianya menunjukkan ada penurunan bilangan calon jururawat bagi tahun ini iaitu seramai 6 orang. Walau bagaimana pun kami pihak kejururawatan terima kasih kepada pihak pengurusan atas sokongan dan penghargaan yang diberi.

BIL	JAWATAN	JUMLAH	BILANGAN CALON YANG MENERIMA APC				
			2014	2015	2016	2017	2018
1	Ketua Penyelia Jururawat	1	0	0	0	0	0
2	Penyelia Jururawat U 42	6	2	0	1	0	0

3	Penyelia Jururawat U41	4	1	0	1	1	0
4	Penyelia jururawat U36	19	1	2	4	2	3
5	Ketua Jururawat U32	121	10	6	18	24	33
6	Jururawat U29/32	184	88	15	18	26	19
7	Jururawat U29	1031	1	91	75	71	56
8	Jururawat Masyarakat U19/24/26	145	7	10	12	7	14
	Jumlah	1511	110	124	129	131	125

Jadual 8.6.2: Taburan jururawat yang mendapat APC mengikut kategori jururawat

5.3 Aduan dan penghargaan

Unit Kejururawatan tidak dapat mencapai penurunan bilangan aduan. Aduan ke atas staf kejururawatan meningkat dari 15 (tahun 2017) ke 38 kes (tahun 2018) dari pesakit atau waris pesakit terhadap perkhidmatan penjagaan kejururawatan. Pihak kami sentiasa cuba seberapa daya untuk mengatasi isu-isu ketidakpuasan pesakit atau waris di peringkat wad atau klinik sebelum mereka membawa isu berkenaan ke Unit Perhubungan Awam. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai dari Unit Perhubungan Awam (PRO) kerana selalu membantu kami menyelaraskan dan menyelesaikan segala aduan yang ditujui oleh pengadu dalam 24 jam hingga 48 jam.

Walau bagaimanapun kami juga terima banyak penghargaan dari pesakit dan waris di wad wad dan klinik ke atas perkhidmatan penjagaan kejururawatan yang tersentuh hati mereke di mana ada peningkatan pada tahun 2018 dengan 86 penghargaan jika dibanding dengan 65 penghargaan pada tahun 2017.

Sebenarnya banyak wad dan klinik ada banyak menerima pelbagai penghargaan kepada para jururawat dari pesakit dan waris pesakit namun ia tidak dipanjangkan ke Bahagian Pengurusan Unit Penghubungan Awam untuk didaftarkan dalam pendaftaran penghargaan pesakit Hospital Melaka kerana isu intergriti penerimaan hadiah dari pesakit dan ada yang hanya simpan di wad wad atau klinik masing masing.

PERKARA	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Aduan (berasas / tidak berasas)	37 18/19	24 14/10	17 10/7	27 14/13	15 5/10	38 8/30
Penghargaan			80	90	65	86

Jadual 8.6.3: Statistik Aduan dan Penghargaan ke atas jururawat

5.4 Pencapaian NIA dan KPI Kejururawatan

PERKARA	STANDARD	PENCAPAIAN					
		2013	2014	2015	2016	2017	2018
Pesakit Jatuh	10% berkurangan dari tahun lepas	24 (↓ 7.6%)	17 (↓29.1%)	42 (↑ 54%)	40 (↓ 5%)	32 (25%) Penurunan ini adalah disebabkan excluded near fall - 36)	88 Peningkatan yang pesat disebabkan banyak kes tidak benarkan untuk dikecualian (excluded)
Kudis Tekanan	≤ 0.9%	0.40%	0.42%	0.15%	0.77%		0.2%
Thrombophlebitis	< 0.5%	0.15%	0.08%	0.18%	0.26%	0.14%	0.19%
BLS	HPIA ≥70%	-	-	72%	74.2%	72%	72.51%
	KPI i) kritikal area 65% ii)non kritikal 50%	 100% 71%	 75.5% 66.1%	 66.1% 75.5%	 74.2% 59%	 72% 75.3%	 72.51% 88.8%

Jadual 8.6.4: Statistik NIA dan KPI yang menunjukan pencapaian perkhidmatan kejururawatan Hospital Melaka.

Unit Kejururawatan telah berjaya mencapai standard Kudis Tekanan <0.9% dan Thrombophlebitis <0.5% yang ditetapkan oleh pihak Bahagian Kejururawatan KKM seperti tertera di jadual 6.

Manakala Unit Kejururawatan tidak dapat menggurangkan 10% insiden pesakit jatuh dari jumlah insiden pesakit jatuh pada tahun
2017. Di mana pada tahun 2018 terdapat peningkatan insiden pesakit jatuh yang pesat dari 32 ke 88 kes. Ini adalah disebabkan penyelaras dan penasihat kami tidak benarkan kes jatuh yang luar kawalan jururawat dikecualikan seperti di tahun 2017.

pada tahun 2018 Jawatan Kuasa Pencegahan Pesakit Jatuh telah teruskan memantapkan jawatan kuasa dengan adanya penyelaras dan penasihat yang terdiri daripada pengerusi Jawatan Kuasa Patient Safety dan pakar geriatric bagi memberi nasihat dalam mengambil langkah penambahbaikan dengan memantapkan lagi *program prevention fall* agar ada penurunan insiden jatuh atau menggurangkan kecederaan ke atas pesakit yang jatuh.

Penguwudan dokumentasi penilaian yang lebih kukuh pada awal tahun 2017 adalah salah satu langkah penambahbaikan di mana Jawatan Kuasa mengadakan satu sesi pembentangan kes kes insiden pesakit jatuh setiap bulan oleh KJ dan staf wad yang berkenaan, untuk memberi kesedaran dan impak kepentingan pemantuhan langkah langkah yang ditetapkan dalam jawatan kuasa prevention fall, dan mendapatkan justifikasi penilaian yang valid untuk menentukan sama ada kes insiden jatuh berkenaan adalah true fall atau near fall oleh penyelaras dan penasihat kami sebelum dibawa ke mesyuarat jawatan kuasa induk insiden.

Walau bagaimanapun Jawatan Kuasa Insiden jatuh khasnya telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menganjurkan beberapa bengkel dan CNE pencegahan pesakit jatuh sepanjang tahun 2018. Dengan usaha Jawatan Kuasa pencegahan Insiden pesakit jatuh dan Jawatan Kuasa Induk Insiden, telah Berjaya mendapatkan 75 katil baru yang berpagar dan 10 commode chair, kesemua telah diagihkan ke wad wad yang ada banyak insiden pesakit jatuh. Manakala pihak wad O&G juga terdapat 18 step stool. Kami akan berusaha meneruskan program *prevention fall* agar insiden jatuh dapat dikurangkan dari segi bilangan dan kecederaan pada tahun 2019 dan seterusnya.

Manakala bagi pencapaian KPI Training Basic Life Support (BLS) di kalangan jururawat ada peningkatan sedikit pada tahun 2018 jika dibandingkan dengan tahun 2017, ini adalah disebabkan kursus BLS bagi tahun 2018 telah dilaksanakan oleh satu pasukan untuk merancang dan melaksanakan kursus BLS dengan bantuan Pakar Pegawai Perubatan Medikal dan Anesthesia agar dapat para jururawat yang tiada kursus BLS atau hampir tarikh luput pensijilan BLS untuk menghadiri kursus BLS bagi mencapai KPI yang ditetapkan oleh pihak KKM.

6.0 PENCAPAIAN DALAM KURSUS /LATIHAN

6.1 Telah berjaya menghantar 56 (29 Pengambilan Mac 2018 dan 27 pengambilan September 2019) anggota jururawat untuk mengikuti pelbagai kursus pos basik sepanjang tahun 2018.

6.2 Dari jadual 5 menunjukkan seramai 496 (32.96%) anggota kejururawatan berjaya mencapai 7 hari berkursus, di mana ramai jururawat terlatih dan jururawat masyarakat yang tidak mencapai 100% untuk menghadiri kursus 7 hari, **manakala 67.04% (1009) jururawat dapat mencapai 3 hari dan kurang dari 7 hari kursus. Tiada jururawat yang tidak dapat mencapai 3 hari** berkursus pada tahun 2018.

Bil	Gred / Kumpulan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Hari		Jumlah Kehadiran Kursus
			Hadir 3 hari dan kurang dari 7 hari	Hadir 7 hari dan lebih	
1	Penyelia Jururawat (Gred 41 hingga 56)	**7**		7	
2	Penyelia Jururawat (Gred 36)	**14**		14	
3	Ketua Jururawat (Gred 32)	**135**		135	
4	Jururawat (Gred 29/32)	**1204**	965	239	
6	Jururawat Masyarakat (Gred 19 hingga 26)	145	44	101	
	Jumlah	**1505**	**1009**	**496**	1505
			67.04%	32.96%	100.00%

Jadual 8.6.5: Statistik Kursus dan CNE

Latihan Sangkut Jururawat Terlatih dari Hospital dan PKD Negeri Melaka

Staf dari Hospital Jasin, Hospital Alor Gajah dan PKD yang menjalani latihan sangkutan di Hospital Melaka adalah seperti di jadual berikut:

	HOSPITAL TERLIBAT	ICU	UPBS	Orthopedik	Surgikal	Pediatrik	ETD	kamar Bersalin	Jumalh
1	**JASIN**	**8**	**-**	**-**		**-**	**-**	**-**	**8**
2	**ALOR GAJAH**	**8**	**-**	**-**	**5**	**1**	**-**	**-**	**14**
3	**TERENDAK**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**
4	**PKD AG**	-	-	-	-	**-**	**-**	**24**	**24**
5	PKD MT	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**2**	**44**	**46**
6	**PKD Jasin**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**
	Jumlah	**16**	**-**	**-**	**5**	**1**	**2**	**68**	**92**

Staf dari Hospital dan PKD Negeri Melaka yang buat latihan sangkutan di Hospital Melaka Bagi tahun 2018, Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah jarang menghantar stafnya untuk buat latihan sangkutan.

7.0 ISU DAN CABARAN

Taburan jururawat junior yang agak tinggi iaitu 547 (36.4%) bilangan jururawat U29 dalam lingkungan 20 -30 tahun, 715 (47.5%) jururawat antara 31 – 40 tahun dan hanya 62 (4.1%) jururawat yang berumur 51-60 tahun seperti dalam jadual 7.

Tambahan Unit Kejururawatan mempunyai 96 orang jururawat yang mempunyai penyakit kronik dan 24 orang daripada golongan ini memerlukan *light duty* dan tambahan unit yang masih belum dapat staf. Fenomena jururawat –jururawat yang muda dan tiada pengalaman; masalah *light duty* (cuti sakit); cuti bersalin; letak jawatan dan pengwujudan unit *subspeciality* menjadi satu cabaran hebat kepada Unit Kejururawatan. Di mana pihak kami menghadapi kekangan kekurangan staf khasnya jururawat terlatih U29 di wad- wad, terpaksa mengatur pengagihan dan *deployment staff* secara dalaman atau antara jabatan bagi memastikan anggota yang cukup untuk melaksanakan perkhidmatan yang ditetapkan dengan berkesan dan selamat mengikut garis panduan amalan kejururawatan.

BIL	JAWATAN	20 - 25 tahun		26 - 30 tahun		31 - 35 tahun		36 - 40 tahun		41 - 45 tahun		46 - 50 tahun		51 - 55 tahun		56 - 60 tahun		JUMLAH
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1	Jururawat U48	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
2	Jururawat U44	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	**1**
3	Jururawat U42	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	**3**
4	Jururawat U41	0	0	0	0	0	1	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	**3**
5	Jururawat U36	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	3	0	8	0	2	**14**
6	Jururawat U32	0	0	0	0	0	1	0	50	0	44	0	26	0	13	0	1	**135**
7	Jururawat KUP U32	0	0	0	0	0	3	0	81	0	42	0	34	0	27	0	6	**193**
8	Jururawat U29	7	91	24	380	25	343	7	111	0	14	0	6	0	2	0	1	**1011**
9	Jururawat Masyarakat U26	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	**1**
10	Jururawat Masyarakat U24	0	0	0	0	0	0	0	4	0	4	0	0	0	0	0	0	**8**
11	Jururawat Masyarakat KUP U24	0	0	0	0	0	2	0	19	0	1	0	1	0	1	0	0	**24**
12	Jururawat Masyarakat U19	0	2	0	43	0	53	0	13	0	1	0	0	0	0	0	0	**112**
JUMLAH		**7**	**93**	**24**	**423**	**25**	**403**	**7**	**280**	**0**	**108**	**0**	**73**	**0**	**52**	**0**	**10**	**1505**

Peranan Penyelia Jururawat dan Ketua Jururawat dalam pemantauan jururawat bawah jagaan amat penting bagi memastikan staf bawah jagaan menjalankan tugasan dengan mengikut SOP yang ditetapkan oleh hospital dan KKM serta Bahagian Kejururawatan KKM; memastikan kejayaan dalam program mento-mentee untuk melahirkan jururawat yang berkebolehan, efektif, cekap, mahir dan selamat melalui teguran, tunjuk ajar, pemantauan dan penyeliaan yang berterusan.

8.0 KESIMPULAN

Dengan beban kerja jururawat yang tinggi di wad -wad dan bilangan jururawat yang sedia ada sekarang adalah tidak mencukupi untuk diagihkan ke wad-wad, klinik -klinik dan tambahan unit *sub speciality*, kekurangan staf ini tidak dapat menepati syarat yang ditetapkan oleh pihak Bahagian Kejururawatan mengikut *norm level of care* atau *ideal staffing* yang sebenar. Kekurangan staf pembantu perawatan kesihatan (PPK) juga memberi impak kepada tugasan jururawat terlatih di wad wad dan klinik klinik. Kesan kekurangan staf khasnya di wad -wad telah mengakibatkan ketua jururawat dan jururawat terlatih terpaksa menjalankan tugasan *multitasking* dalam tugasan klinikal dan tugasan pekeranian. Kekurangan jururawat terlatih U29 juga menyebabkan ramai jururawat terpaksa menjalankan tugasan *double duty* untuk memastikan perkhidmatan penjagaan kejururawatan ke atas pesakit dilaksanakan dengan baik atas sebab rakan sekerja yang bercuti oleh kerana cuti bersalin, cuti sakit, cuti kecemasan, cuti kuarantin, cuti berlajar dan sebagainya.

Kami amat berharapkan pihak atasan khasnya Bahagian Kejururawatan KKM dapat membekalkan jururawat pelbagai kategori khasnya jururawat U29 seperti yang dipohon dari pihak kami bagi mengatasi kesan kekurangan staf di Unit Kejururawatan Hospital Melaka.

Walau bagaimanapun pasukan Unit Kejururawatan akan cuba memberi perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada pesakit kami demi imej hospital dan profession kejururawatan.

UNIT PENJAGAAN LUKA

1.0 PENDAHULUAN

Unit Penjagaan Luka Hospital Melaka telah ditubuhkan dengan rasmi pada 02 Mei 2012 yang telah di pengerusikan oleh Pengarah Hospital Melaka pada ketika itu iaitu Datuk Dr. Narimah Nor bt. Yahaya dan Dr. Hj. Ahmad Faizal b. Abdullah (Pakar Pembedahan Ortopedik) selaku Ketua Penyelaras serta dua orang Pengawai Perubatan dari Jabatan Pembedahan dan Jabatan Orthopedik turut membantu di dalam unit ini.

Unit Penjagaan Luka telah dibantu oleh kakitangan dalam kalangan paramedik yang terdiri dari tiga orang Penolong Pengawai Perubatan dan dua orang Jururawat Terlatih bagi membantu di bahagian pengurusan serta penjagaan pesakit yang dirujuk kepada unit ini. Unit ini sebelum ini telah di tempatkan di tingkat satu bersebelahan Pejabat Penyelia Hospital Melaka yang mana ia merupakan pejabat lama Unit Kesihatan Awam. Pada masa kini lokasi Klinik Penjagaan Luka telah berpindah ke Aras 3 bersebelahan lift pada awal Febuari tahun 2018.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Fungsi utama adalah memberi penjagaan serta perawatan kepada setiap jenis luka yang telah dirujuk ke unit ini. Antaranya adalah:

2.1 Mencegah jangkitan kepada luka tersebut.

2.2 Mengurangkan beban pesakit bagi pembiayaan kos perubatan.

2.3 Mengurangkan kos pembelian ubatan di pihak Hospital, Kesihatan Awam dan Kerajaan.

2.4 Memendekkan masa tinggal di wad.

2.5 Meningkatkan pengetahuan kepada kakitangan perubatan tentang Penjagaan luka mengikut ***Modern Dressing*** yang telah diperkenalkan termasuk ***Maggot Debridement Therapy*** ,**Vacum Therapy** dan sebagainya.

2.6 Memberi perkhidmatan kaunseling penjagaan luka serta pemakanan yang seimbang kepada pesakit dan waris pesakit.

3.0 PERJAWATAN /SUMBER MANUSIA

JAWATAN	GRED	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Ketua Unit / Pakar Pembedahan Orthopedik	UD56	1	0
Pegawai Perubatan	UD54 UD 52	1 1	0 0
Penolong Pegawai Perubatan	U 36	1	
Jururawat Terlatih	U29/U32 (KUP)	3	0
Penolong Pegawai Perubatan	U29/U 32	2	0
Pembantu Perawatan Kesihatan	U 11	0	1
Pembantu Tadbir	N 17	0	1

4.0 BEBAN TUGAS

JUMLAH PESAKIT YANG DIRAWAT	KES BARU DIRUJUK DARI WAD	KES ULANGAN DI KLINIK
1475	1218	257

5.0 AKTIVITI

5.1 Continuing Medical Education (CME)

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 6 sesi pembelajaran perubatan berterusan telah diadakan. Ianya bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan pendedahan serta kemahiran kepada kakitangan unit serta kakitangan perubatan di seluruh Melaka khasnya di dalam penjagaan dan perawatan luka pesakit. Setiap sessi mendapat sambutan yang menggalakkan, kehadiran pada setiap CME diantara 40 -50 orang paramedik.

5.2 Kursus

Telah mengadakan **Melaka *Wound Care Confrence 2018*** pada 27 Febuari 2018 hingga 28 Febuari di Hotel Avillion Melaka yang memberi keutamaan kepada pengurusan luka dan *update* di dalam *modern dressing*. Seramai 230 peserta dalam kalangan paramedik dan Pegawai Perubatan telah mengambil bahagian. Peserta terdiri dari dalam Negeri Melaka dan luar Negeri Melaka.

5.3 Lawatan

Menerima lawatan seramai 8 orang PPP dan kakitangan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Krian pada 24 Oktober 2018. Juga menerima lawatan seramai 6 orang yang terdiri dari Jururawat dan pegawai Perubatan dari Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom Kluang pada 13 November 2018. Lawatan mereka ke Unit Penjagaan Luka adalah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pengurusan, aktiviti dan perjalanan Unit Penjagaan Luka Hospital Melaka.

5.4 Penglibatan / penyertaan staff UPL

5.4.1 "National Nursing Wound Care Confrence 2018 I Puncak Alam pada 20.3.2018, melibatkan seramai tiga orang jururawat dari UPL .

5.4.2 Jemputan untuk mengadakan pameran modern Dressing di Taman Trendak Permai sempena sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada 21.4.2018

5.4.3 Pameran Mordern Dressing di Oriental Hospital Klebang pada 24.11.2018.

5.4.4 Symposium on Oncology di Hatten Hotel pada 14.7.2018

5.4.5 Menghantar wakil ke Asean Wound Summit 2018 di Kuching.

5.4.6 Sebagai fasilitator Bengkel Penjagaaan luka di Kinik kesihatan Mahmodiah Johor Bahru pada 24.4.2018, sebagai Fasilitator kursus penjagaan Luka di Unit Kesihatan Awam JKN Melaka ,penglibatan semua staff UPL

5.4.7 Menghantar 8 peserta ke Global Wound Care 2018 di Royale Chulan Kuala Lumpur pada 21.9.2018 – 23.9.2018. Menghantar seorang waki ke Nurse Pratitioner Forum Penang pada 27.7.2018 – 29.7.2018. Peserta Building Regional Advanced Clinical Evocation di Singapore pada 1.9.2018.

5.4.8 Jemputan sebagai penceramah kursus samada di Hospital Melaka ,Hospital Swasta dan juga di Fasiliti Klinik Kesihatan.

5.5 Menerima kehadiran peserta attachment

Sepanjang tahun 2018 Unit Penjagaan Luka menerima kedatangan pelatih kolej Jururawat Hospital Melaka, Pelatih Pembantu Perubatan Koleh Universiti Sains Perubatan Cyberjaya , Pelatih Kursus Jangkapendek Pengurusan Diabetis, dan Staff Hospital Alor Gajah serta Hospital Segamat.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Telah merawat dan memberikan sepenuhnya penjagaan luka kepada 1475 orang pesakit (pesakit klinik dan pesakit wad),

6.2 Mengadakan Melaka Wound Care Course 2018 yang telah diadakan pada 27 dan 28 Februari 2018 di Avillion Legacy Melaka yang memberi keutamaan kepada pengurusan luka dan *update* di dalam *modern dressing*. Seramai 230 peseta dikalangan paramedik dan Pegawai Perubatan telah mengambil bahagian

6.3 Telah menerima jemputan untuk memberi ceramah di beberapa lokaliti kesihatan seperti JKN Melaka, PKD Melaka Tengah ,PKD Johor Bahru dan Mahkota Medical Centre Melaka dan banyak menerima jemputan sebagai penceramah di Hospital Melaka sendiri.

6.4 Telah menjadikan Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah sebagai Hospital Kluster untuk Rawatan Penjagaan Luka.

6.5 Pengunaan Moden Dressing telah diperluaskan skop perkidmatannya ke Klinik Kesihatan seluruh Negeri Melaka Di setiap Daerah ada Klinik Kesihatan yang menjadi sumber rujukan.

7.0 ISU DAN CABARAN

7.1 Kekurangan kakitangan di unit ini sedikit sebanyak membantutkan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit serta menjadi tekanan kerja kepada kakitangan yang sedia ada. Unit ini amat berharap untuk mendapatkan seorang Pembantu Perawatan Kesihatan atau seorang Pembantu Tadbir.

7.2 Ruang pejabat yang kecil telah memuatkan seramai 7 orang kakitangan bersama-sama barangan ***Modern Dressing*** yang sepatutnya di tempatkan di dalam stor unit.

7.3 Ketiadaan bilik khas atau bangunan untuk dijadikan Klinik Unit Penjagaan Luka yang telah pun beroperasi setiap hari Selasa bagi merawat pesakit yang telah di berikan temujanji setelah keluar dari wad atau pesakit yang dirujuk dari Hospital dan Klinik-klinik Kesihatan dari seluruh Negeri Melaka.

7.4 Kekurangan peralatan pejabat seperti komputer, meja dan kerusi menyebabkan kakitangan terpaksa berkongsi untuk kegunaan bersama dan menyebabkan proses kerja menjadi tertangguh dan lambat kerana terpaksa menunggu.

7.5 Kekurangan mesin vaccum bagi merawat luka pesakit juga merupakan satu isu dan cabaran bagi unit ini yang mana terpaksa menggunakan mesin *Portable Suction* atau *Wall Suction* bagi tujuan perawatan luka. Ini boleh mengakibatkan berlakunya jangkitan silang kepada pesakit serta merosakkan mesin *Portable Suction* tersebut.

7.6 Penempatan Klinik Penjagaan Luka yang baru iaitu di MESS 53 masih belum dapat digunakan kerana kerja-kerja permohonan untuk pemasangan dua unit aircond dalam proses di unit pembangunan.

8.0 KESIMPULAN

Penjagaan luka di peringkat hospital dan kesihatan amat penting bagi mengelakkan jangkitan sekunder serta mengurangkan motarliti dan morbiditi kepada pesakit. Unit penjagaan luka telah memperluaskan lagi penggunaan *modern dressing* dan ke kesihatan dengan tujuan pesakit dapat menyambung rawatan setelah discaj daripada wad. Ini dapat membantu pesakit dari segi mentaliti dan sosio-ekonomi dengan mengurangkan kos perubatan dipihak pesakit dan kerajaan. Rawatan luka dengan menggunakan kaedah “Morden Dresing” memberikan suatu kehidupan baru kepada pesakit dimana sesorang yang telah sembuh akan dapat menjalankan kerjayanya dengan lebih efektif lagi.

KLINIK MESRA

1.0 PENGENALAN

Hospital Melaka adalah sebuah organisasi yang besar dan mempunyai bilangan kakitangan yang bertambah setiap tahun. Mengikut senarai penjawatan, anggota kerja Hospital Melaka pada bulan Januari 2016 seramai 3807 orang, bulan Januari 2017 seramai 3786 dan Januari 2018 seramai 3945 orang. Penjawatan jumlah kakitangan meningkat.dan Klinik Mesra mendapat sambutan yang amat mengalakkan. Klinik Kakitangan bertukar nama menjadi Klinik Mesra pada tahun 2004. Penubuhannya selaras dengan polisi Hospital Melaka iaitu menjaga kebajikan wargakerja terutamanya dari segi kesihatan serta kebajikan terhadap anggota keluarga.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan Klinik Mesra adalah KHAS UNTUK ANGGOTA KERJA HOSPITAL MELAKA termasuk keluarga (ibu/bapakandung, suami/isteri) dan anak-anak berumur 21 tahun dan kebawah. Keutamaan juga di beri kepada anggota kerja Kolej Kejururawatan Melaka dan pelajar-pelajar dalam Latihan Pos Basik.Pegawai Latihan Siswazah dan kakitangan lantikan secara kontrak(hanya diri sendiri sahaja).

Klinik ini di buka mengikut waktu pejabat dari jam 7.30pagi hingga 5 petang.

WAKTU OPERASI
(Masa pegawai perubatan melihat pesakit)
HARI ISNIN - KHAMIS : 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari
: 2.30 petang hingga 4.30 petang
HARI JUMAAT : 8.30 pagi hingga 11.30 pagi
: 3.00 petang hingga 4.30 petang

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Timbalan Pengarah Perubatan Y/M Klinik Mesra UD54	1	-	-	100
Pegawai Perubatan UD54/ UD52	2	2	-	100
Ketua Jururawat U32 (KUP)	1	1	-	100
Jururawat Masyarakat U19	1	1	-	100
Pembantu Perawatan Kesihatan U14 (KUP)	1	1	-	100

4.0 BEBAN KERJA

i. Memberi perkhidmatan kepada pesakit luar dan rawatan susulan untuk pesakit kronik yang stabil


ii. Perkhidmatan Medical Surveillance:

-
- Pemeriksaan Kesihatan kakitangan 40 Tahun dan Keatas di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Pemeriksaan Kesihatan di Jabatan Farmasi yang bertugas dalam pengendalian ubat sitotoksik.
- Pemeriksaan Kesihatan di Jabatan Pengimejan dan Diagnostik yang terdedah pada pancaran radiasi
- Pemeriksaan Kesihatan semua kakitangan non klinikal diHospital Melaka.


iii. Memberi suntikan vaksin Hepatitis B dan Influenza kepada semua kakitangan dan menjalani ujian saringan darah HBs Anti-body. Ini adalah Hepatitis Screening di bawah program pengukuhan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4.1 PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR DAN RAWATAN SUSULAN UNTUK PESAKIT KRONIK YANG STABIL.

4.1.1 Jumlah Kedatangan Pesakit Klinik Mesra Tahun 2013-2018



4.1.2 Kehadiran Ke Klinik Mesra Tahun 2018 Mengikut Bulan



4.1.3 Bilangan pesakit yang di masukkan ke wad-wad dari Tahun 2015 hingga 2018

BIL	WAD	2015	2016	2017	2018
1	Ortopedik	1	6	8	14
2	Pediatrik	37	23	17	17
3	Perubatan	20	15	6	8
4	Pembedahan	5	3	1	3
5	Gynae	7	3	3	1
JUMLAH		**70**	**50**	**35**	**43**

4.1.4 Bilangan pesakit yang dirujuk ke Klinik Pakar dari Tahun 2013 hingga Tahun 2018


BIL	KLINIK PAKAR	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1	Perubatan	52	43	28	33	15	17
2	Pembedahan	71	72	51	57	41	44
3	Ortopedik	71	205	135	153	144	79
4	Obstetrik dan	63	43	60	35	43	26
5	Oftalmologi	117	193	133	101	139	116
6	Dermatologi	117	151	146	80	203	149
7	ORL	131	151	142	137	126	100
8	Pediatrik	10	24	13	4	11	9
9	Respiratori	7	9	13	8	3	3

10	Psikiatri dan Kesihatan	19	20	15	9	15	9
11	Bedah Mulut	150	205	179	119	146	154
12	Klinik Plastik	-	-	-	10	17	11
13	Jabatan Kecemasan	-	-	-	-	92	41
14	Klinik Payudara	-	-	-	-	17	12
15	Fisioterapi	-	-	-	-	21	53
16	Klinik Kesihatan	-	-	-	-	17	25
17	Lain-lain	-	-	-	-	-	7
JUMLAH		**821**	**1146**	**943**	**746**	**1050**	**855**

4.2 MEDICAL SURVEILLANCE BAGI SEMUA KAKITANGAN

JABATAN	PENDEDAHAN	2016	2017	2018
Semua Kakitangan	>40 tahun	531/833 (64%)	523/857 (61%)	553/880(63%)
Farmasi	Ubat Sitotoksik	8/8 (100%)	9/9 (100%)	12/12(100%)
Pengimejan & Diagnostik	Radiasi	10/10 (100%)	45/45 (100%)	29/29(100%)


4.2.1 Carta Saringan Kakitangan 40 tahun ke atas bagi Tahun 2013 hingga 2018



4.2.2. Stastistik Staf Mengikut Penyakit Kronik Tahun 2018


BIL	PENYAKIT KRONIK	TOTAL	PERATUS
1	Diabetes Melitus	42	4.8%
2	Hypertension	62	7.0%
3	IHD	8	0.9%
4	Dyslipidaemia	80	9.1%
5	Multiple Disease	43	4.9%
6	Obesiti	37	4.2%
7	Obesiti Berpenyakit	35	3.97%
8	Staf yang sihat	277	31.5.%
JUMLAH		**553**	**63%**

4.2.3. Statistik Staf Mengikut Penyakit Kronik Tahun 2016,2017 & 2018




4.2.4. Carta Kes Obesiti Di kalangan Kakitangan Yang Di saring 2016, 2017 & 2018

TAHUN / KES	2016	2017	2018
OBESE	27 (5%)	40 (8%)	37 (7%)
NON-OBESE	504	483	516
JUMLAH	**531**	**523**	**553**




4.2.5 Jumlah saringan kakitangan yang Terdedah pada Ubat Sitotoksik

TAHUN / KES	2016	2017	2018
WAJIB DISARING	8 (100%)	9 (100%)	12 (100%)
DISARING	8	9	12



4.2.6. Carta Jumlah Saringan Kakitangan yang Terdedah pada Sinaran Radiasi

TAHUN / KES	2016	2017	2018
DISARING	10 (100%)	45 (100%)	29 (100%)
WAJIB DISARING	10	45	29



4.3 Memberikan Suntikan Vaksin Hepatitis B dan suntikan Influenza kepada semua warga kerja Hospital Melaka

Pemberian suntikan vaksin Hepatitis B dan suntikan vaksin Influenza dengan kerjasama Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Suntikan ini di beri kepada semua kakitangan yang melapor diri ke Hospital Melaka. Anggota yang baru wajib melakukan saringan kesihatan.,sebelum melapor diri kejabatan masing-masing. PemberianVaksin Influenza diberikan kepada semua staf Hospital Melaka yang terlibat (fronline). Statistik Pemberian Suntikan Vaksin Hepatitis B dan Suntikan Influenza dari tahun 2015 hingga tahun 2018. Pemberian suntikan ini di jalankan di Klinik Mesra di bawah seliaan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Pemberian vaksin typhoid diberi kepada staf unit sajian setiap 3 tahun sekali. Pemberian ini juga diberi kepada staf Unit Sajian Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah.Pemberian vaksin Pneumococal akan diberi kepada staf yang akan menyertai rombongan Perubatan Haji.

4.3.1 Jumlah staf yang menerima suntikan vaksin tahun 2015 hingga 2018

BIL	SUNTIKAN VAKSIN	TAHUN DAN JUMLAH			
		2015	2016	2017	2018
1.	Inj. Hepatitis B	211	611	375	578
2.	Inj Influenza	141	74	38	24
3.	Inj Thyphoid	-	-	35	227
4.	Inj Pneumococal	16	16	9	-

5.0 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

- Sambutan Hari Lahir bagi setiap staf dilakukan setiap tahun.
- Bacaan Yassin dan tahlil untuk menyambut bulan Ramadhan dengan kerjasama Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Program gotong royong membersihkan klinik dan Menjalankan Program EKSA
- Program Bubur Lambuk Perdana Hospital Melaka.
- Program Sambutan Aidilfitri Perdana Hospital Melaka.

6.0 PENCAPAIAN

- Sijil Penghargaan kerana mengekalkan keputusan A dalam pemeriksaan wad / klinik sepanjang tahun 2018 daripada Jabatan Farmasi dan Bekalan Wad.
- Pemeriksaan kesihatan bagi staf yang berumur 40 tahun dan keatas telah mencapai 63%.
- Pemeriksaan Medical Surveillance bagi Pegawai Radiasi telah mencapai 100%.
- Pemeriksaan Medical Surveillance bagi staf Farmasi yang menjalankan penyediaan sitotoksik telah mencapai 100%.
- Bilangan kedatangan Rawatan Pesakit Luar telah mencapai bilangan pesakit seramai 7971 orang dalam 2018.

JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN (JKSP)

1.0 PENGENALAN

Praktis kerja sosial perubatan merupakan aplikasi kerja sosial melalui pelbagai kaedah untuk menangani ketidakfungsian, ketidakupayaan dan kecacatan psikososial termasuk gangguan emosi dan mental. Praktis kerja sosial perubatan diasaskan kepada pengetahuan tentang teori perkembangan manusia dalam konteks psikososial. Bidang kerja sosial perubatan wujud sebagai satu perkhidmatan untuk membantu pesakit mencapai tahap kesihatan yang lebih baik dengan menguruskan fungsi psikososial individu, keluarga dan komuniti.

Perkhidmatan kerja sosial perubatan mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1952, di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Pulau Pinang, Hospital Queen Elizebeth, Sabah dan Hospital Umum Sarawak. Di Hospital Melaka, perkhidmatan ini telah bermula sejak tahun 1954 iaitu semasa era Inggeris dengan dikenali sebagai *Lady Almoner*. Perkhidmatan yang disediakan ketika itu adalah memberi bantuan dari segi kewangan dan sokongan sosial. Perkhidmatan ini telah berkembang di awal tahun 1990-an dengan penempatan pegawai-pegawai di semua hospital negeri seluruh Malaysia.

2.0 FUNGSI JABATAN / SKOP PERKHIDMATAN

Secara amnya, perkhidmatan kerja sosial perubatan menangani pelbagai isu biopsikososial dan sosioekonomi yang melibatkan pendekatan multi-disiplin dalam mencapai objektif '*total patient care*'. Perkhidmatan yang disediakan di hospital-hospital adalah untuk memberi perkhidmatan psikososial kepada pesakit semasa proses rawatan dan pemulihan. Ia turut membantu memulihkan kefungsian sosial agar pesakit menjadi lebih produktif, berdikari dan kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.

Sejajar dengan peningkatan gejala sosial di seluruh negara, perkhidmatan kerja sosial perubatan telah diperluaskan ke peringkat kesihatan primer iaitu di klinik-klinik kesihatan pada tahun 2010. Perkhidmatan ini meliputi aspek pencegahan, rawatan, pemulihan dan juga promosi.

Profesional yang bertugas di dalam perkhidmatan ini dikenali sebagai Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP) dalam kategori *Allied Health Professional (AHP)* Kementerian Kesihatan Malaysia. PKSP membantu menyelesaikan masalah biopsikososial pesakit yang dirujuk oleh pakar dan pegawai-pegawai perubatan dari semua jabatan klinikal yang ada di hospital.

Perkhidmatan utama yang diberikan oleh PKSP ialah bantuan terapi sokongan dan bantuan praktik. Bantuan terapi sokongan adalah melibatkan kes-kes yang memerlukan kaunseling, intervensi krisis dan khidmat rundingan. Antara kes-kes yang memerlukan sokongan terapi adalah pesakit yang menghidap penyakit kronik, kes ibu tanpa nikah, rogol, penderaan kanak-kanak/dewasa dan sebagainya.

Bantuan praktikal pula melibatkan intervensi terhadap kes-kes yang memerlukan penilaian biopsikososial, bantuan untuk membiayai kos pembelian peralatan perubatan, ubat-ubatan dan

rawatan, penempatan institusi, perancangan discaj dan sebagainya dengan membuat jaringan kerjasama di antara organisasi kerajaan dan bukan kerajaan.

3.0 PERJAWATAN / SUMBER MANUSIA

JKSP Hospital Melaka beroperasi dengan lapan (8) orang personel iaitu:


PKSP Gred S52	: 1 (selaku Ketua Jabatan)
PKSP Gred S48	: 1
PKSP Gred S44	: 1
PKSP Gred S41	: 2
Pen. Pegawai Hal Ehwal Agama Islam Gred S32	: 1
Pembantu Tadbir Gred N22 (KUP)	: 1
Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U12	: 1

4.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2018

4.1 Aktiviti Kualiti

a. Objektif Kualiti


Objektif Kualiti bagi JKSP ialah 90% pesakit dalam dilayan dalam masa dua hari bekerja. Pada tahun 2018, JKSP mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 98.86% sepanjang satu tahun tempoh penilaian.



Pencapaian Objektif Kualiti (2016 - 2018)

***b. Key Performance Indicators* (KPI)**

Key Performance Indicators (KPI) bagi JKSP ialah 80% kes yang dirujuk diambil tindak balas dalam tempoh tiga hari bekerja. Pada tahun 2018, JKSP mencapai sasaran iaitu sebanyak 97.83% kes yang dirujuk diambil tindak balas dalam tempoh tersebut sepanjang satu tahun tempoh penilaian.



Pencapaian KPI (2016-2018)

5.0 AKTIVITI JABATAN

5.1 Kajian Kepuasan Pelanggan

Pada tahun 2018, sebanyak satu kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan. Berdasarkan kajian yang dijalankan, mendapati secara purata para pelanggan merasa sangat berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan ini. Ini terbukti apabila 100% responden berpuas hati dari segi layanan kakitangan dan perkhidmatan yang diberikan dalam kajian tersebut.

5.2 Majlis Bacaan Yasin JKSP

Setiap hari Khamis JKSP telah mengadakan majlis bacaan yasin di Jabatan di ketuai oleh Ustaz Adi Fahmy Abu Bakar (Penolong Pegawai Hal Ehwal Agama Islam Gred S32)

5.3 Majlis Sambutan Harijadi Kakitangan JKSP

Sambutan majlis harijadi kakitangan JKSP telah diadakan mengikut bulan kelahiran masing-masing. Tujuan sambutan ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silatulrahim dikalangan kakitangan JKSP. Jamuan ringkas telah di adakan untuk meraikan kakitangan yang terlibat

5.4 Majlis Apresiasi 2017

Majlis makan malam ini diadakan pada 26 Januari 2018 di Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh. Ianya bertujuan menghargai jasa sukarelawan, NGO dan kakitangan Hospital Melaka yang telah bekerjasama dengan JKSP Hospital Melaka sepanjang tahun 2017 dalam membantu pesakit bagi meningkatkan kefungsian hidup. Majlis ini juga meraikan kejayaan serta diadakan majlis perpisahan bagi dua (2) orang PKSP yang dinaikkan pangkat iaitu Encik Suhaizam bin Sukor dan Encik Saridan bin Abd Jalil.

5.5 Gotong-royong Sempena Program Keceriaan Lanskap Hospital Melaka

Pihak pengurusan Hospital Melaka telah mengadakan program keceriaan lanskap bagi mewujudkan persekitaran hospital yang ceria dan mesra pengguna. Bagi mencapai objektif program tersebut, JKSP telah mengadakan satu gotong-royong bagi menceriakan lanskap taman di hadapan JKSP pada 26 April 2018. Pokok-pokok hiasan yang lama telah digantikan dengan pokok-pokok baru yang lebih ceria.

5.6 Majlis Berbuka Puasa JKSP

Pada 15 Mei 2018, satu majlis berbuka puasa JKSP telah diadakan dengan jayanya di Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, Melaka. Semua kakitangan JKSP telah sama-sama terlibat dalam menjayakan majlis ini.

5.7 Program Bubur Lambuk Perdana Hospital Melaka

JKSP telah bersama-sama menjayakan program bubur lambuk perdana Hospital Melaka. Semua staff JKSP menyumbang (wang & tenaga) bagi menjayakan program ini. Bubur lambuk yang telah siap diedarkan kepada kakitangan dan pesakit Hospital Melaka.

5.8 Majlis Penyerahan Bantuan Sempena Aidilfitri

Majlis penyerahan bantuan kepada pesakit kurang berkemampuan sempena sambutan Aildifitri telah diadakan pada 8 Jun 2018 bertempat di Lobi Utama, Hospital Melaka. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Hatijah binti Hj Mohd Tan. Seramai 30 orang pesakit kurang berkemampuan telah menerima sumbangan pada majlis tersebut. Tujuan utama majlis ini diadakan untuk meraikan serta memberi sumbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik yang terdiri daripada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di Hospital Melaka.

5.9 Pertandingan Keceriaan Aidilfitri Peringkat Hospital Melaka 2018

Pertandingan keceriaan Aidilfitri peringkat Hospital Melaka tahun 2018 telah diadakan sepanjang ramadhan dan Syawal 2018. JKSP telah menyertai pertandingan tersebut seperti tahun-tahun sebelum ini.

5.10 Pertandingan Keceriaan Kemerdekaan Peringkat Hospital Melaka 2018

Pertandingan Keceriaan Sempena Bulan Kemerdekaan Peringkat Hospital Melaka 2018 telah diadakan sepanjang bulan Ogos dan September 2018. JKSP telah menyertai pertandingan tersebut seperti tahun-tahun sebelum ini dan telah berjaya mendapat hadiah saguhati.


5.11 Majlis Perpisahan Puan Nurasmah binti Arbai (Pembantu Operasi)

Majlis ini diadakan pada 5 September 2018 bagi menghargai jasa Puan Nurasmah binti Arbai (Pembantu Operasi) selama setahun berkhidmat di JKSP. Puan Nurasmah telah diarahkan bertugas semula di Unit Pentadbiran Hospital Melaka.

5.12 Program "Back To School"

Program ini telah diadakan pada 20 Disember 2018 bertempat di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka. Seramai 30 orang pesakit kanak-kanak dan anak-anak pesakit yang kurang berkemampuan telah menerima sumbangan kelengkapan sekolah berupa beg, alat tulis dan wang tunai. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Hatijah binti Hj Mohd Tan.

6.0 PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2018




STATISTIK JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN, HOSPITAL MELAKA
TAHUN 2018

Daripada rujukan kes yang diterima, ia telah dibahagikan kepada 16 kategori jenis kes mengikut garis panduan perkhidmatan kerja sosial perubatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian

Kesihatan Malaysia. Kategori yang paling banyak adalah bantuan peralatan iaitu sebanyak 888 kes diikuti dengan bantuan rawatan perubatan sebanyak 461 kes, kes ibu tanpa nikah sebanyak sebanyak 402 kes , bantuan kewangan sebanyak 251 kes dan kategori penyakit kronik adalah sebanyak 220 kes.

STATISTIK INTERVENSI JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN, HOSPITAL MELAKA TAHUN 2018-2016


BIL	INTERVENSI	2018	2017	2016	JUMLAH
1	TEMUBUAL	6,276	6,463	5,526	18,265
2	PERBINCANGAN	4,184	4,758	4,125	13,067
3	SURAT & RUJUKAN	2,720	2,765	2,360	7,845
4	LAPORAN SOSIAL	3,138	3,371	3,102	9,611
5	KAUNSELING	1,470	1,864	1,524	4,858
	JUMLAH	17,788	19,221	16,637	53,646



Berdasarkan carta perbandingan menunjukkan intervensi yang dilakukan terhadap jumlah kes yang dirujuk setiap tahun.

STATISTIK PESAKIT DALAM DAN PESAKIT LUAR TAHUN 2018-2016

BIL		2018	2017	2016	JUMLAH
1	PESAKIT DALAM	1,327	1,760	1,891	4,978
2	PESAKIT LUAR	765	919	872	2,556
	JUMLAH	2,092	2,679	2,763	7,534



Carta perbandingan di atas menunjukkan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan. Berdasarkan kepada jumlah kes yang dirujuk sepanjang tempoh tiga tahun tersebut.

SUMBER BANTUAN KEWANGAN KEPADA PESAKIT- PESAKIT YANG DI RUJUK KE JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN TAHUN 2018-2016

BIL	NAMA AGENSI PEMBERI BANTUAN	BIL PESAKIT			NILAI BANTUAN KEWANGAN PEMBELIAN PERALATAN PERUBATAN DAN LAIN-LAIN (RM)		
	TAHUN	2018	2017	2016	2018	2017	2016
1	TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)	209	220	276	899,367.97	944,014.39	2,347,588.00
2	TABUNG KEBAJIKAN PERUBATAN MALAYSIA (TKPM)	298	321	488	62,033.71	68,587.23	126,902.77
3	MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA)	125	56	189	142,640.95	52,648.32	230,831.13
	JUMLAH	632	597	953	1,104,042.63	1,065,249.94	2,705,321.90

Jadual menunjukkan perbandingan jumlah bantuan yang telah dihulurkan kepada pesakit dari tahun 2016 hingga ke 2018.

UNIT INOVASI

1.0 PENGENALAN

Unit Inovasi telah ditubuhkan pada 1 September 2002 dan ditempatkan di Tingkat 1, Blok Pentadbiran Hospital Melaka. Unit ini kini telahpun dipindahkan ke Tingkat 2, Blok B, bersebelahan dengan Unit Kewangan Hospital Melaka. Semenjak tahun 2007, unit ini semakin berkembang dengan pertambahan beberapa lagi skop perkhidmatan dimana unit ini telah dipertanggungjawabkan sebagai Urusetia Pemantau dan Penyelaras Aktiviti Kualiti Hospital Melaka. Unit Inovasi juga menjadi pusat rujukan bagi memberi maklumat berkaitan kualiti yang dijalankan kepada anggota hospital dari pihak luar. Unit ini telah ditukar kepada Unit Inovasi pada 14 April 2010 sebagaimana arahan pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Melaka melalui surat Bil (53) JKNM:PENG/3561 sk.2 Jld.6. Unit Inovasi telah berpindah pada 2 Januari 2013 ke pejabat baru di Tingkat 1, Blok Pentadbiran bersebelahan dengan Pejabat Penyelia Hospital.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Bertindak Sebagai urusetia untuk aktiviti - aktiviti berikut:

2.1 MS ISO 9001 : 2015
2.2 Akreditasi MSQH
2.3 Pemantauan pencapaian Hospital Performance Indicator for Accountability (HPIA) dan *Key Performance Indicator* setiap bulan
2.4 *Credentialing & Privileging Hospital*
2.5 Program Kepastian Kualiti (QAP)
2.6 Program Kluster Hospital bagi Negeri Melaka
2.7 *Patient Safety Goal*
2.8 Program *Lean Healthcare Initiative*
2.9 *Pain Free Hospital*
2.10 Promosi Imej Hospital
2.11 Penyediaan Whole Hospital Policy

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pentadbir/Klinikal,Pegawai Perubatan Gred UD 54	1	2	0	100%
Pegawai Perubatan UD56	1	1	0	100%
Pegawai Perubatan UD52	1	1	0	100%
Pegawai Perubatan UD44	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Perubatan U36	1	0	1	0%
Penyelia Jururawat U36	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir (P/O) N19	1	1	0	100%
Pembantu Operasi N11	1	1	0	100%
Jumlah	8	8	1	

4.0 AKTIVITI

4.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

4.1.1 *Hospital Performance Indicator for Accountability (HPIA) dan Key Performance Indicators (KPI)*

BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN
1	Menghantar data ke JKN	Pada 5 haribulan setiap bulan / 3 bulan / 6 bulan / setahun sekali
2	Mesyuarat	2 kali setahun
3	Audit HPIA/KPI oleh JKN	2 kali setahun
4	Audit HPIA oleh KKM	1 kali setahun mengikut keperluan dan zon

Jadual 8.10.1: *Hospital Performance Indicator* 2017

4.1.2 MS ISO 9001: 2015

BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN
1	Mesyuarat MS ISO :9001:2015	4 kali setahun
2	Pensijilan semula MS ISO 9001:2015	1 kali setahun
3	Audit Kualiti Dalaman	1 kali setahun
4	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan	2 kali setahun

Jadual 8.10.2: Aktiviti MS ISO 9001: 2015

4.1.3 Aktiviti Akreditasi

BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN
1	Akreditasi - Mesyuarat	4 kali setahun
2	Mock survey	I kali setahun
3	Surveillance Audit	1 kali setahun
4	Kursus Awareness Akreditasi Hospital Melaka	1 kali setahun

Jadual 8.10.3: Aktiviti Akreditasi Unit Inovasi

4.1.4 Aktiviti QAP

BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN
1	Program QAP - Mesyuarat / QAP selepas mesyuarat	4 kali setahun
2	Bengkel QAP	2 tahun sekali
3	Konvensyen QA peringkat hospital	2 tahun sekali
4	Konvensyen QA peringkat kementerian	1 tahun sekali

Jadual 8.10.4: Aktiviti QAP Unit Inovasi

4.1.5 Aktiviti Privileging

BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN
1	*Privileging* – Mesyuarat Induk	4 kali setahun
2	*Mesyuarat Privileging (Kejururawatan)*	2 kali setahun
3	*Pemberian sijil Privileging*	Mengikut keperluan
4	Membantu mengedarkan sijil Credentialing dari KKM	Mengikut keperluan
5	Membantu menerima dan menyelaras permohonan Credentialing dari kakitangan Hospital Melaka ke KKM	Mengikut keperluan

Jadual 8.10.5: Aktiviti Privileging Unit Inovasi

4.2 Aktiviti Unit

4.2.1 Aktiviti MS ISO 9001:2015

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat MS ISO 9001:2015	4kali
2	Pensijilan semula MS ISO 9001:2015	Disember 2018
3	Kursus Awareness MS ISO 9001:2015	20 Februari 2018
4	Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2015	16-20 Ogos 2018
5	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil. 2/2017 dan MKSP Bil. 1/2018	5 Mac 2018 28 Ogos 2018

Jadual 8.10.6: Aktiviti MS ISO 9001 : 2015 Unit Kualiti Tahun 2018

4.2.2 *Key Perfomance Indicator*

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Audit KPI oleh JKN Melaka	23-25 Ogos 2016
2	Mengadakan Pengauditan Semula KPI	26-27/9/2016
3	Audit KPI Pengarah Kesihatan Negeri oleh KKM	28/9/2016

Jadual 8.10.7: Aktiviti KPI Unit Inovasi Tahun 2018

4.2.3 Program Kepastian Kualiti (QAP)

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat JK QAP Bil 1/2018	4 Januari 2018
2	Mesyuarat JK QAP Bil 2/2018	26 Februari 2018
3	Mesyuarat JK QAP Bil 3/2018	15 Ogos 2018
4	Bengkel QAP	15- 16 Oktober 2018

Jadual 8.10.8: Program QAP Unit Kualiti Tahun 2018

4.2.4 Jawatankuasa Penasihat Perubatan

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat JK Penasihat Perubatan	3 kali - 23 April 2018 16 Ogos 2018 22 November 2018

Jadual 8.10.9: Aktiviti Jawatankuasa Penasihat Perubatan Tahun 2018

4.2.5 Jawatankuasa Steering Committee Akreditasi

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat JK Steering Committee Akreditasi Bil 1/2018	11 Jun 2018
2	Mesyuarat JK Steering Committee Akreditasi Bil 2/2018	21 November 2018

4.2.6 Program Cluster Hospital Melaka

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Cluster Management Committee Bil 1/2018	17 Januari 2018
2	Mesyuarat Cluster Management Committee Bil 2/2018	20 April 2018
3	Mesyuarat Cluster Management Committee Bil 3/2018	7 Ogos 2018
4	Bengkel 'Action Research'	5 April 2018
5	Bengkel Action Research	25 – 26 Jun 2018
6	Perbincangan Pojek 'How to overcome overshooting elective operating theatre time in lead cluster hospital Melaka'	3 Ogos 2018
7	Sesi pengumpulan data projek 'Penambahbaikan proses perpindahan pesakit di hospital cluster melaka'	30 – 31 Julai 2018
8	Sesi pengumpulan data projek 'Penambahbaikan proses perpindahan pesakit di hospital cluster melaka'	16 – 17 Ogos 2018
9	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kluster Bil 1/2018	25 Oktober 2018
10	Mesyuarat Cluster Management Committee Bil 4/2018	2 November 2018

4.2.7 JK Privileging Hospital Melaka

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat JK Privileging Bil 1/2018	11/4/2018 di Bilik Mesyuarat Mutiara
2	Mesyuarat JK Privileging Bil 2/2018	19/6/2018 di Bilik Mesyuarat Mutiara
3	Mesyuarat JK Privileging Bil 3/2018	3/12/2018 di Bilik Mesyuarat Mutiara
4	Membantu mengedarkan sijil Credentialing Intensive Care dari KKM kepada kakitangan di Jabatan Pediatrik dan Jabatan Obstetrik & Ginekologi	28 November 2018

4.2.8 JK Pain Free Hospital Melaka

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk Pain Free Hospital	13/7/2018 , 4/9/2018
2	Membantu dalam menjalankan sesi latihan Pain as 5th Vital Sign bagi pegawai perubatan	Setiap Jumaat ketiga setiap bulan sepanjang 2018

4.2.9 Aktiviti lain

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	JK Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK)	4 kali – mesyuarat 2 kali setahun – kursus KIK
2	Jawatankuasa EKSA bagi Zon Pentadbiran I Hospital Melaka	3 kali – mesyuarat 1 kali – audit dalaman 2 kali - Gotong –royong

8.10.10: Aktiviti –aktiviti Lain Unit Inovasi 2018

4.2.10 Program Kluster Hospital

a. Program Hospital Kluster adalah sebuah projek berimpak besar KKM. Ia bermaksud beberapa buah hospital yang berhampiran berkongsi sumber yang ada untuk mengurangkan kesesakan yang ada di '*Lead Hospital*'.

b. Pada masa ini, terdapat tiga hospital kluster di Malaysia iaitu Melaka, Pahang dan Sabah. Di Negeri Melaka, projek ini melibatkan Hospital Melaka, Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah di mana Hospital Melaka menjadi '*Lead Hospital*'.

c. Untuk Kluster Melaka, projek ini bertujuan mengurangkan BOR di Hospital Melaka dengan meningkatkan BOR di Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah. Ia juga bertujuan mengurangkan masa menunggu untuk pesakit menjalani prosedur '*Atriovenous Fistula*' di Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif dan prosedur-prosedur di Jabatan Ortopedik Hospital Melaka dengan meningkatkan jumlah prosedur-prosedur tersebut di Hospital Jasin dan Alor Gajah.

d. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini memberi impak yang berterusan, Hospital Kluster Melaka memberi laporan kepada KKM setiap 3 bulan sekali

5.0 PENCAPAIAN

5.1 Pensijilan MS ISO 9001:2015 dari SIRIM QAS untuk tempoh 8 Januari 2019 sehingga 7 Januari 2022.

6.0 PENERBITAN

6.1 Membantu dalam menerbitkan Profail Hospital dan penyediaan Hospital Questionaire bagi program Akreditasi Hospital.

6.2 Menyediakan Laporan Kualiti Tahunan dan Buletin Q.setiap dua tahun sekali.

UNIT REKOD PERUBATAN

1.0 PENDAHULUAN

Tanggungjawab utama Unit Rekod Perubatan adalah menguruskan rekod perubatan pesakit dalam keadaan selamat dan rahsia maklumat pesakit terkawal mengikut prosedur yang ditetapkan. Juga bertanggungjawab menyediakan statistik penting peringkat Hospital Melaka.

Unit Rekod Perubatan adalah di bawah Direktorat Sokongan Klinikal dan Bukan Klinikal dan di bawah tanggungjawab Timbalan Pengarah Perubatan II.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan rekod perubatan, pengurusan laporan perubatan, pengurusan statistik, pengurusan kes perundangan (medico-legal) dan menerima permohonan untuk membuat carian pengesahan kelahiran di Hospital Melaka bagi pendaftaran kelahiran lewat.

3.0 PERJAWATAN/ SUMBER MANUSIA

Kedudukan perjawatan di Unit Rekod Perubatan dalam tahun 2017 adalah seperti dalam jadual di bawah:

BIL	JAWATAN	GRED	BIL JAWATAN	ISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
1	Pegawai Tadbir(Rekod Perubatan)	N44/41	1	1	0	100%
2	Pen Peg (Rekod Perubatan)	N32	2	2	0	100%
3	Pen Peg (Rekod Perubatan)	N27	7	7	0	100%%
4	Pembantu Tadbir Kanan	N22	2	2	0	100%
5	Pembantu Tadbir	N19	23	22	1	95.6%
6	Pembantu Perawatan Kesihatan*	U11	6	2	4	33.3%
7	Pembantu Operasi	N11	6	6	0	100%
8	Pembantu Awam	H11	1	0	1	0%
	JUMLAH		48	42	6	87.5%

*** Akan datang jawatan PPK akan digantikan dengan jawatan N11**

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Pengurusan statistik.

Beban kerja utama Unit Rekod Perubatan dalam pengurusan statistik adalah pengkodan jenis penyakit dan prosidur berdasarkan ICD10 dan ICD9cm dan kemasukan data klinikal dari PD301 ke dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) dan juga Sistem Casemix. Unit Rekod Perubatan akan menjana data statistik tersebut untuk pelaporan bulanan dan juga tahunan.

Jadual di bawah menunjukan beban tugas URP dalam pengkodan dan kemasukan data dalam SMRP dan Sistem Casemix:

PERKARA	2014	2015	2016	2017	2018
Jumlah discaj pesakit dalam	76,657	77,470	79,724	77,529	76,722
Jumlah kod yang perlu diberi (Purata 5 kod/pesakit	383,285	387,350	398,620	387,645	383,610
Jumlah kemasukan data klinikal	383,285	387,350	398,620	387.645	383,610

Selain membuat pengkodan dan kemasukan data, Unit ini juga bertanggungjawab untuk membuat auditan kesempurnaan dokumentasi dan juga ketepatan kod dengan sampel 2% daripada jumlah discaj. Audit ini dilakukan dua kali setahun bagi memenuhi KPI yang ditetapkan oleh pihak Kementerian. Oleh kerana kekurangan tenaga kerja untuk kemasukan data dalam sistem, seramai 12 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) diambil untuk membantu.

Mulai tahun 2018, Unit ini juga dipertanggungjawab untuk menyelia kemasukan data bagi kes Pesakit Luar dan Rawatan Harian.

4.2 Pengurusan rekod perubatan

Unit Rekod bertanggungjawab menguruskan rekod perubatan bagi simpanan, pinjaman dan juga permohonan laporan perubatan. Faktor yang penting dijaga adalah keselamatan rekod dan kerahsiaan rekod pesakit.

Sistem IT banyak membantu dalam menyelia pergerakan rekod iaitu Sistem Pengurusan Rekod Perubatan (SPRP) dan juga Sistem Pengurusan Laporan Perubatan (SPLP). Setiap tahun jumlah rekod perubatan untuk diselia akan bertambah seperti mana ditunjukkan oleh jadual di bawah:

PERKARA	2014	2015	2016	2017	2018
Jumlah rekod perubatan pesakit yang diselenggara	148,165	140,009	150,580	141,016	149,109
Jumlah pinjaman rekod perubatan	89,387	88,077	99,983	78,828	92,193
Jumlah permohonan laporan Perubatan	11,164	11,257	11,123	12,994	11,891

Unit Rekod Perubatan juga bertanggungjawab untuk membuat pelupusan rekod yang tidak aktif mengikut Jadual Pelupusan Rekod Perubatan 2016. Dalam tahun 2018, rekod yang tidak aktif iaitu rekod tahun 2009 telah dilupuskan sebanyak.

4.3 Medico legal

Unit Rekod menjadi urusetia bagi mengendalikan kes-kes medico legal. Aktiviti medico legal adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	2014	2015	2016	2017	2018
Mesyuarat Jawatankuasa Siasatn Bebas	6	1	7	4	4
Mesyuarat Ex gratia	5	3	4	1	3
Mesyuarat tuntutan pampasan (Lampiran A)	1	0	0	0	0
Pemeriksaan/Lawatan Ex gratia	0	0	1	2	1
Mesyuarat bersama Jabatan Peguam Negara	3	0	5	3	1
Mesyuarat Audit Klinikal	1	1	1	1	0

5.0 AKTIVITI PENINGKATAN KUALITI

Aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kualiti kerja telah dapat dijalankan di Unit ini adalah seperti berikut:

5.1 Kajian Kepuasan Pelanggan

Dalam tahun 2017, kajian kepuasan pelanggan dibuat terhadap pelanggan luaran dan pelanggan dalaman.

i. Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran.

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kualiti perkhidmatan kaunter yang telah diberi kepada pelanggan luaran yang datang berurusan di Unit Rekod Perubatan. Kajian bermula pada 2 Mei 2018 sehingga melibatkan 50 responden. Hasil daripada kajian adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	TIDAK MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	MEMUASKAN	BAIK	SANGAT BAIK
Mesra Pelanggan	0%	0%	5%	43%	52%
Komunikasi	0%	1%	2%	45%	52%
Maklumat Jelas	0%	0%	5%	37%	58%
Sedia Membantu	0%	0%	1%	49%	50%
Menghormati Pelanggan	0%	0%	3%	43%	54%
Mudah dihubungi melalui telefon	0%	0%	4%	46%	50%

Kesimpulannya lebih 96% sikap pegawai di kaunter adalah baik.

ii. Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan dalaman di kaunter penerimaan BHT.

Kajian bermula pada 2 Mei 2017 yang melibatkan 50 responden. Hasil daripada kajian adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	TIDAK MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	MEMUASKAN	BAIK	SANGAT BAIK
Mesra Pelanggan	0%	0%	12%	46%	40%
Komunikasi	0%	0%	12%	54%	34%
Maklumat Jelas	0%	0%	10%	64%	26%
Sedia Membantu	0%	0%	8%	62%	30%

Secara keseluruhannya, lebih 88% perkhidmatan kaunter yang diberi kepada pelanggan dalaman adalah baik.

PERKARA	TIDAK MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	MEMUASKAN	BAIK	SANGAT BAIK
Menghormati Pelanggan	0%	0%	10%	64%	26%
Mudah dihubungi melalui telefon	0%	0%	12%	64%	24%

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Pencapaian NIA/KPI

Pencapaian NIA/KPI 2018 adalah seperti jadual di bawah:

NIA/KPI	STANDARD	2014	2015	2016	2017	2018
Percentage of Medical reports prepared within the stipulated Period (HPIA)	**>90%**	**92.14%**	**93.74%**	**91.75%**	**94.51%**	**92.96%**
Percentage of medical records that were dispatched within 72 working hours of discharge	**>95%**	**97.02%**	**94.91%**	**93.42%**	**95.33%**	**94.39%**
Percentage of completed requests for medical reports that were sent to the doctors within the stipulated period - state & Specialist Hospital < 10 days, Other Hospitals < 5 days	**>80%**	**96.58%**	**97.46%**	**98.82%**	**98.01%**	**97.71%**

Percentage of medical records for specialist clinic appointment that were traced within 3 working days.	**>95%**	**99.94%**	**98.27%**	**98.66%**	**99.13%**	**98.89%**

6.2 Audit Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal dan Ketepatan Penetapan Kod ICD10.

Audit Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal dan Ketepatan Penetapan Kod ICD10 di Hospital Melaka seperti jadual di bawah:

BIL	KETEPATAN DIAGNOSIS UTAMA		KESEMPURNAAN LAIN-LAIN DIAGNOSIS	
	DOKUMENTASI	KODING	DOKUMENTASI	KODING
1	82.5%	97.4%	46.6%	95.1%

KPI ketepatan dokumentasi adalah 70% manakala KPI pengkodan pula adalah 80%. Oleh itu Hospital Melaka mencapai KPI yang ditetapkan.

7.0 ISU DAN CABARAN

7.1 Masalah utama di URP adalah tempat simpanan rekod yang tidak mencukupi dengan pertambahan rekod pada setiap tahun. Tempat simpanan rekod adalah penting untuk mengurus rekod perubatan pesakit (RPP) agar keselamatan dan kerahsiaannya terjamin.

7.2 Perkembangan perkhidmatan perawatan memerlukan pengurusan rekod perubatan pesakit yang lebih effektif. Oleh itu Rekod Perubatan Pesakit sekarang ini yang masih manual perlu ke arah elektronik. Sistem Pengrusan Perubatan (SPP) yang telah dipraktikkan di negeri lain, maka ianya adalah perlu dipraktikkan di Hospital Melaka juga.

UNIT PENDIDIKAN PESAKIT

1.0 PENGENALAN

Unit Pendidikan Pesakit merupakan satu unit yang memberi perkhidmatan Promosi kesihatan yang berfokus kepada perubahan tingkah laku kesihatan yang positif. Unit ini bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan bantuan, sokongan dan penggalakkan bagi program dan aktiviti pendidikan kesihatan di hospital. Ia bertujuan untuk meningkatkan kualiti kesihatan pesakit, keluarga dan masyarakat melalui penggemblengan sumber dan kaedah pendidikan kesihatan yang bersesuaian agar kumpulan sasar memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam mengawal penyakit.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Secara keseluruhan, skop perkhidmatan Unit Pendidikan Pesakit adalah seperti berikut:

2.1 Melaksanakan Program Pendidikan Pesakit bagi pesakit darah tinggi dan diabetis bagi pesakit di wad serta dalam kalangan ibu mengandung
2.2 Melaksanakan Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok
2.3 Melaksanakan aktiviti Kempen Cara Hidup Sihat
2.4 Melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan promosi kesihatan
2.5 Menjalankan aktiviti pameran kesihatan
2.6 Menyediakan sumber pendidikan kesihatan
2.7 Menerbit dan mencetak bahan-bahan pendidikan kesihatan

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Pendidikan Kesihatan S48	1	1	0	100%
Pegawai Pendidikan Kesihatan S41	1	1	0	100%
Pereka Gred B19	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir N19	1	1	0	100%
Pembantu Awam	1	0	1	**0%**
JUMLAH	**5**	**4**	**1**	**80%**

4.0 AKTIVITI JABATAN

4.1 Program Pendidikan Pesakit

Melaksanakan aktiviti kelas pendidikan pesakit.

KELAS	BILANGAN KELAS	BILANGAN PESAKIT & WARIS
Kelas Pendidikan Diabetes	16 kali	84
Kelas Pendidikan Hipertensi	16 kali	88

Kelas Diabetes Dalam Kalangan Ibu Mengandung	41 kali	259
Jumlah	**73 kali**	**431**

Jadual 8.12.1: Aktiviti Kelas Pendidikan Pesakit Tahun 2018

4.2 Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok

Berikut adalah pencapaian Klinik Berhenti Merokok bagi tahun 2018:

BILANGAN	JUMLAH PEROKOK (Januari – Jun)	JUMLAH PEROKOK (Julai- Disember)
Bilangan klien baru	227	205
Bilangan klien susulan	32	42
Bilangan klien yang menetapkan *quit date*	7	4
Bilangan klien berhenti merokok ≥ 6 bulan dari tarikh *quit date*	5	4
Kadar berjaya berhenti merokok	71.4%	100%

Jadual 8.12.2: Bilangan Klien Klinik Berhenti Merokok Tahun 2018

KPI yang ditetapkan ialah 30% berjaya berhenti merokok dalam tempoh ≥ 6 bulan dari tarikh *quit date*. Pencapaian menunjukkan pada Januari-Disember KPI tercapai.

4.3 Kempen Gaya Hidup Sihat

Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

4.3.1 Taklimat BookDoc

- Telah diadakan pada 18 April 2018 di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka sempena perhimpunan bulanan
- Diadakan pada 3 Mei 2018 melibatkan semua wad
- Taklimat diadakan pada 3 Ogos 2018 sebanyak 2 sesi meliputi semua jabatan/unit

4.4 Sambutan Hari-Hari Khas Kesihatan

4.4.1 Sambutan Hari Kanser Sedunia

Sambutan telah dilaksanakan pada 10 Mac 2018 di Politeknik Merlimau Melaka melibatkan pelajar, guru dan orang awam. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah kaunseling berhenti merokok, pemakanan dan pengurusan stres serta pameran kesihatan. Seramai 200 peserta telah mengikuti program yang dianjurkan.

4.4.2 Sambutan Hari Tibi Sedunia

Pada 23 Mac 2018 telah dianjurkan sambutan Hari Tibi Sedunia. Selain majlis perasmian, pameran kesihatan dan sumbangan wang kepada pesakit tibi juga telah disampaikan oleh pihak Malaysian Association for the Prevention of Tuberculosis (MAPTB). Seramai 80 orang telah hadir di majlis tersebut.

4.4.3 Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia

Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia peringkat Hospital Melaka telah diadakan pada 12 April 2018 di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah perasmian, ceramah, *booth* pameran, kuiz, pemeriksaan dan pameran kesihatan. Seramai 200 peserta telah menghadiri kempen tersebut.

4.4.4 Sambutan Hari Kesihatan Sedunia

Telah dilaksanakan pada 7 April 2018 di Stadium Tun Fatimah, Melaka. Kumpulan sasar kempen adalah staf dan ahli keluarga. Antara pengisian aktiviti ialah senamrobik, berjalan kaki 10,000 langkah dan cabutan bertuah. Seramai 100 peserta telah menyertai sambutan ini.

4.4.5 Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia dan Nafas Baru Bermula Ramadan

Sambutan telah diadakan pada 31 Mei 2018 di Auditorium Sri Baiduri Hospital Melaka. Antara pengisian aktiviti ialah majlis perasmian dan forum awam. Panel forum terdiri dari Mufti Negeri Melaka, Pakar Perubatan dan bekas perokok. Seramai 100 peserta hadir menjayakan bengkel ini.

4.4.6 Sambutan Hari Talasemia dan Immunisasi

Kedua-dua sambutan tersebut dilaksanakan pada 10 Julai 2018 dengan mengadakan aktiviti seperti *booth* pameran dan kaunseling di Lobi Utama Hospital Melaka. Seramai 150 orang awam dan staf menyertai program ini.

4.4.7 Minggu Kesedaran Pendermaan Organ

Sambutan telah didadakan pada 10 Oktober 2018 dengan pengisian aktiviti seperti *booth* pameran, pemeriksaan kesihatan dan ikrar derma organ di Lobi Utama Hospital Melaka. Program ini dijalankan bersama pasukan Top Team Hospital Melaka.

4.4.8 Sambutan Hari Jantung Sedunia

Pada 11 Oktober 2018 telah diadakan sambutan Hari Jantung Sedunia peringkat hospital di Gunung Tampin, Negeri Sembilan. Seramai 90 staf telah menyertai aktiviti ini. Pengisian aktiviti ialah majlis perasmian dan mendaki *(hiking).*

4.5 Program Pengawalan Obesiti

Program ini dikenali sebagai Trim & Fit telah dihadiri oleh seramai 40 peserta yang terdiri daripada staf Hospital Melaka. Peserta diminta menghadiri aktiviti minor iaitu sesi mendaki di Bukit Beruang dan senaman akuatik (*aquatics exercise)* pada setiap minggu. Selain dari itu aktiviti major juga diadakan seperti rempuhan berhalangan, *healthy shopping,* eksplorasi Gua Batu Maloi*,* ekspedisi Tanjung Tuan dan pendakian Gunung Tampin juga dilaksanakan*. Opening* dan *Screening* program ini telah diadakan pada 28 Jun 2018 di Pusat Latihan Khidmat Negara dan majlis penutup pula dilaksanakan pada 22 November 2018 di Hotel Orkid, Melaka.

4.6 Pameran Kesihatan

4.6.1 Pameran Kesihatan Dalaman

(i) Pameran dalaman yang diadakan telah ditukar dalam bentuk alkalik.
(ii) Kawasan pameran poster yang telah dinaik taraf ialah di Lobi Utama, laluan Unit Hasil, laluan Bilik 33, Wad Aras 1, luar Jabatan Dietetik & Sajian serta hadapan Klinik Berhenti Merokok.
(iii) *Booth* derma organ diadakan setiap bulan sempena Perhimpunan Bulanan Peringkat Hospital Melaka.

4.6.2 Pameran Kesihatan Luaran

4.6.2.1 Pameran merokok:

- Pameran diadakan di Politeknik Merlimau, Melaka pada 10 Mac 2018
- Pameran di Hatten Place Melaka pada 12 Julai 2018
- Pameran di Bahagian Teknologi Maklumat pada 3 Oktober 2018

4.6.2.2 Pemeran Pendermaan Organ

- Pameran di Mahkota Medical Centre, Melaka pada 5 April 2018
- Pameran di Majlis Melaka Bandaraya Bersejarah pada 12 April 2018
- Pameran di Breakthrough Church pada 6 Mei 2018
- Pameran di Hainan Jonker Walk pada 27 Mei 2018
- Loji Penapisan Petronas pada 23 Julai 2018
- Pameran oleh Lion Club pada 12 Ogos 2018

- Pameran di Melaka Multimedia University (MMU) pada 5 dan 6 September 2018

4.7 Penghasilan Media Pendidikan

Bahan-bahan pendidikan yang dihasilkan ialah:

JENIS BAHAN PENDIDIKAN	TAJUK
Risalah	- Hak Pesakit dan Keluarga - Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok Hospital Melaka - Virus Ebola - Buku kecil: Panduan Berhenti Merokok
Poster	- *Patient's Safety Goal* - *Pain Free* - Laktasi - Polisi Penyusuan Susu Ibu - *Baby Friendly* - Hospital Kluster - *Code Blue* - Hospital Mesra Ibadah - Awas HFMD - HFMD Langkah-langkah Pencegahan - HFMD Nasihat kepada Penjaga/Ibubapa - Polisi Penyusuan
Bunting	- Hari Jururawat - Antibiotic Awareness - Konferens Cleft Lips - Sambutan Hari Jantung Sedunia - Sambutan Bayi Merdeka - Program Berkhatan
Banner	- Sambutan Hari Tanpa Tembakau - Sambutan Hari Kesihatan Sedunia - Mers CoV - Virus Ebola
Buletin	- Buletin Geqau Januari - Jun - Buletin Geqau Julai - Disember

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

5.1.1 Melaksanakan MS ISO 9001: 2008

5.1.2 Melaksanakan EKSA

5.2 Aktiviti Jabatan

5.2.1 Mengadakan latihan dan kursus untuk anggota Hospital Melaka sebanyak 3 kali iaitu:

5.2.1.1 Program Jom Ikrar Siri 1 telah dilaksanakan pada 4 April 2018 di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka seramai 100 peserta hadir.

5.2.1.2 Program Jom Ikrar Siri 2 telah diadakan pada 10 Oktober 2018 di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka dihadiri seramai 100 peserta.

5.2.1.3 Kursus Grief Response And Organ Donation Awareness (GRODA) telah diadakan di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka pada 23 Januari 2018 dan 24 Julai 2018 dengan dihadiri seramai 70 peserta.

5.2.2 Menganjurkan ceramah/taklimat untuk anggota hospital:

5.2.2.1 Talimat bertajuk Pendermaan Organ telah diadakan di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka sebanyak 12 kali sempena perhimpun bulanan bersama Jawatankuasa Top Team Hospital Melaka.

5.2.2.2 Ceramah Diet Puasa dan Senaman Semasa Ramadan telah diadakan di Bilik Ibnu Sina pada 21 Mei 2018 dan dihadiri seramai 30 peserta

5.3 Lain-lain Penglibatan

5.3.1 Terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa *Top Team* Hospital Melaka
5.3.2 Terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa MS ISO 9001: 2008
5.3.3 Terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
5.3.4 Terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Pain Free Hospital Melaka
5.3.5 Terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Larangan Merokok
5.3.6 Terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Sustainability Program – Energy Management Committee (EMC)
5.3.7 Terlibat sebagai Penolong Ketua Editor bagi Penerbitan Buletin Hospital Melaka
5.3.8 Terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Penerbitan Laporan Pengurusan Hospital Melaka
5.3.9 Terlibat sebagai Ketua Unit Promosi bagi Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Hospital Melaka.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 *Key Performance Indicator* (KPI) bagi perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok iaitu 30% perokok yang menetapkan *quit date* berjaya berhenti merokok mencapai sasaran iaitu sebanyak 81.8%.

6.2 Kajian objektif kualiti mendapati sekurang-kurangnya 60 kelas pendidikan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018 mencapai sasaran yang ditetapkan.

6.3 Dua (2) pegawai di Unit Pendidikan Pesakit telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2018.

7.0 ISU DAN CABARAN

Perkhidmatan pendidikan pesakit yang dijalankan di Unit Pendidikan Pesakit semakin bertambah dari masa ke semasa selari dengan perkembangan semasa. Sehubungan dengan itu,

kedatangan pesakit juga turut mencatatkan peningkatan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa masalah yang telah dihadapi sepanjang tempoh tahun semasa:

7.1 Peruntukan

Peruntukan tahunan yang diterima hanyalah sebanyak RM10,000. Peruntukan ini perlu digunakan sepanjang tahun bagi melaksanakan pelbagai aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan. Kekurangan peruntukan menyebabkan beberapa aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan.

7.2 Tiada Bilik Khas

